

**TAWARRUQ DALAM PEMBIAYAAN MIKRO DI AMANAH  
IKHTIAR MALAYSIA: ANALISIS BERDASARKAN  
PIAWAIAN SYARIAH, BANK NEGARA  
MALAYSIA**

**MOHAMAD HAFIZ BIN AHMAD ALI**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

**TAWARRUQ DALAM PEMBIAYAAN MIKRO DI AMANAH  
IKHTIAR MALAYSIA: ANALISIS BERDASARKAN  
PIAWAIAN SYARIAH, BANK NEGARA  
MALAYSIA**

**MOHAMAD HAFIZ BIN AHMAD ALI**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

**TAWARRUQ DALAM PEMBIAYAAN MIKRO DI AMANAH  
IKHTIAR MALAYSIA: ANALISIS BERDASARKAN  
PIAWAIAN SYARIAH, BANK NEGARA  
MALAYSIA**

**MOHAMAD HAFIZ BIN AHMAD ALI**

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI IJAZAH  
SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

# TAWARRUQ DALAM PEMBIAYAAN MIKRO DI AMANAH IKHTIAR MALAYSIA: ANALISIS BERDASARKAN PIAWAIAN SYARIAH, BANK NEGARA MALAYSIA

## ABSTRAK

Amanah Ikhtiar Malaysia adalah sebuah institusi pembiayaan mikro yang menawarkan pembiayaan kecil-kecilan kepada golongan yang kurang berkemampuan bertujuan untuk mengurangkan kadar kemiskinan di Malaysia. Pembiayaan mikro berkenaan mengamalkan kontrak *tawarruq* sebagai dasar transaksi. Namun begitu, pelaksanaan *tawarruq* di Malaysia dipertikaikan berasaskan standard piawaian *Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions* (AAOIFI) dan *tawarruq* didapati mempunyai *hiyal* sebagaimana *bay,, al-,īnah*. Para pengkaji sebelum ini menjadikan piawaian Syariah AAOIFI sebagai rujukan disebabkan oleh ketiadaan peraturan khusus yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Biarpun piawaian AAOIFI buat masa ini masih relevan, namun, kini Malaysia telah memiliki standard piawaian Syariah tersendiri yang disusun dan diselia oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPSBNM). MPSBNM adalah badan autoriti fatwa yang amat memahami tentang situasi kewangan negara dan keberadaan piawaian tersebut merupakan keperluan yang mendesak serta sesuai dengan tuntutan zaman dan keadaan. Justeru, kajian ini menilai sejauh mana *tawarruq* yang dilaksanakan dalam pembiayaan mikro AIM menepati piawaian Syariah BNM. Lima aspek, iaitu *‘ijāb qabūl*, komoditi, harga, perwakilan dan syarat pelaksanaan janji (*wa,,d*) dijadikan sebagai asas penilaian untuk diselidiki bagi melihat keselarasannya melalui sebelas standard piawaian Syariah yang dipilih oleh penyelidik. Pembiayaan mikro AIM dalam kajian ini merujuk kepada Skim Pembiayaan Ikhtiar (SPI) yang dijadikan sebagai kajian kes. Pengumpulan data dalam kajian diperoleh melalui tiga kaedah; iaitu dokumentasi,

temu bual semi berstruktur dan pemerhatian tanpa penyertaan secara langsung. Data-data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian *ATLAS.ti 7* dan kaedah menganalisis data menggunakan empat kaedah, iaitu induktif, deduktif, komparatif dan triangulasi. Hasil kajian menunjukkan bahawa SPI mengamalkan kontrak *tawarruq* secara terancang dan hasil daripada lima aspek yang dijadikan sebagai asas penilaian mendapati bahawa isu berkaitan harga dan komoditi tidak dapat dipenuhi dengan sempurna yang menyentuh tentang isu pendedahan harga dalam kontrak *murābahah* dan pendedahan komoditi kepada pelanggan. Kedua-dua isu ini menimbulkan permasalahan *gharar yasīr*, namun tidak menjejaskan kelangsungan akad. Walau bagaimanapun, SPI masih mengekalkan hukum asal yang mengharuskan kontrak *tawarruq* yang didasari oleh kaedah *istiṣhāb al-ibāḥah al-aṣliyyah* dan *makhārij* yang dibenarkan. Akhir sekali, kajian ini mencadangkan penambahbaikan dalam SPI sedia ada, dengan pengaplikasian *ibrā'*, pemindaan teks “komoditi” dan penurunan kadar untung kepada golongan miskin. Beberapa saranan lain juga turut disertakan dalam kajian bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan pembiayaan mikro Islam di AIM.

# **TAWARRUQ DALAM PEMBIAYAAN MIKRO DI AMANAH IKHTIAR MALAYSIA: ANALISIS BERDASARKAN PIAWAIAN SYARIAH, BANK NEGARA MALAYSIA**

## **ABSTRACT**

Amanah Ikhtiar Malaysia is a micro-financing institution that offers small-scale financing to the less fortunate people to reduce poverty in Malaysia. The micro-finance is practicing *tawarruq* contract as a transaction basis. However, the implementation of *tawarruq* in Malaysia is unclear based on Shariah standard of Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI) and *tawarruq* is found to have *hiyal* as *bay,al-'inah*. The previous researchers made the AAOIFI as standard of reference due to the absence of specific regulations issued by Bank Negara Malaysia (BNM). Although the current AAOIFI standards are still relevant, Malaysia now has its own Shariah standardized guide lines which are being prepared and supervised by Bank Negara Malaysia's Shariah Advisory Council (MPSBNM). MPSBNM is a fatwa authority body that fully understands the country's financial situation and the existence of such standard is an urgent need and is in line with the demands of times and circumstances. Therefore, this study attempts to explore the magnitude to which *tawarruq* implemented in AIM microfinancing meets the requirements of the BNM Shariah standards. The five aspects of *'ijāb qabūl*, commodities, prices, representations and execution of promises (*wa'd*) are used as the basis for evaluation to be investigated to justify the parallelism with the eleven Shariah standard lines in the BNM standards chosen by the researcher. AIM micro-financing in this study refers to Ikhtiar Financing Scheme (SFI) which is used as a case study. Data collection in the study was obtained through three methods; documentation, semi-structured interviews and observation without participation. The data were analyzed using *ATLAS* software 7 and applied four

analysis methods including inductive, deductive, and comparative and triangulation of data. The results show that SPI adopts a organized *tawarruq* contract and as a result of the five aspects that are used as the basis of analytical analysis and found that prices and commodity issues cannot be fulfilled perfectly involving the issue of price disclosure in *murābahah* contracts and commodity exposures to customers. Both of these issues lead to the existence of *gharar yasīr*, but not until it affects the continuity of the contract. However, the SPI remains in the original law of *tawarruq* contract based on *istiṣhāb al-ibāḥah al-aṣliyyah* and permissible *makhārij* methods. Finally, the study proposes improvements in the existing SPI, *ibrā'* application, "commodities" texture and the reduction in profit rates to the poor. Other several recommendations were also included in the study to enhance the level of Islamic micro-finance services for AIM.

## PENGHARGAAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، حَمْدًا يُؤَافِي نِعْمَهُ، وَيُكَافِي مَزِيدَهُ، يَا رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ  
وَجْهِكَ وَعَظِيمِ سُلْطَانِكَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَكَ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ، صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَبَعْدُ:

Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT atas kurniaan rahmat dan kasih sayang yang diberikan kepada hamba-hamba-Nya yang dicintai. Selawat dan salam ke atas junjungan nabi yang teramat mulia, Muḥammad *Ṣallallah „alayh wa Sallam* yang mengeluarkan manusia daripada kejahilan kepada kebenaran, ahli keluarga baginda serta para sahabat *raḍiyallah „anhum ‘ajma,‘in*.

Dengan keizinan Allah SWT, kajian ini dapat diselesaikan dengan jayanya. Oleh itu, sekalung ucapan terima kasih secara khusus diucapkan kepada penyelia disertasi ini, iaitu Dr. Fadillah binti Mansor atas kesungguhan beliau memberikan bimbingan serta nasihat sepanjang penulis menyiapkan kajian. Semoga Allah SWT mengurniakan beliau umur yang barakah untuk terus berkhidmat mencurahkan ilmu bagi melahirkan modal insan yang dapat berbakti dan memartabatkan syiar Islam.

Seterusnya, rakaman terima kasih juga ditujukan kepada Dr. Kamaruzaman Noordin, Dr. Sufyan Che Abdullah, Dr. Nor „Azzah Kamri, Prof Dato“ Dr. Ahmad Hidayat Buang, Dr. Luqman Hj. Abdullah, Dr. Mohd Anuar Mamat, Prof. Dr. Rahimin Affandi Abdul Rahim, Dr. Nor Aini Ali dan para pensyarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, khususnya daripada Jabatan Syariah dan Pengurusan atas curahan ilmu, komentar dan dorongan. Tidak dilupakan juga buat guru-guru yang ikhlas mendidik penulis sepanjang pengajian di Universiti Al-Azhar.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada pihak Amanah Ikhtiar Malaysia yang sudi meluangkan masa bagi sesi perkongsian maklumat terutamanya, Pn. Alwani Safiei, Pn. Syazana Abd Rahman, Pn. Robeah Baharuddin, En. Roslan Abas, Pn. Noor Anina Mat Nordin, En. Mujahid Azhari, En. Azman Yusuf dan tidak dilupakan wakil pihak



Bursa Malaysia En. Shamsul Akmal Ahmad, En. Muhammad Hasanan Yunus, En. Shihab Rashidee Norhisham dan saudari Nur Izzati Ahmad Nazir.

Pada kesempatan ini juga, penulis ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih buat insan yang istimewa, iaitu ayahanda Ahmad Ali Nasir dan bonda Saripah Mohamad atas didikan, pengorbanan dan doa untuk anakanda ini agar berjaya di dunia dan akhirat. Sekalung penghargaan juga ditujukan buat seluruh anggota keluarga, Nik Asri, Aisahtuakmam, Jafrizal, Hodijahtunsalma, Muhamad Jamil dan Sopiahtunsarah atas bantuan dan keprihatinan yang ditunjukkan.

Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Semoga pahala hasil daripada penulisan disertasi ini dikecapi oleh kalian di syurga kelak.

Penulis memohon kepada Allah SWT agar diberikan pedoman (taufiq) dan keikhlasan melalui usaha ini dan juga berharap agar disertasi ini dapat dimanfaatkan oleh seluruh umat Islam dan menjadikannya sebagai salah satu penyebab penghapusan dosa bagi penulis dan umumnya bagi umat Muhammad *Ṣallallah ʿalayh wa Ṣallam* dan memohon kepada Allah SWT agar dijauhkan daripada azab-Nya yang amat pedih.

إِنَّهُ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُّجِيبٌ وَبِعِبَادِهِ لَطِيفٌ خَبِيرٌ. آمِينَ  
رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ  
وَتُبَّ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ  
سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

*Al-Rājī ʿafwa Rabbih:*

Mohamad Hafiz bin Ahmad Ali  
No 7, Jalan WM 3A/8,  
Bandar Behrang 2020,  
35950 Behrang Stesen,  
Tanjong Malim, Perak.  
hafizali108@gmail.com  
IGA 140079  
013-5863005

## PANDUAN TRANSLITERASI

### Konsonan

Arab	Roman	Contoh Kalimah Arab	Contoh Transliterasi
ا، ء	a, ''	الْمَسْأَلَة	<i>al-mas'alah</i>
ب	b	ابْرَاهِيم	<i>ibrāhīm</i>
ت	t	تَوَاب	<i>tawwāb</i>
ث	th	الثَّلَاثِيَّة	<i>al-thulāthiyyah</i>
ج	j	الْمَجْمَع	<i>al-majma,,</i>
ح	ḥ	حِيلَة	<i>hīlah</i>
خ	kh	خَطِيء	<i>khaṭī''</i>
د	d	دَلْو	<i>dalw</i>
ذ	dh	ذُو	<i>dhū</i>
ر	r	التَّرَاخُم	<i>al-tarāḥum</i>
ز	z	الزَّمَاكْشَرِي	<i>al-zamaksharī</i>
س	s	اسْتِغْرَاق	<i>istighrāq</i>
ش	sh	شُبْهَة	<i>shubhah</i>
ص	ṣ	صُورَة	<i>ṣūrah</i>
ض	ḍ	عِوَض	<i>,,iwaḍ</i>
ط	ṭ	التَّعَاطُف	<i>al-ta,ātuf</i>
ظ	ẓ	الْمُنْظَم	<i>al-munazzam</i>
ع	''	العَيْنَة	<i>al-,īnah</i>
غ	gh	غَرَر	<i>gharar</i>
ف	f	الْفَرْدِي	<i>al-fardī</i>
ق	q	تَوَرُّق	<i>tawarruq</i>
ك	k	المَكِّيَة	<i>al-makkiyyah</i>
ل	l	الإِسْلَامِي	<i>al-islāmī</i>
م	m	المَدْلُول	<i>al-madlūl</i>
ن	n	النَّقْد	<i>al-naqd</i>
هـ	h	الفِقْهِي	<i>al-fiqhī</i>

و	w	الورق	<i>al-wariq</i>
ي	y	البُيُوع	<i>al-buyū,,</i>
ة	h, t	الرِسَالَة مِشْكَاتُ الْمَصَابِيحِ	<i>al-risālah</i> <i>mishkāt al-maṣābīḥ</i>

### Vokal Pendek

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh Kalimah Arab	Contoh Transliterasi
َ	a	قَتَات	<i>qanata</i>
ِ	i	سَلِمَ	<i>salima</i>
ُ	u	جُعِلَ	<i>ju,,ila</i>

### Vokal Panjang

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh Kalimah Arab	Contoh Transliterasi
ا، آ، إ	ā	كُبْرَى، بَابُ	<i>bāb, kubrā</i>
ي	ī	وَكَيْلٍ	<i>wakīl</i>
و	ū	سُورَةٌ	<i>sūrah</i>

### Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh Kalimah Arab	Contoh Transliterasi
اَوْ	aw	قَوْلٍ	<i>qawl</i>
أَيَّ	ay	خَيْرٍ	<i>khayr</i>
أُوَّ	uww	قُوَّةٍ	<i>quwwah</i>
أَيَّ	iy, ī	عَرَبِيٍّ	<i>,,arabiyī</i>

## DAFTAR ISI

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PANDUAN TRANSLITERASI	vii
DAFTAR ISI	ix
SENARAI KEPENDEKAN	xiv
SENARAI GLOSARI	xvi
SENARAI JADUAL	xix
SENARAI RAJAH	xx
SENARAI LAMPIRAN	xxi
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Permasalahan Kajian	9
1.4 Persoalan Kajian	13
1.5 Objektif Kajian	13
1.6 Kepentingan Kajian	14
1.7 Skop Kajian	15
1.8 Pecahan Bab	16
<b>BAB 2: SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	17
2.1.1 Kajian Mengenai <i>Tawarruq</i>	17
2.1.2 Kajian Mengenai Pembiayaan Mikro Islam dan Konvensional	28
2.1.3 Rumusan	32

### **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	33
3.2	Reka Bentuk	33
3.3	Kaedah dalam Pengumpulan Data	35
3.3.1	Kaedah Kajian Perpustakaan	35
3.3.2	Kaedah Dokumentasi	36
3.3.3	Kaedah Temu Bual	38
3.3.3.1	Protokol Sesi Temu Bual	42
3.3.4	Kaedah Observasi	45
3.4	Kaedah dalam Analisis Data	46
3.4.1	Perisian	46
3.4.2	Kaedah Induktif	46
3.4.3	Kaedah Deduktif	47
3.4.4	Kaedah Komparatif	47
3.4.5	Kaedah Triangulasi	48

### **BAB 4: *TAWARRUQ* MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH**

4.1	Pengenalan	49
4.2	Pembahagian <i>Tawarruq</i>	53
4.3	<i>Tawarruq Fiqhī</i>	54
4.3.1	Definisi <i>Tawarruq Fiqhī</i>	54
4.3.1.1	Sudut Bahasa	54
4.3.1.2	Dari Segi Istilah Fuqaha <sup>2</sup>	56
4.3.2	Hukum <i>Tawarruq Fiqhī</i> Mengikut Pandangan Fuqaha <sup>2</sup>	58
4.3.2.1	Hujah Golongan Membenarkan <i>Tawarruq Fiqhī</i>	59
a.	Dalil Al-Quran	59
b.	Dalil Al-Sunnah	60
c.	Dalil daripada Kaedah Fiqhiyyah	61
d.	Dalil <i>Al-Ma., qīl</i> (Logik)	61
4.3.2.2	Hujah Golongan yang Menolak <i>Tawarruq Fiqhī</i>	62
a.	Dalil Al-Sunnah	62
b.	<i>Hīlah</i>	63
c.	<i>Bay,, d-Mudṭar</i>	63

d.	Dalil daripada Kaedah Fiqhiyyah	64
4.3.2.3	Hujah Golongan Memakruhkan <i>Tawarruq Fiqhī</i>	65
a.	Dalil Al-Sunnah	65
4.3.2.4	Kesimpulan Hukum <i>Tawarruq Fiqhī</i>	66
4.4	<i>Tawarruq Maṣrifī</i>	68
4.4.1	Definisi <i>Tawarruq Maṣrifī</i>	68
4.4.1.1	Sudut Bahasa	68
4.4.1.2	Dari Segi Istilah Fuqaha"	69
4.4.1.3	<i>Tawarruq Maṣrifī</i> : Menerapkan Ciri-Ciri <i>Tawarruq Fiqhī</i> atau Konsep Gabungan Beberapa Kontrak yang Saling Mengikat ( <i>Hibrid</i> )?	71
4.4.2	Hukum <i>Tawarruq Maṣrifī</i> Mengikut Pandangan Fuqaha"	74
4.4.2.1	Hujah Golongan Membenarkan <i>Tawarruq Maṣrifī</i>	75
a.	Dalil Al-Quran	76
b.	Dalil Al-Sunnah	77
c.	Dalil daripada Kaedah Fiqhiyyah	78
4.4.2.2	Hujah Golongan yang Menolak <i>Tawarruq Maṣrifī</i>	79
a.	Tujuan Mengamalkan Riba ( <i>Hīlah</i> )	79
b.	Mengamalkan <i>Bay,, d-,Īnah</i>	84
c.	Tidak Menepati <i>Maṣlahah Muwakkil</i>	85
d.	<i>Gharar</i> pada Komoditi ( <i>Ma,, qīd ,,Aayh</i> )	87
e.	Fatwa Majma,, al-Fiqhī al-Islamī	91
4.4.2.3	Kesimpulan Hukum <i>Tawarruq Maṣrifī</i>	93
4.5	Rumusan	94

## **BAB 5: APLIKASI KONTRAK *TAWARRUQ* DALAM PEMBIAYAAN MIKRO AMANAH IKHTIAR MALAYSIA (AIM)**

5.1	Pengenalan	96
5.2	Proses Sebelum ke Peringkat Pelaksanaan <i>Tawarruq</i> di Bursa Suq al-Sila,, (BSAS)	100
5.3	Proses Pelaksanaan <i>Tawarruq</i> dalam SPI di Bursa Suq al-Sila,, (BSAS)	104
5.4	Proses Selepas Penyempurnaan Pelaksanaan <i>Tawarruq</i> dalam SPI	107
5.5	Rumusan	110

## **BAB 6: ANALISIS PERBANDINGAN ANTARA KONTRAK *TAWARRUQ* DALAM PEMBIAYAAN MIKRO AIM DENGAN PIAWAIAN SYARIAH, BANK NEGARA MALAYSIA**

6.1	Pengenalan	112
6.1.1	Analisis Aspek <i>Ijab dan Qabul</i>	116
6.1.1.1	Kaedah Penawaran dan Penerimaan dalam Kontrak	116
6.1.2	Analisis Aspek Komoditi	118
6.1.2.1	Kewujudan Aset dan Dikenal Pasti	118
6.1.2.2	Pendedahan Komoditi kepada Pelanggan	119
6.1.2.3	Tanpa Penglibatan Transaksi Riba	122
6.1.2.4	Penerimaan Aset	124
6.1.2.5	Tanpa Pertindihan Komoditi	126
6.1.3	Analisis Aspek Harga	130
6.1.3.1	Pendedahan Harga Setiap Kontrak Jual Beli	130
6.1.3.2	Pendedahan Harga Kontrak Jual Beli <i>Murābahah</i>	131
6.1.4	Analisis Aspek Perwakilan ( <i>Wakālah</i> )	135
6.1.4.1	Pelaksanaan Dwi Agensi	135
6.1.5	Analisis Aspek Pelaksanaan Janji ( <i>Wa,,d</i> )	138
6.1.5.1	Tanpa Penglibatan <i>al-,Īnah</i>	138
6.2	Rumusan	141

## **BAB 7: RUMUSAN DAN CADANGAN**

7.1	Pengenalan	144
7.2	Rumusan	144
7.2.1	<i>Tawarruq</i> Menurut Perspektif Syariah	144
7.2.2	Aplikasi <i>Tawarruq</i> dalam Pembiayaan Mikro di AIM	146
7.2.3	Perbandingan Modus Operandi <i>Tawarruq</i> dalam Pembiayaan Mikro AIM dengan Piawaian Syariah, BNM	148
7.3	Cadangan Kajian	151
7.3.1	Pengaplikasian <i>Ibrā'</i> dalam <i>Tawarruq</i> yang Sedia Ada	151
7.3.2	Pemindaan Teks “Komoditi” dalam Dokumen	152
7.3.3	Penurunan Kadar Keuntungan 10 Peratus kepada Pemohon yang Masih di Bawah Garis Kemiskinan	152
7.3.4	Pembiayaan Berasaskan <i>Murābahah</i>	153
7.3.5	Pembiayaan Berasaskan <i>Muḍārabah</i>	156
7.3.6	Pembiayaan Berasaskan <i>Mushārahah Mutanāqishah</i>	156
7.3.7	Pelaksanaan <i>Qarḍ Ḥasan</i> kepada Pemohon Kali Pertama	158
7.3.8	Pengauditan Syariah Secara Berkala di Lokasi Penempatan Minyak	159
7.3.9	Penambahan Tenaga Kerja AIM di Bahagian Unit Syariah	160
7.3.10	Program Keusahawanan Melalui Dana Zakat Produktif	160

<b>BIBLIOGRAFI</b>	161
--------------------	-----

<b>LAMPIRAN</b>	172
-----------------	-----



## SENARAI KEPENDEKAN

AAOIFI	Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions
Ab	Abdul
AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
AITAB	<i>Al-‘Ijārah Thumma al-Bay,,</i>
ASB	Amanah Saham Bumiputera
ASN	Amanah Saham Nasional
BBA	<i>Bay,, Bthaman ‘ājjil</i>
Bil.	Bilangan
BIMB	Bank Islam Malaysia Berhad
BMIS	Bursa Malaysia Islamic Services Sdn. Bhd.
BMMB	Bank Muamalat Malaysia Berhad
BNM	Bank Negara Malaysia
BSAS	Bursa Suq al-Sila,,
bt.	Binti
CIMB	Commerce International Merchant Bank
CPO	Crude Palm Oil
CTP	Peserta Pedagang Komoditi
DAIJ	Diploma in Law and Administration of Islamic Judiciary
DFIA	The Development Financial Institutions Act 2002
ed.	Edisi
ed.	Editor
En.	Encik
et. al	dan rakan-rakan
GIFF	Global Islamic Finance Forum
Hj.	Haji
Ibid.	Ibidem merujuk bagi halaman yang sama
IC	Identity Card
IFSA	Islamic Financial Services Act
IKI	Institusi Kewangan Islam
IKP	Institusi Kewangan Pembangunan
ISRA	International Shari‘ah Research Academy for Islamic Finance
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JFK	Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan
LFM	Lembaga Fatwa Mesir ( <i>Dār al-Iftā’’ al-Miṣriyyah</i> )
LZNN	Lembaga Zakat Negeri-Negeri
LZS	Lembaga Zakat Selangor
MENA	Middle East and North Africa
M5	Pengawasan Projek dan Pengesahan Modal
MPS	Majlis Penasihat Syariah
No.	Nombor
OIC	Pertubuhan Negara-Negara Islam (Organisation of Islamic Cooperation)
PA	Pegawai Amanah
PERKEM	Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia
PK	Pengiktirafan Kumpulan
PKS	Pengusaha Kecil dan Sederhana
Pn.	Puan
PPA	Penolong Pegawai Akaun
PPK	Proses Penurunan Kuasa

PPK	Penolong Pegawai Kerja
PR	Pegawai Cawangan
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
PW	Pengurus Wilayah
R&D	Research and Development
RA	<i>Raḍiyallah ,,anh / Raḍiyallah ,,anhū</i>
RHB	Rashid Hussein Bank
RHIB	Rashid Hussein Islamic Bank
RM	Ringgit Malaysia
SABB	Saudi British Bank
SAFIS	<i>Sahabat Finance in System</i>
SAMBA	Saudi American Bank
SAW	<i>Ṣallallah ,,dayh Wa Sallam</i>
SKI	Sistem Kewangan Islam
SMIC	Sistem Maklumat Ikhtiar Cawangan
SOP	Standard Operating Procedure
SPI	Skim Pembiayaan Ikhtiar
SPK	Sesi Pengenalan Kumpulan
SS	Suruhanjaya Sekuriti
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
SWT	<i>Subhanahu wa ta ,,ālā</i>
t.p.	Karya tanpa penerbit
t.t.	Karya tanpa tarikh
t.tp.	Karya tanpa tempat terbitan
TEKUN	Tabung Ekonomi Urus Niaga
TKH	Tabung Khairat Hutang
TKKS	Tabung Kebajikan dan Kesejahteraan Sahabat
TN	Tekun Nasional
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UM	Universiti Malaya
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia

## SENARAI GLOSARI

<i>,aqliyyah</i>	:	Pandangan akal yang melihat kepada neraca ilmu.
<i>,illah</i>	:	Asas hukum, alasan.
<i>‘ijārah</i>	:	Kontrak sewa menyewa dan upah.
<i>abwāb</i>	:	Bab-bab.
<i>al-,īnah</i>	:	Transaksi jual beli yang berlaku antara penjual dan pembeli. Penjual menjual asetnya kepada pembeli dengan pembayaran harga tangguh. Setelah itu, penjual membeli kembali aset tersebut daripada pembeli dengan harga tunai yang lebih rendah daripada harga tangguh.
<i>al-‘aṣl fī al-mu‘āmalāt al-‘ibāḥah</i>	:	Asas hukum dalam urusan harian manusia adalah harus.
<i>al-aṣl fī al-,uqūd lil‘alḥiz dūn al-ma‘ānī</i>	:	Asas yang diambil kira dalam kegiatan akad adalah pada keterangan lisan, bukan pada maksud dan tujuan.
<i>al-istiṣnā‘,</i>	:	Jual beli secara tempahan.
<i>al-kifā‘iy</i>	:	Fardu kifayah.
<i>al-madlūl</i>	:	Intipati atau kehendak sesuatu lafaz.
<i>al-rahmah</i>	:	Memberikan hak kepada setiap sesuatu yang berhak mendapatkannya.
<i>awlawiyyāt</i>	:	Mendahului perkara yang amat penting.
<i>bay‘, al-waḍi‘,ah</i>	:	Transaksi yang dipersetujui antara penjual dan pembeli. Penjual memperoleh kerugian disebabkan mewujudkan transaksi ke atas aset pada harga yang kurang daripada harga pembelian asal.
<i>bay‘, murābahah</i>	:	Jual beli yang dilaksanakan ke atas aset pada harga kos ditambah dengan kadar keuntungan yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.
<i>bay‘, wakīl li nafsih</i>	:	Seseorang wakil mengadakan transaksi jual beli dengan dirinya sendiri.
<i>buyū‘,</i>	:	Transaksi-transaksi jual beli.
<i>buyū‘, al-,ājāl</i>	:	Jual beli aset berasaskan pembayaran bertangguh.
<i>ḍarūrī</i>	:	Keperluan utama.
<i>dharā‘i‘, al-ribā, dhari‘,ah</i>	:	Kelakuan yang membawa kepada amalan riba.
<i>fāsid</i>	:	Rosak atau batal.

<i>gharar yasīr</i>	: Sesuatu tindakan yang boleh diterima dan bertolak ansur.
<i>hijā''iyah</i>	: Huruf bahasa arab yang mengandungi 29 huruf bermula dengan urutan <i>hamzah</i> dan diakhiri dengan huruf <i>ya,,</i>
<i>ḥiyal shar,,iyah</i>	: Cara atau langkah untuk mencapai matlamat yang dibenarkan.
<i>ḥiyal ḡhayr shar,,iyah</i>	: Langkah untuk mencapai matlamat yang tidak dibenarkan.
<i>ijma,,</i>	: Persepakatan ulama <i>mujtahid</i> daripada umat Nabi Muhammad terhadap sesuatu hukum selepas kewafatan Rasulullah SAW.
<i>ilmiyyah</i>	: Berasaskan penghujahan ilmu.
<i>istiṣḡāb al-ibāḡah al-aṣliyyah</i>	: Hukum asal sesuatu yang dibenarkan.
<i>ittifaq fuqaha''</i>	: Persepakatan ulama'' feqah.
<i>jahālah</i>	: Ketidakpastian sifat sesuatu objek dalam sesuatu akad
<i>khasārah</i>	: Kerugian.
<i>mafsadah</i>	: Kerosakan.
<i>makhārij</i>	: Wasilah yang dapat mengeluarkan daripada kesempitan atau kesulitan serta bertepatan dengan kehendak maqasid syarak.
<i>makrūhāt</i>	: Makruh.
<i>Maqāsid shariah</i>	: Objektif pensyariaan hukum.
<i>maṣlaḡah</i>	: Sesuatu kebaikan atau faedah yang dilaksanakan untuk kepentingan umum, iaitu memutuskan sesuatu hukum berasaskan kepentingan umum melibatkan perkara yang tidak mempunyai nas secara jelas daripada al-Quran dan al-Sunnah.
<i>maysīr</i>	: Perjudian.
<i>mu,,āmalah</i>	: Urusan, kegiatan harian manusia.
<i>mukallaf</i>	: Golongan yang cukup umur, berakal yang wajib melaksanakan perintah-perintah Allah SWT.
<i>mushā,,</i>	: Perkongsian barangan yang belum dibahagi dan dipastikan hak pemilik.
<i>mushrikin</i>	: Orang-orang kafir (menyekutukan Allah SWT).
<i>mutawarriq ,mustawriq</i>	: Orang yang mengkehendaki kecairan (wang).
<i>muwakkil</i>	: Pemberi kuasa <i>wakālah</i> (perwakilan).

<i>qard</i>	: Pinjaman tanpa faedah.
<i>rājih</i>	: Terpilih, kuat, tepat.
<i>ṣarf</i>	: Pertukaran jual beli mata wang dengan mata wang.
<i>shubuhāt</i>	: Syubhah, keraguan, kesamaran (sesuatu hukum yang tidak jelas antara halal dengan haram).
<i>ṣūrī</i>	: Amalan jual beli <i>ṣūriyyah</i> ialah satu transaksi yang benar namun, bertujuan untuk mengamalkan riba.
<i>taklīf</i>	: Bebanan.
tamar <i>al-janīb</i>	: Tamar yang baik.
tamar <i>al-jam,,</i>	: Tamar yang bercampur atau tidak berkualiti.
tarjih	: Cenderung, yang lebih tepat.
<i>taṣarruf</i>	: Setiap tindakan yang mendatangkan <i>iltizam</i> dan kesan syarak.
<i>ṭawaṭu''</i>	: Perancangan awal.
<i>turāth</i>	: Klasik atau silam.
<i>wa,,d</i>	: Janji yang dibuat oleh salah satu pihak yang berkontrak untuk melaksanakan sesuatu.
<i>wajh al-istidlāl</i>	: Metode pemahaman dalil.
<i>wazan</i>	: Timbangan dalam ilmu <i>ṣaraf</i> .

## SENARAI JADUAL

		HALAMAN
Jadual 1.1	Produk Pembiayaan Mikro Secara Islam dan Konvensional di Institusi Kewangan Malaysia	10
Jadual 1.2	Objektif dan Persoalan Kajian	14
Jadual 3.1	Piawaian Syariah BNM dan Dokumen-Dokumen Pelaksanaan <i>Tawarruq</i> SPI	37
Jadual 3.2	Biodata Responden	41
Jadual 3.3	Temu Janji Bersama Pihak Responden	43
Jadual 4.1	Pengistilahan <i>Tawarruq</i> Menurut Empat Mazhab Muktabar	53
Jadual 5.1	Produk-Produk Skim Pembiayaan Ikhtiar Berasaskan <i>Tawarruq</i>	98
Jadual 5.2	Kadar Manfaat Tabung Kebajikan dan Kesejahteraan Sahabat	109
Jadual 6.1	Lima Aspek Perbincangan dalam Garis Piawaian Syariah BNM	113
Jadual 6.2	Keputusan Analisis Kontrak <i>Tawarruq</i> dalam Skim Pembiayaan Ikhtiar Berdasarkan Garis Piawaian Syariah BNM	142
Jadual 7.1	Ringkasan Perbezaan <i>Tawarruq Fiqhī</i> dan <i>Munazzam</i>	145
Jadual 7.2	Contoh Aplikasi <i>Mushārahah Mutanāqīshah</i> dalam Pembiayaan	157

## SENARAI RAJAH

		HALAMAN
Rajah 3.1	Metodologi Kajian	34
Rajah 4.1	Aliran Transaksi <i>Tawarruq Fiqhī</i>	57
Rajah 4.2	Pendapat <i>Tawarruq Fiqhī</i> Menurut Ulama <sup>“</sup> Silam	58
Rajah 4.3	Aliran Transaksi <i>Tawarruq Munazzam</i>	70
Rajah 4.4	Modus Operandi <i>Bay., Tawarruq Munazzam</i> di Bank Islam dalam Produk Pembiayaan Peribadi-i	73
Rajah 4.5	Pendapat <i>Tawarruq Maşrifī</i> Menurut Fuqaha <sup>“</sup> Kontemporari	74
Rajah 5.1	Proses Sebelum Aplikasi <i>Tawarruq</i> dalam SPI dilaksanakan di Platform BSAS	100
Rajah 5.2	Carta Alir Pelaksanaan <i>Tawarruq</i> dalam SPI di Platform BSAS	104
Rajah 6.1	Tatacara Analisis	115
Rajah 6.2	<i>Network</i> Metode Penawaran dan Penerimaan	116
Rajah 6.3	<i>Network</i> Kewujudan Aset dan Dikenal Pasti	118
Rajah 6.4	<i>Network</i> Pendedahan Komoditi kepada Pelanggan	119
Rajah 6.5	<i>Network</i> Ketidaklibatan Transaksi Riba	122
Rajah 6.6	<i>Network</i> Penerimaan Aset	124
Rajah 6.7	<i>Network</i> Pertindihan Komoditi	126
Rajah 6.8	<i>Network</i> Pendedahan Harga bagi Setiap Kontrak Jual Beli	130
Rajah 6.9	<i>Network</i> Pendedahan Harga dalam Kontrak <i>Murābahah</i>	131
Rajah 6.10	<i>Network</i> Pelaksanaan Dwi Agensi	135
Rajah 6.11	<i>Network</i> Ketidaklibatan Unsur <i>al-, Īnah</i>	138
Rajah 7.1	<i>Murābahah</i> Melalui Kaedah Pesanan	154
Rajah 7.2	<i>Murābahah bil Wakālah</i>	155

## SENARAI LAMPIRAN

	<b>HALAMAN</b>	
Lampiran A	Surat Akuan Menjalankan Kajian di Amanah Ikhtiar Malaysia	172
Lampiran B	Surat Akuan Menjalankan Kajian di Cawangan AIM Kepong dan Pejabat AIM Wilayah Kuala Lumpur	173
Lampiran C	Surat Akuan Menjalankan Kajian di Bursa Malaysia Berhad	174
Lampiran D	Borang Permohonan Pembiayaan Sahabat	175
Lampiran E	Borang Penyertaan Skim Tabung Khairat Hutang	179
Lampiran F	Borang Permohonan Pembelian Komoditi dan Aku Janji Pembelian ( <i>Wa., d</i> ) serta Borang Persetujuan Perlantikan Wakil bagi Penyempurnaan Akad Pembelian ( <i>Wakālah</i> 1) dan Penjualan ( <i>Wakālah</i> 2)	180
Lampiran G	Borang Kontrak <i>Murābahah</i>	182
Lampiran H	<i>e-Certificate</i> (Sijil) daripada Sistem BSAS; Pengesahan Transaksi antara Pembekal CPO dengan Pihak AIM serta <i>Commodity Information</i> (Maklumat Komoditi)	183
Lampiran I	<i>e-Certificate</i> (Sijil) daripada Sistem BSAS; Pengesahan Transaksi antara Pihak AIM dengan Pihak Sahabat (Mewakili no. batch) serta <i>Commodity Information</i> (Maklumat Komoditi)	186
Lampiran J	<i>e-Certificate</i> (Sijil) daripada Sistem BSAS; Pengesahan Transaksi antara Pihak Sahabat (Mewakili no. batch) dengan BMIS serta <i>Commodity Information</i> (Maklumat Komoditi)	188
Lampiran K	Senarai Pembelian Komoditi oleh AIM daripada Pihak Pembekal CPO dan Penjualan kepada Pihak Sahabat Secara (Kontrak <i>Murābahah</i> ) Melalui Sistem SAFIS (Perisian Kini)	190
Lampiran L	Senarai Pembelian Komoditi oleh AIM daripada Pihak Pembekal CPO dan Penjualan kepada Pihak Sahabat Secara (Kontrak <i>Murābahah</i> ) Melalui Sistem SMIC	196
Lampiran M	Contoh Surat WP4	198
Lampiran N	P115 <i>Tawaruq</i> (Maklumat Pembiayaan Sahabat AIM)	199



Lampiran O	Borang Akuan Temu Bual Bersama Responden	200
Lampiran P1	Rajah 6.2: <i>Network</i> Metode Penawaran dan Penerimaan	205
Lampiran P2	Rajah 6.3: <i>Network</i> Kewujudan Aset dan Dikenal Pasti	206
Lampiran P3	Rajah 6.4: <i>Network</i> Pendedahan Komoditi kepada Pelanggan	207
Lampiran P4	Rajah 6.5: <i>Network</i> Ketidaklibatan Transaksi Riba	208
Lampiran P5	Rajah 6.6: <i>Network</i> Penerimaan Aset	209
Lampiran P6	Rajah 6.7: <i>Network</i> Pertindihan Komoditi	210
Lampiran P7	Rajah 6.8: <i>Network</i> Pendedahan Harga bagi Setiap Kontrak Jual Beli	211
Lampiran P8	Rajah 6.9: <i>Network</i> Pendedahan Harga dalam Kontrak <i>Murābahah</i>	212
Lampiran P9	Rajah 6.10: <i>Network</i> Pelaksanaan Dwi Agensi	213
Lampiran P10	Rajah 6.11: <i>Network</i> Ketidaklibatan Unsur <i>al-Ḥinah</i>	214
Lampiran Q	Transkripsi Temu Bual	215

# BAB 1: PENDAHULUAN

## 1.1 PENGENALAN

Walaupun krisis kewangan global yang melanda dunia mengakibatkan kejatuhan beberapa institusi kewangan dalam sistem kewangan konvensional, namun industri kewangan Islam terus mengorak langkah dan mencatatkan pertumbuhan yang positif. Hal ini memperlihatkan bahawa sistem kewangan Islam (SKI) dianggap sebagai model dan alternatif yang terbaik dalam mendepani cabaran ekonomi yang mendatang.

SKI merupakan salah satu komponen ilmu Islam yang dibincangkan dalam fiqh muamalat selain daripada peraturan pengurusan kekeluargaan, politik, kenegaraan, hal ehwal bukan muslim (*non-muslim*) dan bidang kehakiman.<sup>1</sup> Al-Ramlī dalam *Nihāyah al-Muhtāj* menjelaskan bahawa SKI adalah kehendak semasa (*al-ḥājah*) yang menduduki martabat *darūri*<sup>2</sup>, buktinya SKI dimasukkan dalam perbincangan kedua setelah fiqh ibadah dalam buku-buku fiqh *turāth*.<sup>3</sup> Memahami ilmu ini adalah suatu keutamaan, lebih-lebih lagi kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam menguruskan perniagaan.<sup>4</sup> Penekanan tersebut dijelaskan dalam hadith nabi SAW dan Ibn ,Ābidīn dalam *Radd al-Mukhtār*:

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

Terjemahan: Menuntut ilmu adalah suatu kefarduan bagi setiap muslim.<sup>5</sup>

<sup>1</sup>Mohamed Rosli Mohamed Sain, Mohammad Mafizur Rahman dan Rasheda Khanam, "Islamic Finance: History and Development in Australia," *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance* 10, No. 3 (2014): 89-108. Selain peraturan berkaitan ibadat adalah termasuk dalam ruang lingkup fiqh muamalat mengikut pandangan aḥnāf. Lihat: ,Abd Wahāb Ibrāhīm Abū Sulaymān, *Tartīb al-Mawdū,āt al-Fiqhiyyah wa Munāsabatuh fī al-Madhāhib al-'arba,ah* (Mekah: Universiti 'Um al-Qurā, 1988), 95.

<sup>2</sup> Shamsudīn Muhammad bin Abū al-,Abbās Aḥmad bin Hamzah, *Nihāyah al-Muhtāj 'ilā Sharḥ al-Minhāj* (Beirut: Dar Kutub al-,Ilmiyyah, 2003), 1:58.

<sup>3</sup> ,Abd Wahāb Ibrāhīm Abū Sulaymān, *Tartīb al-Mawdū,āt al-Fiqhiyyah wa Munāsabatuh fī al-Madhāhib al-'arba,ah* (Mekah: Universiti 'Um al-Qurā, 1988), 61.

<sup>4</sup> ,Imād al-Dīn bin Aḥmad bin 'abīḤijlah, *al-Nujūm al-Lāmi,ah fī Thaḳāfah al-Muslim al-Jāmi'ah* (Amman: Dār al-Faṭḥ, 2009), 19.

<sup>5</sup> Hadith riwayat Ibn al-Mājah, al-Muqaddimah, Bab fī Faḳā'il Aṣḥāb Rasūlillah SAW, Bab Faḳl al-,Ulamā' wa al-Ḥaṭḥ ,alā Talab al-,ilm, no. Hadith 224. Lihat Muḥammad bin Yazīd bin Mājah al-Qazwīnī, "Sunan Ibn Mājah," dalam *Iḥdā' al-Dibājah bi Sharḥ ibn Mājah*, ed. Ṣafā' al-Ḍawwī Aḥmad al-,Adwī (t.tp: Dār al-Yaqīn, t.t) j. 1, 140.

مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ

Terjemahan: Barangsiapa dikehendaki oleh Allah SWT akan sesuatu kebaikan, nescaya diberikannya kefahaman dalam agama.<sup>6</sup>

Ibn ,Ābidīn dalam Radd al-Mukhtār ,alā al-Durr al-Mukhtār Sharḥ Tanwīr al-Absār:

“Al-,alāmi berkata dalam *Fuṣūl*: Selepas mempelajari ilmu agama dan hidayah (tentang mengenali ketuhanan/akidah) difardukan (wajib) ke atas lelaki dan perempuan *mukallaḥ* mempelajari ilmu tentang wudu“, mandi, solat, puasa, zakat bagi golongan yang layak, haji bagi mereka yang mampu, dan ilmu berkaitan “*al-buyū*, (berurus niaga)” kepada yang terlibat dengan perniagaan supaya dia terpelihara daripada terjerumus ke dalam perkara-perkara *shubuhāt*, *makrūhāt* dalam setiap transaksi”<sup>7</sup>

Tujuan SKI diaplikasikan dalam kehidupan Muslim adalah untuk memperoleh kesejahteraan di dunia dan menjadikannya sebagai tambatan di akhirat kerana setiap aktiviti dalam transaksi harian akan diberikan ganjaran dan balasan sama ada baik atau buruk di hari pembalasan kelak. Objektif ini memperlihatkan SKI mempunyai konsep tersendiri yang membezakan daripada sistem yang lain.

SKI juga mengambil kira aspek kejujuran dan amanah melalui perjanjian akad atau pengakuan bagi memastikan hubungan kemanusiaan terpelihara. Oleh sebab itu, transaksi kontrak Syariah tidak melibatkan amalan riba, *maysīr* serta *gharar*<sup>8</sup> yang merupakan asas utama kepada kerosakan akad yang dipersetujui<sup>9</sup> kerana kegiatan-kegiatan ini bertujuan untuk mengaut keuntungan semata-mata dan menerapkan nilai negatif sepertimana sistem konvensional yang diamalkan pada hari ini.

<sup>6</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-,ilm, Bab Man Yurīd Allah Bih Khairan Yuwafiqqḥ fī al-Dīn, no. Hadith 71, Lihat Abū ,Abd Allah Muhammad bin Ismā,il al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,” dalam *Jam,, Jawāmi,, al-“Alūdhith wa al-‘Asānīd wa Makniz al-Ṣiḥāḥ wa al-Sunan wa al-Masānīd* (Jerman: Jam,iyyah al-Maknaz al-Islāmī, 2000), 21.

<sup>7</sup> Ibn ,Ābidīn, *Radd al-Mukhtār ,alā al-Durr al-Mukhtār Sharḥ Tanwīr al-Absār* (Riyad: Dār al-,Ālam al-Kutub, 2003), 125.

<sup>8</sup> Bermaksud: Kewujudan unsur kesamaran dan ambiguiti dalam sesuatu transaksi jual beli, maka salah satu pihak berkontrak akan berdepan dengan penindasan serta risiko yang seterusnya akan mencetuskan implikasi utama *gharar*, iaitu pertelingkahan. Lihat: Hussein Azeemi Abdullah, Muhammad Firdaus Ab Rahman dan Azman Ab Rahman, “Analisa Eksistensi Gharar Terhadap Perlaksanaan Pembiayaan Peribadi Tawarruq,” *Global Journal al-Thaqafah Universiti Sultan Azlan Shah* 4 (Jun 2014): 86.

<sup>9</sup> ,Alī Aḥmad al-Sālūs, *al-Iqtisād al-Islāmī wa al-Qaḍāyā al-Mu,āṣirah* (Doha: Dār al-Thaqāfah, 1998), 16.

Dalam SKI, pembiayaan dibahagikan kepada dua kategori, iaitu pembiayaan ekuiti dan pembiayaan hutang. Pembiayaan ekuiti adalah pembiayaan yang dibuat melalui kontrak-kontrak perkongsian (*„uqūd al-ishtirāk*), iaitu antara dua pihak ataupun lebih yang melibatkan modal dan usaha dalam melakukan sesuatu projek atau perniagaan. Hasil keuntungan melalui projek yang diusahakan akan diagihkan berdasarkan kepada nisbah modal dan usaha pihak-pihak yang terlibat. Dua jenis kontrak yang dipraktikkan dalam pembiayaan ekuiti (*al-istithmār „an tariq al-tamalluk*), iaitu *mushārahah* dan *muḍārahah*. Wahbah al-Zuḥaylī (2006) memberikan definisi mazhab Ḥanafī yang dilihat tepat berbanding pentakrifan lain berkaitan *mushārahah* ataupun dikenali sebagai *sharikah*, iaitu akad yang dimeterai melalui dua pihak yang berkongsi dalam bentuk modal dan keuntungan.<sup>10</sup>

*Sharikah* dibenarkan demi memenuhi keperluan manusia bagi mengembangkan perniagaan dan usaha ke arah mencapai salah satu tujuan yang dituntut dalam Islam, iaitu “*al-ta,āwun bayn al-afrād*” saling membantu di antara satu sama lain.<sup>11</sup> Apabila berlaku perkembangan yang begitu pesat dalam perniagaan, akibat pembukaan-pembukaan kota Islam, maka pelbagai kemaslahatan yang perlu dipenuhi. Bertitik tolak daripada perkara tersebut, para fuqaha” mengerahkan tenaga fikiran mereka dalam mengeluarkan (*istinbat*) hukum bagi permasalahan-permasalahan baharu, memperinci dan mengklasifikasikan *shirkah* sama ada ia diharuskan atau sebaliknya.

---

<sup>10</sup>Wahbah al-Zuḥaylī, *al-Mu,āmalāt al-Māliyyah al-Mu,āṣirah* (Damsyik: Dār al-Fikr, 2006), 100.

<sup>11</sup> *Ibid.*

*Muḍārabah* atau *qirād* pula bermaksud akad pelaburan yang melibatkan persetujuan antara pemodal dengan pengusaha yang mana keuntungan akan dibahagikan antara pemodal dengan pengusaha berdasarkan nisbah yang disepakati. Sekiranya berlaku kerugian, ia ditanggung sepenuhnya oleh pemodal, manakala pengusaha akan menanggung kerugian usahanya.<sup>12</sup> *Muḍārabah* dan *qirād* membawa pengertian yang sama walaupun berbeza dari sudut lafaz. Islam mengharuskan kontrak ini diaplikasikan kerana didasari oleh sumber-sumber yang disepakati, iaitu al-quran, al-sunnah, ijma' dan kaedah qiyas. *Muḍārabah* diqiyaskan<sup>13</sup> dengan transaksi *musāqāh*<sup>14</sup> kerana memenuhi kehendak masyarakat sebagaimana keharusan yang diberikan dalam kontrak *mushārahah*. Allah SWT tidak mensyariatkan kepelbagaian akad dalam Islam melainkan untuk kemaslahatan hambanya dan menunaikan hasrat yang ingin dicapai.<sup>15</sup>

Pembiayaan kategori kedua pula adalah pembiayaan hutang (*debt financing*). Pembiayaan ini dibuat melalui bayaran bertangguh dengan menggunakan kontrak-kontrak pertukaran (*uqūd al-mu'āwaḍāt*). Pembiayaan hutang yang tidak melibatkan sebarang pertambahan menurut Islam dinamakan sebagai *qard*. Kontrak tersebut adalah dibuat atas dasar ihsan dan kebajikan bagi membantu golongan yang memerlukan. Kontrak ini adalah salah satu alternatif bagi menggantikan pinjaman berasaskan riba.

---

<sup>12</sup>Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Glosari Muamalat* (Kuala Lumpur : QA Printers , 2009), 50.

<sup>13</sup>*Qiyās* dari segi bahasa ialah kadar atau penyamaan. Dari sudut istilah ialah mengeluarkan pensabitan hukum dalam perkara baharu (*far*,) dengan mengembalikannya kepada hukum asal (*asl*) yang wujud pensabitan hukum tersebut dengan cara menghimpunkan kedua-dua (*al-far*, dan *al-asl*) melalui *illah* yang sama. Contoh: Pensabitan hukum *nabīdh* adalah haram sepertimana *khamr* kerana terdapat elemen memabukkan. Minuman *nabīdh* adalah suatu perkara baharu (*al-far*,) yang tiada dijelaskan di dalam nas, namun sebaliknya minuman *khamr* adalah perkara yang mempunyai hukum asal melalui nas. Nas menjelaskan bahawa hukum *khamr* adalah haram. Kedua-dua perkara (*nabīdh* dan *khamr*) telah terhimpun melalui satu *illah* (sebab) iaitu memabukkan. Justeru *nabīdh* disabitkan hukum sebagai haram. Lihat: „Abd al-Ḥāmid bin Muḥammad „Alī Quds, *Laṭā'if al-Ishārāt „ala Tashīl al-Ṭuruqāt li Naẓm al-Waraqāt* (Kaheerah: Dār al-Baṣā'ir, 2014), 121. Mengikut sebahagian pandangan (mazhab al-kūfiyyin): *Khamr* sejenis minuman yang dibuat daripada perahan anggur sahaja. Minuman yang diambil selain anggur dipanggil sebagai *nabīdh*. Lihat: Mustafā Muhammad Abu „Imarah, *Quṭūf min al-Huda al-Nabawī* (Kaheerah: Universiti al-Azhar, 2011), 132.

<sup>14</sup>*Musāqāh* dari sudut bahasa diambil daripada kata dasar *al-saqy* iaitu pengairan. Sudut istilah ialah penyerahan pohon tamar dan anggur yang diberikan oleh pemilik kepada tukang kebun (untuk merawat tanaman berkenaan seperti menyiram dan sebagainya) melalui satu perjanjian bahawa hasil daripada tanaman berkenaan diberikan bahagian kadar tertentu kepadanya dan bakinya diserahkan kepada pemilik. Lihat: Wizārah al-Awqāf wa Shu'ūn al-Islāmiyyah, *Mawsū'ah al-Fiqhiyyah* (Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1988), 37:112.

<sup>15</sup> Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1985), 4:839.

Adapun pembiayaan hutang yang melibatkan pertambahan atau keuntungan, kontrak yang digunakan adalah seperti *bay,, al-murābahah, bay,, bithaman al-,ājil* (jualan dengan harga tangguh), *al-ijārah thumma al-bay,,* (sewa beli), *bay,, al-istiṣna,,* (jualan tempahan) dan juga kontrak *tawarruq*.

Dalam kehidupan kita di dunia ini, pastinya terdapat golongan kaya dan miskin. Ia berkait rapat dengan ketentuan Allah SWT. Bagi sesetengah manusia, mereka dikurniakan harta yang banyak, namun tidak dianugerahkan keupayaan untuk bergerak dan mengembangkan harta yang dimiliki. Terdapat juga manusia yang dikurniakan kemahiran bagi meningkatkan usahanya, namun tidak mempunyai modal untuk mencipta kejayaan melalui kemahiran yang dimiliki. Oleh yang demikian, Islam mengharuskan pelbagai kontrak untuk dilaksanakan bagi memenuhi hasrat atau kehendak manusia.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kaedah Fiqhiyyah (*Islamic legal maxim*) menyatakan:

الأصلُ في العباداتِ التَّوْقِيفُ وَالْأَصْلُ فِي الْمُعَامَلَاتِ الْإِبَاحَةُ وَعَدَمُ التَّوْقِيفِ

Terjemahan: Asal<sup>16</sup> (*legal maxim*) hukum dalam ibadah adalah *tawqif* (diam sehingga datangnya dalil), manakala asal hukum dalam muamalat adalah harus dan tidak bersifat *tawqif*<sup>17</sup>

Tafsiran kaedah ini bermaksud setiap ibadah yang tidak menjelaskan sandaran dalil, maka ia adalah suatu bentuk yang terlarang dan ditegah<sup>18</sup>. Menurut perspektif kewangan Islam, Alī al-Sālūs (1998) menyatakan bahawa; “Tiada larangan dan tegahan melaksanakan pelbagai transaksi melainkan mempunyai suatu dalil yang melarang perbuatan tersebut. Sekiranya tiada dalil yang mengharamkannya, maka ia tidak memerlukan dalil yang mengharuskan”.<sup>19</sup> Jelas di sini bahawa Islam memberi kemudahan dan kelonggaran kepada manusia untuk melaksanakan pelbagai transaksi harian mereka selagi mana tidak bertentangan dengan prinsip Syarak. Ini termaktub melalui kaedah:

---

<sup>16</sup> Terdapat empat pengertian bagi asal menurut istilah usul fiqh: Pertama: Dalil. Contoh, sekiranya mengatakan “Asal dalam masalah ini adalah sebegini”. Perkataan asal yang dimaksudkan ialah mengenai “Dalil iaitu sumber daripada al-Quran dan al-Sunnah”. Kedua: *Rājiḥ*. Contoh, sekiranya mengatakan “Asal dalam *kalām* (percakapan) adalah mengikut kepada hakikat”. Pengertian asal yang dikehendaki di sini ialah “Pendapat yang cenderung dan dipegang oleh para pendengar menurut hakikat”. Ketiga: Kaedah berterusan. Contoh, sekiranya mengatakan “Asal dalam ibadah adalah larangan”. Pengertian asal yang dimaksudkan adalah “kaedah berterusan”. Keempat: Sesuatu konsep yang diqiaskan. Lihat: „Abd al-Ḥāmid bin Muḥammad „Alī Quds, *Laṭā’if al-Ishārāt „ala Tashīl al-Ṭuruqāt li Nazm al-Waraqāt* (Kaherah: Dār al-Baṣā’ir, 2014), 19.

<sup>17</sup> (الأصل في المعاملات الإباحة حتى يدل على التحريم): Asal dalam muamalat adalah harus sehingga datang suatu dalil yang menunjukkan pengharamannya. Ini adalah pandangan majoriti ulama” (Jumhur). Terdapat dua pandangan lain, iaitu (الأصل هو التحريم حتى يدل على الإباحة) Asal hukumnya adalah haram sehingga datang suatu dalil yang menunjukkan keharusannya.

(الأصل هو التوقف حتى يثبت دليل الإباحة او الحظر) Asal hukumnya adalah *tawaqquf* (tangguh) sehingga datang suatu dalil yang menunjukkan hukum harus atau haram. Lihat: Rafīq Yūnus al-Miṣrī, *Fiqh al-Mu,āmalāt al-Māliyyah li talabah Kuliyāt al-Iqtisād wa Idārah* (Damsyik: Dār Qalam, 2005), 24.

<sup>18</sup> „Abd al-Karīm Zaidān, *Wajiz fī Sharḥ al-Qawā, id al-Fiqhiyyah* (Beirut: Mu’assaah al-Risālah, 2009), 183.

<sup>19</sup> „Alī Aḥmad al-Sālūs, *al-‘iqtisād al-Islāmī wa al-Qaḍāyā al-Mu,āṣirah* (Doha: Dār al-Thaqāfah, 1998), 16.

الأحكام الأصولية والفرعية لا تتم إلا بأمرين: وجود الشروط و انتفاء الموانع

Terjemahan: Hukum hakam *al-'Uṣūliyyah* (pokok) dan *al-Far'iyyah* (cabang) tidak sempurna melainkan terdapat dua perkara, yaitu mempunyai syarat dan tidak wujud perkara-perkara yang dilarang.<sup>20</sup>

Riba adalah dasar utama yang ditegah dalam tadbir urus perniagaan. Isu ini telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam al-Quran dan al-Sunnah. Firman Allah SWT:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ  
مِنَ الْمَسِّ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ  
الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ  
وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٧٥﴾

Al-Baqarah 3: 275

Terjemahan: Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berjual beli itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu, sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) daripada Tuhannya lalu ia berhenti (daripada mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu), maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.

Al-Sunnah:

Hadith yang dikeluarkan oleh *Shaykhān* (Bukhari dan Muslim) daripada Abī Hurayrah *radīyallahu,, anht* telah berkata:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُؤَبَّاتِ قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ قَالَ:  
الشِّرْكَ بِاللَّهِ وَالسَّحْرُ وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَكْلُ الرِّبَا وَأَكْلُ مَالِ  
الْيَتِيمِ وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الرَّحْفِ وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْغَافِلَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ

Terjemahan: Nabi Muhammad SAW bersabda, "Jauhilah kalian tujuh dosa yang membinasakan". Para sahabat nabi SAW bertanya, "Apakah perkara tersebut?". Baginda SAW menjawab, "Menyekutukan Allah, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan oleh

<sup>20</sup> Sa,adudīn Muḥammad al-Kibbī, *Mu,āmalāt al-Māliyah al-Mu,āsirah fī Ḍaw' al-Islām* (Beirut: Penebit Maktabah Islāmī, 2012), 152.



Allah kecuali dengan jalan yang benar, memakan harta anak yatim, memakan riba, melarikan diri dari peperangan, menuduh wanita-wanita mu‘minah yang suci berzina”.<sup>21</sup>

Dalam catatan kitab-kitab terdahulu (sebelum syariat nabi Muhammad SAW), amalan riba adalah perkara yang diharamkan berdasarkan keterangan ayat 161 surah al-Nisa”.<sup>22</sup> Ayat 275 dalam surah al-Baqarah telah menjelaskan bahawa ekonomi Islam tidak diasaskan melalui prinsip riba atau mengambil keuntungan atas pemberian pinjaman untuk mengembangkan aktiviti-aktiviti ekonomi secara keseluruhan. Amalan sedemikian bercanggah dengan dasar agama Islam yang meletakkan prinsip “*al-rahmah*” sekalipun dalam konteks ekonomi dan pengurusan. Pelaksanaan riba ini telah cuba mengaplikasikan sesuatu yang bukan pada dasar dan hak yang sebenar dalam kehidupan manusia.

Perjalanan transaksi kewangan di Malaysia perlu dipantau dari semasa ke semasa walaupun telah diselesaikan oleh pakar-pakar kewangan Islam dalam bidang berkenaan. Ini kerana ruang untuk memberikan kritikan secara ilmiah, menambahbaik sistem dan mengemukakan cadangan tidak pernah tertutup, malah ia patut sentiasa digalakkan bagi mengembangkan kefahaman ilmu tentang muamalat Islam. Isu Pajak Gadai Islam,<sup>23</sup> Komoditi BSAS,<sup>24</sup> PTPTN,<sup>25</sup> ASB<sup>26</sup> dan Skim Pinjaman Islam<sup>27</sup> antara contoh

---

<sup>21</sup>Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Muḥāribīn min “Ahl al-Kufr wa al-Ridda, Bab al-Ramy al-Muḥsanāt , no. Hadith 6465, Lihat dalam Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,” dalam *al-Turāth al-Nabawī*, ed. Muṣṭafā Dīb al-Bughā ( Damsyik: Dār Ibn Kathīr, t.t ) j. 6, 2515.

<sup>22</sup> Hishām al-Kāmil Ḥāmid al-Azhārī, *Imtā‘, bi Sharḥ Matn Abī Shujā‘*, (Kaherah: Dār Manār, 2011), 217.

<sup>23</sup> Perbincangan oleh Shamsiah Mohamad dan Safinar Salleh (2008) kedudukan barang gadaian di tangan pemegang gadai bukanlah terhasil daripada kontrak *al-wadi‘ah*, tetapi ia merupakan tuntutan akad *al-rahnu* itu sendiri. Oleh itu, menjadikan prinsip *al-wadi‘ah yad damanah* sebagai asas bagi membolehkan institusi-institusi yang menawarkan kemudahan gadaian Islam di Malaysia adalah tidak menepati hukum syarak. Lihat: Shamsiah Mohammad dan Safinar Salleh, “Upah Simpan Barang Dalam Skim Ar-Rahnu: Satu Penilaian Semula,” *Jurnal Fiqh*, no. 5 (2008): 217-234.

<sup>24</sup>Penyelidikan yang dilaksanakan oleh Mohd Nor Hisham Mazlan *et. al* (2015) mendapati bahawa wujud unsur *gharar* pada beberapa situasi platform BSAS. Walau bagaimanapun, unsur-unsur *gharar* yang timbul dapat diminimakan dan tidak mencetuskan perbezaan pendapat dalam kalangan sarjana Islam. Lihat: Mohd Nor Hisham Mazlan, Ab. Mumin Ab. Ghani dan Norshuhaida Razak (makalah, Tenth Malaysian National Economic Conference (PERKEM), Kekayaan Terangkum Teras Pembangunan Lestari, Melaka, 18 – 20 September 2015), 586.

permasalahan yang berjaya ditangani, namun masih wujud beberapa kritikan *ilmiyah* yang dikaji oleh para cendekiawan yang selanjutnya. Hasil penyelidikan mereka ini merupakan satu nilai yang amat penting dan berharga, khususnya bagi menambahbaik pembangunan produk agar selari dengan keperluan Syariah kerana kejelasan dan kekurangan kontroversi bagi sesuatu instrumen berunsurkan Islam diberikan penekanan supaya tidak membawa kepada elemen perundangan.<sup>28</sup>

### 1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

*Tawarruq* pada hari ini telah menjadi kontrak dominan yang digunakan oleh kebanyakan institusi, khususnya dalam pelaksanaan pembiayaan secara mikro.<sup>29</sup> Lihat hasil integrasi penyelidikan berkaitan produk-produk pembiayaan mikro dalam Jadual 1.1 di bawah, kebanyakan institusi kewangan menjadikan *tawarruq* sebagai kontrak pendasar dalam produk pembiayaan yang ditawarkan.

---

<sup>25</sup>Zaharudin Abd Rahman (2009) Kaedah kiraan PTPTN kini tetap tidak berjaya menembusi piawaian hukum yang diputuskan oleh para ulama antarabangsa. Ini adalah kerana cara kiraannya masih sama dengan cara kiraan riba sebelum ini, iaitu pada sandaran caj upah. Dahulu ia disandarkan kepada jumlah pinjaman, dalam konsep ujah terbaharu juga disandarkan kepada jumlah pinjaman. Lihat: Portal Rasmi Zaharudin Abd Rahman, <http://www.zaharuddin.net/senarai-lengkap-artikel/3/859-ptptn-baru-berasaskan-ujrah--ulasan-saya.html>(dicapai pada 21 November 2016).

<sup>26</sup>Berlaku percanggahan hukum antara institusi autoriti Negara, iaitu Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (JFK) dengan Suruhanjaya Sekuriti (SS) mengenai ASB dan ASN. Istinbat hukum oleh JFK dengan menggunakan pendekatan metodologi yang berbeza menimbulkan pertikaian hukum. Fatwa membenarkan ASB oleh Muzakarah Jawatankuasa Kebangsaan yang berasaskan fiqah *maqāsid*. Berbeza dengan metodologi SS, ia mengadaptasi pendekatan kuantitatif yang mengguna pakai tanda aras aktiviti perniagaan dan tanda aras nisbah kewangan. Lihat: Portal Rasmi e-muamalat JAKIM, [http://e-muamalat.islam.gov.my/sites/default/files/kertas\\_ilmiah/2014/02/isu\\_fatwa\\_asn\\_dan\\_asb.pdf](http://e-muamalat.islam.gov.my/sites/default/files/kertas_ilmiah/2014/02/isu_fatwa_asn_dan_asb.pdf). (dicapai pada 21 November 2016). Lihat: Abdul Hadi Rofiee, "Analisis Perbezaan Fatwa Mengenai Unit Amanah Saham Bumiputera (ASB) di Malaysia"(disertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014), 142.

<sup>27</sup> Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani dan Lokmanulhakim Hussain (2015). Terdapat empat isu syariah yang dibincangkan dalam artikel, iaitu isu sumbangan tabung pengurusan, bayaran proses pinjaman, simpanan wajib dan bayaran balik. Keempat-empat isu tersebut dikaitkan dengan hukum dan prinsip *qard* yang mempunyai syarat-syarat yang agak ketat dari sudut fiqh. Justeru, pelaksanaan dan operasi dalam pinjaman TEKUN hendaklah diperbaiki dan diperhalusi supaya tidak mengheret kepada isu-isu syarak yang berkaitan dengan *qard*. Lihat: Nik Abdul Rahim dan Lokmanulhakim Hussain, "Analisis Prinsip *Qard* dalam Pinjaman TEKUN," dalam *Isu Syariah dan Undang-Undang Siri 21*, ed. Md. Yazid Ahmadet. al,(Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015), 167.

<sup>28</sup> International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA) telah menyenaraikan sebanyak 26 kes berkaitan kewangan Islam yang dibicarakan sepanjang tahun 1987 hingga 2009. Lihat: Najahudin Lateh, "Sistem Kewangan Islam dalam Kerangka Perundangan Negara" (makalah, Seminar Syariah dan Undang-Undang Peringkat Kebangsaan, USIM, Nilai, 2-3 November 2010).

<sup>29</sup>Pembiayaan mikro merupakan suatu bentuk pemberian wang atau kredit yang digunakan sebagai modal perniagaan atau perdagangan dalam kuantiti yang kecil. Lihat: Zuhaira Samsudin, "Musyarakah Mutanaqisah Sebagai Instrumen Pembiayaan Mikro Kewangan Islam: Kajian di Perbadanan Usahawan Nasional Berhad"(disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015).

Jadual 1.1: Produk Pembiayaan Mikro Berunsurkan Islam dan Konvensional di Institusi Kewangan Malaysia

Institusi Kewangan	Nama Produk Pembiayaan Mikro	Saiz Pembiayaan	Kontrak
Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)	Skim Pembiayaan Ikhtiar (SPI)	RM1000-RM20 000	<i>Tawarruq</i>
Tekun Nasional (TN)	Teman Niaga	RM1000-RM100 000	<i>Tawarruq</i>
Agrobank	Modal Usahawan 1 Malaysia- i (MUS1M-i)	RM1000- RM50 000	<i>Tawarruq</i>
Bank Rakyat	Skim Pembiayaan Mikro-i ( MusK -Modal untuk Usahawan Kecil )	RM1000- RM50 000	<i>Bay,, al,īnah</i>
Bank Simpanan Nasional	BSN Teman Niaga BSN Teman Mesra BSN PKBC	RM5000- RM50 000	Konvensional
	BSN Teman Niaga-i <i>Murābahah</i>	RM5000-RM50 000	<i>Murābahah</i>
	BSN Teman Niaga-i <i>Tawarruq</i>	RM5000-RM50 000	<i>Tawarruq</i>
	BSN Micro-i (PKBC-i)	RM5000- RM50 000	<i>Murābahah</i>
Alliance Bank	Pembiayaan Peribadi-i Cash Vantage Pembiayaan Peribadi Cash First	RM5000- RM50 000	<i>Tawarruq</i>
AmBank	AmMikro Plus	RM5000- RM50 000	Konvensional
CIMB Bank	Xpress Cash Financing-i	RM3000- RM50 000	<i>Bay,, al,īnah</i>
Bank Muamalat	Skim MIKRO Skim Mikro Bazar Tok Guru	RM5000- RM50 000	Islamik
Maybank	SME Microfinancing	RM1000- RM50 000	Konvensional
Public Bank	PBMikro Finance	RM3000- RM50 000	Konvensional
United Overseas Bank	Easi Cash	RM5000- RM50 000	Konvensional

Sumber: Diubahsuai daripada laman-laman sesawang, risalah produk dan hasil temu bual berkaitan.<sup>30</sup>

<sup>30</sup> Temu bual bersama Pengurus Unit Dokumentasi dan Kualiti AIM, Alwani bt Safiei, Temu bual bersama Pegawai Eksekutif Syariah Tekun Nasional (TN), Azman bin Yusuf, Agrobank <http://www.agrobank.com.my/my/product/modal-usahawan-1malaysia-mus1m-i/> (dicapai pada 9 April 2016), Bank Rakyat, <http://www.bankrakyat.com.my/pembiayaan-mikro-i-musk> (dicapai pada 9 April 2016), Bank Simpanan Nasional, <http://www.mybsn.com.my/content.xhtml?contentId=409> (dicapai pada

Pelaksanaan *tawarruq* di Malaysia menjadi pertikaian dan merupakan isu yang sering dibahaskan kerana BNM masih belum mewujudkan garis panduan *tawarruq* secara terperinci yang boleh dijadikan rujukan.<sup>31</sup> Sumber rujukan yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu adalah berteraskan kepada AAOIFI dan di sinilah menjadi punca dan wujudnya ketidakpatuhan terhadap kajian kes yang telah dijalankan.

Perkhidmatan kewangan Islam di Malaysia haruslah mengikut pada akta IFSA 2013 dan standard MPSBNM yang merupakan badan berautoriti tinggi yang memantau hal-hal yang berkaitan dengan kewangan Islam berdasarkan keterangan Akta Bank Negara Malaysia 2009 seksyen 55<sup>32</sup>, 56<sup>33</sup>, 57<sup>34</sup>, 58<sup>35</sup> dan 59 sub seksyen (3).<sup>36</sup> Keputusan yang dikeluarkan oleh badan ini menentukan kesahihan produk, dokumen dan operasi. Resolusi-resolusi yang diputuskan oleh mereka amat penting sebagai panduan kepada pihak yang berkepentingan, terutamanya institusi yang menawarkan perniagaan perbankan dan kewangan Islam, jawatankuasa Syariah serta masyarakat awam.<sup>37</sup>

Pemantauan dari segi kesahihan produk dengan merujuk kepada peraturan AAOIFI buat ketika ini adalah masih relevan. Walau bagaimanapun, kini Malaysia telah mewujudkan garis panduan tersendiri yang disusun dan diselia oleh pakar kewangan Islam tanah air. Justeru, dari segi *,aqliyyah*, MPSBNM amat memahami tentang situasi kewangan di

---

9 April 2016), Alliance Bank, <http://www.allianceislamicbank.com.my/AllianceCashVantagePersonalFinancingi#benefits-tab> (dicapai pada 9 April 2016), CIMB Bank, [http://www.cimbislamic.com.my/content/dam/cimb-consumer-islamic/Personal/PDF/Financing/Personal%20Financing/XpressCashFinancing\\_i/XCI%20PDS%20Versi%20Mac%202015.pdf](http://www.cimbislamic.com.my/content/dam/cimb-consumer-islamic/Personal/PDF/Financing/Personal%20Financing/XpressCashFinancing_i/XCI%20PDS%20Versi%20Mac%202015.pdf) (dicapai pada 6 Mei 2016), Bank Muamalat, Am Bank, Public Bank, dan United Overseas Bank, [http://www.bnm.gov.my/documents/sme/bm\\_Comparative\\_Table\\_20150316.pdf](http://www.bnm.gov.my/documents/sme/bm_Comparative_Table_20150316.pdf) (dicapai pada 9 April 2016), Maybank, <http://www.maybank2u.com.my/en/business/business-banking/financing/working-capital/micro-financing.page>. (dicapai pada 9 April 2016).

<sup>31</sup> BNM mengeluarkan satu resolusi penggunaan *tawarruq* dalam produk deposit dan pembiayaan. Mekanisme pelaksanaannya dihuraikan secara ringkas. Sila lihat: Bank Negara Malaysia, *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam: ed. Ke-2* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, t.t), 94.

<sup>32</sup> Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta 701) dan Perintah, 59.

<sup>33</sup> *Ibid.*, 60.

<sup>34</sup> *Ibid.*

<sup>35</sup> *Ibid.*

<sup>36</sup> *Ibid.*, 61.

<sup>37</sup> Mohammad Azam Hussain, Rusni Hassan dan Aznan Hassan, "Resolusi Syariah oleh Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia: Tinjauan Perspektif Undang-Undang," *Kamun: Jurnal Undang-undang Malaysia* 25, no. 2 (2013): 222.

negara ini dan kewujudan *Shariah Standards and Operational Requirements* oleh pihak BNM merupakan keperluan yang mendesak serta sesuai dengan tuntutan zaman dan keadaan sebagaimana ungkapan Ibn al-Qayyim:

تَغْيِيرُ الْفُتُوى، وَاخْتِلَافُهَا بِحَسَبِ تَغْيِيرِ الْأَزْمَةِ، وَالْأَمْكِنَةِ، وَالْأَحْوَالِ، وَالتَّيَاتِ،  
وَالْعَوَائِدِ

Terjemahan: Perubahan fatwa dan perbezaannya terjadi mengikut perubahan zaman, tempat, keadaan, niat dan adat kebiasaan<sup>38</sup>

Oleh itu satu kajian baharu perlu dijalankan dengan menggunakan kaedah perbandingan diantara sesuatu produk dengan piawaian Syariah BNM untuk melihat isu-isu baharu yang timbul dan seterusnya dapat mengemukakan beberapa cadangan penambahbaikan.

Berdasarkan tinjauan dan penelitian, penyelidik memilih pembiayaan mikro di AIM untuk dikaji dan Skim Pembiayaan Ikhtiar (SPI) dipilih sebagai kajian kes untuk diselidiki berpandukan piawaian Syariah BNM. Penyelidikan skim berkenaan amat sesuai dikaji dari perspektif pematuhan Syariah kerana segala operasi SPI tertakluk kepada resolusi MPSBNM.<sup>39</sup>

Faktor utama yang membawa kepada penyelidikan ini adalah kerana AIM menghadapi masalah dari segi kekurangan tenaga kerja, khususnya dalam memantau produk Syariah kerana dilihat hanya seorang Pegawai Syariah sahaja yang dilantik di institusi tersebut dan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pelbagai tugas.<sup>40</sup> Selain itu, berdasarkan pembacaan dan pencarian penyelidik, banyak penyelidikan lepas yang mengkaji tentang konsep Syariah hanya memfokuskan kepada produk pembiayaan peribadi dalam perbankan dan tidak menumpukan kepada kajian mengenai produk mikro yang ditawarkan kepada golongan pengusaha kecil dan sederhana (PKS). Golongan ini perlu diberikan perhatian kerana tahap keperluan mereka lebih utama dan

<sup>38</sup>Abū ‘Abdullāh Muḥammad bin Abī Bakr bin ‘Ayyūb (Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah), *‘i, Jām al-Muwaqqi, in ‘an Rabb al-‘ālamīn* (Jeddah: Dār ibn al-Jawzī, 2002), 1: 41.

<sup>39</sup> AIM berpegang kepada garis panduan BNM. Lihat: Syazana Abd Rahman (Pegawai Eksekutif Syariah, Amanah Ikhtiar Malaysia), dalam temu bual bersama penulis, 31 Mei 2016.

<sup>40</sup>*Ibid.*

seterusnya dapat membantu meningkatkan kadar ekonomi serta mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan kepada kehidupan yang lebih selesa. Sekiranya transaksi yang digunakan menimbulkan keraguan, ia boleh mengundang bebanan kepada pihak PKS. Oleh yang demikian, penyelidik berpandangan bahawa SPI ini sewajarnya dikaji dan dipantau demi kemaslahatan institusi dan pengguna.

#### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini mengemukakan beberapa persoalan seperti berikut:

1. Apakah pengertian *tawarruq* menurut perspektif Syariah?
2. Bagaimanakah pelaksanaan aplikasi *tawarruq* dalam pembiayaan mikro di Amanah Ikhtiar Malaysia?
3. Sejauhmanakah usaha penyelarasan aplikasi *tawarruq* dilakukan dalam pembiayaan mikro di Amanah Ikhtiar Malaysia?
4. Adakah aplikasi *tawarruq* dalam pembiayaan mikro di Amanah Ikhtiar Malaysia menepati kehendak Syarak atau patuh Syariah berdasarkan piawaian Syariah oleh Bank Negara Malaysia?

#### **1.5 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian yang akan dikaji adalah untuk mencapai tujuan-tujuan berikut:

1. Menjelaskan *tawarruq* menurut perspektif Syariah.
2. Menerangkan aplikasi *tawarruq* dalam pembiayaan mikro di Amanah Ikhtiar Malaysia.
3. Membandingkan modus operandi *tawarruq* dalam pembiayaan mikro Amanah Ikhtiar Malaysia dengan piawaian Syariah oleh Bank Negara Malaysia.

Jadual 1.2 di bawah adalah ringkasan daripada persoalan dan objektif kajian:

Jadual 1.2: Objektif dan Persoalan Kajian

Objektif	Persoalan Kajian
1. Menjelaskan <i>tawarruq</i> menurut perspektif Syariah.	i. Apakah pengertian <i>tawarruq</i> menurut perspektif Syariah?
2. Menerangkan aplikasi <i>tawarruq</i> dalam pembiayaan mikro di Amanah Ikhtiar Malaysia.	ii. Bagaimanakah pelaksanaan aplikasi <i>tawarruq</i> dalam pembiayaan mikro di Amanah Ikhtiar Malaysia?
3. Membandingkan modus operandi <i>tawarruq</i> dalam pembiayaan mikro Amanah Ikhtiar Malaysia dengan piawaian Syariah oleh Bank Negara Malaysia.	iii. Sejauhmanakah usaha penyelarasan aplikasi <i>tawarruq</i> dilakukan dalam pembiayaan mikro di Amanah Ikhtiar Malaysia?  iv. Adakah aplikasi <i>tawarruq</i> dalam pembiayaan mikro di Amanah Ikhtiar Malaysia memenuhi kehendak Syarak atau patuh Syariah berdasarkan piawaian Syariah oleh Bank Negara Malaysia?

## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini amat penting dan merupakan kewajipan *al-kifā'iy* kerana melibatkan penerangan dan penyelidikan berkaitan skim yang ditawarkan oleh sesebuah institusi kewangan agar selamat daripada unsur syubhah dan perkara-perkara yang diharamkan seperti riba.

Kepentingan lain dalam kajian boleh dilihat dari perspektif berikut:

### i. Bidang Ilmu:

- a) Kajian ini adalah signifikan kerana menghuraikan tentang *tawarruq* secara terperinci dari perspektif Syariah dan aplikasinya di AIM.
- b) Penyelidikan menggabungkan teori dan praktikal semasa yang dilakukan di peringkat institusi kewangan.

- c) Memperbaiki dan menambahbaik hasil dapatan kajian lepas yang berkaitan dengan *tawarruq* melalui kaedah analisis secara mendalam dengan berpandukan piawaian Syariah BNM.

**ii. Pihak Industri:**

- a) Menambah bahan rujukan di institusi AIM.
- b) Cadangan penambahbaikan berkaitan pembiayaan mikro di AIM berlandaskan konsep Syariah.
- c) Memastikan perkhidmatan skim yang ditawarkan oleh sesebuah badan institusi menepati keperluan Syariah.

**iii. Pihak Pengguna:**

- a) Menjamin kemaslahatan pelanggan dan institusi serta dapat membantu masyarakat Islam secara khusus untuk menjalani kehidupan harian mereka dengan yakin tanpa terjebak dengan anasir riba atau *interest*.

## **1.7 SKOP KAJIAN**

Penyelidik memfokuskan kajian mengenai pembiayaan mikro dalam pelaksanaan Skim Pembiayaan Ikhtiar (SPI) di AIM agar perbahasannya tidak terlalu meluas. Fokus penyelidikan ini secara khususnya mencakupi perbincangan hukum *tawarruq* menurut perspektif Syariah yang menukikan pelbagai pandangan sarjana sehingga kepada pentarjihan hukum.

Tumpuan seterusnya adalah praktis sebenar SPI yang dikaji dan dianalisis dari segi keselarasannya berdasarkan piawaian Syariah daripada BNM. Sebelas piawaian sahaja diambil bertujuan untuk memastikan SPI mematuhi keperluan Syariah berasaskan piawaian berkenaan dan tidak bertentangan dengan fiqh muamalat. Analisis kajian memfokuskan kepada lima aspek sebagai asas penilaian iaitu pertama: penawaran (*'ijāb*) dan penerimaan (*qabūl*), kedua; komoditi, ketiga; harga, keempat; perwakilan dan kelima; pelaksanaan janji (*wa,,d*). Empat lokasi kajian yang terlibat dalam



menjalankan kajian ini, iaitu ibu pejabat AIM, pejabat AIM wilayah Kuala Lumpur dan Selangor, pejabat cawangan AIM Kepong dan Bursa Malaysia Berhad.

## **1.8 PECAHAN BAB**

Kajian ini dibahagikan kepada tujuh bab:

Bab satu; mengenai pendahuluan kajian yang meliputi lapan elemen, iaitu pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan pecahan bab. Secara umumnya, bab ini merujuk kepada pengantar dan penjelasan tentang penyelidikan yang dijalankan. Objektif kajian merupakan dasar utama dalam bab ini dan soalan-soalan kajian dikemukakan untuk memberi jawapan kepada objektif tersebut. Bab dua membincangkan tentang ulasan kajian-kajian lepas yang membuka ruang perbincangan kerana kajian yang dijalankan merupakan permasalahan baharu. Bab tiga membahaskan tentang metodologi kajian yang digunakan sepanjang kajian yang meliputi kaedah pengumpulan data dan penganalisan data. Bab empat mengemukakan perbincangan berkaitan hukum *tawarruq* mengikut perspektif Syariah yang cuba menjelaskan secara mendalam dan diteliti dari segi pentakrifan, pandangan sarjana, pendalilan hukum serta pentarjihan (kesimpulan hukum). Bab lima adalah berkenaan aplikasi *tawarruq* dalam pembiayaan mikro di AIM. Bab enam menerangkan analisis penyelarasan aplikasi SPI berdasarkan piawai Syariah BNM. Bab ini merupakan intipati kepada permasalahan kajian. Bab tujuh merumuskan hasil kajian dan memberikan beberapa cadangan dan saranan untuk penambahbaikan dalam amalan pembiayaan kredit mikro AIM.

## BAB 2: SOROTAN LITERATUR

### 2.1 PENGENALAN

Pelbagai jenis bahan kajian diintegrasikan merangkumi laporan penyelidikan ilmiah, disertasi, tesis, makalah, jurnal dan buku-buku akademik. Sorotan literatur ini dibahagikan kepada dua bahagian agar kajian yang dijalankan merupakan penyelidikan semasa, pertama; *tawarruq* dan kedua; pembiayaan mikro Islam dan konvensional.

#### 2.1.1 Kajian Mengenai *Tawarruq*

Kajian awal yang menyentuh tentang *tawarruq* secara langsung dan terperinci adalah penulisan yang dihasilkan oleh Ab. Mumin dan Ahmad Sufyan (2006).<sup>1</sup> Pengarang membahaskan mengenai *tawarruq* dalam sistem kewangan Islam dengan mengemukakan hujah-hujah pandangan sarjana terdahulu dan kontemporari. Di samping itu, terdapat juga perbincangan berkaitan perbezaan *tawarruq* dan *al-,īnah*. Selain itu, kajian oleh Farihal Othman (2007)<sup>2</sup> yang mengkaji tentang idea-idea yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana Penasihat Syariah, Mufti dan pengamal-pengamalnya mengenai *bay,, al-,īnah* dan alternatifnya, iaitu *tawarruq*. Tiga perkara yang ditemui hasil daripada temu bual bersama responden yang dipilih, iaitu pertama: *bay,, al-,īnah* diterima pakai di Malaysia untuk diaplikasikan. Kedua: Konsep *tawarruq* adalah alternatif yang lebih baik. Namun begitu, masih ramai pengamal tidak memiliki ilmu pengetahuan mengenai konsep tersebut dan ketiga, pelaksanaan *tawarruq* dalam bidang perbankan Islam di Malaysia agak sukar direncanakan. Kajian ini masih berada di peringkat awal sebelum *tawarruq* dilaksanakan dalam industri perbankan Malaysia. Ini

---

<sup>1</sup> Ab. Mumin Ab Ghani dan Ahmad Sufyan Che Abdullah, "Tawarruq: Konsep dan Aplikasi dalam Kewangan Islam" dalam *Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia*, ed. Ab. Mumin Ab Ghani dan Fadillah Mansor, 117-128 (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006).

<sup>2</sup> Mohd Farihal Osman, "Bay al-Inah and Tawarruq as a Solution to Interest-Based on Personal Financing Facility" (disertasi sarjana, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 2007).

bermakna BNM masih belum mewujudkan garis panduan bagi hukum berkenaan operasi produk yang didasari oleh *tawarruq*.

Bagi kajian *tawarruq* yang memperincikan secara tuntas mengenai aspek teoritikal hukum diambil daripada kajian yang dibuat oleh al-Suwaylam (2003), Shamsiah Mohamad (2006) dan Parid Sheikh (2006). Sāmī Ibrāhīm al-Suwaylam (2003) dalam kajiannya membahagikan kepada tiga bahagian. Pertama; Hakikat riba dan perbezaannya dengan jual beli. Kedua; *Tawarruq fardī* mengikut fuqaha<sup>3</sup> silam. Dalam bab ini, pengarang menghuraikannya secara mendalam dengan mengemukakan dalil-dalil dan hujah golongan yang menolak. Bahagian ketiga pula menghuraikan hukum *tawarruq munazzam (maṣrifī)* mengikut pendalilan fuqaha<sup>3</sup> dan kaedah-kaedah fihiyyah muamalat. Beberapa dapatan kajian diperoleh, iaitu pertama; Allah SWT mengharamkan riba kerana terdapat unsur kezaliman kepada peminjam. Kedua; Metode pensyarian dalam bidang muamalat adalah *al-taysīr* (mudah) dan *al-tashdīd* (tegas) dalam *dharāʾi, al-ribā*. Ketiga; fuqaha<sup>3</sup> amat tegas ketika berinteraksi dengan golongan *al-,īnah* sehingga membawa kepada penolakan *tawarruq munazzam*. Keempat; terdapat amalan *al-,īnah* dalam *tawarruq* terancang kerana didapati bank mempunyai komitmen untuk menjual semula komoditi pelanggan dengan kadar nilai tertentu, situasi ini telah menjadikan pihak bank seolah-olah dihukumkan sebagai “pembeli”. Kelima; konsep perwakilan dalam *tawarruq munazzam* telah menafikan tujuan *wakālah* kerana tidak memenuhi kemaslahatan *muwakkil*. Fuqaha<sup>3</sup> bersepakat bahawa setiap syarat yang menafikan tujuan akad adalah terbatal.<sup>3</sup>

---

<sup>3</sup>Sāmī bin Ibrāhīm al-Suwaylam, “al-Tawarruq wa al-Tawarruq al-Munazzam Dirāsah Taʿshīliyyah” (makalah, Majma, al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī kali ke-17, Mekah, 13-17 Disember 2003).

Kajian oleh Shamsiah Mohamad (2006) pula merumuskan bahawa isu besar penggunaan *bay,, al-,ġnah* dan *tawarruq* adalah isu *ġilah* untuk bermuamalah secara riba atau dalam erti kata lain, pihak yang melakukan transaksi sebenarnya tidak berhasrat untuk menjalankan jual beli yang biasanya digunakan bagi tujuan untuk memiliki sesuatu barangan. Namun, kontrak kedua-duanya dilaksanakan sebaliknya bertujuan untuk melakukan amalan riba. Isu ini berbangkit ekoran daripada wujudnya persepakatan atau perancangan awal daripada pihak yang terlibat, tidak kira sama ada perancangan awal berkenaan melibatkan barang yang dijual kembali kepada pemilik asal seperti dalam *bay,, al-,ġnah* atau tidak seperti dalam *tawarruq*.<sup>4</sup>

Parid Sheikh (2006) membuat satu kesimpulan hukum berkaitan dua jenis transaksi, iaitu *al-,ġnah* dan *tawarruq*. *Bay,, al-,ġnah* pada asalnya adalah haram, keharusannya adalah sebagai pengecualian sahaja. Terdapat pandangan yang membenarkan *tawarruq* dan ia merupakan pandangan yang dikemukakan oleh kebanyakan ulama“ dan hukum pengharamannya hanyalah menurut sesetengah pandangan ulama“. Sebagai gantian kepada bentuk-bentuk transaksi *bay,, al-,ġnah* dan *tawarruq*, pengarang mencadangkan kaedah-kaedah dan pendekatan penyelesaian berikut; pertama; pembiayaan secara mikro menggunakan kontrak pinjaman tanpa faedah (sebagai sebahagian daripada perkhidmatan kewangan), *bay,, al-,ġnah* dan *tawarruq* dalam bentuk dan keadaan yang dibenarkan, *bay,, bithaman al-’ġjil* (BBA), *murġbahah*, *mushġrahah* dan *ijġrah*. Kedua; bagi pembiayaan secara makro adalah lebih baik menggunakan kontrak perkongsian modal dan usaha.<sup>5</sup>

Berdasarkan analisis di atas, jelas menunjukkan bahawa penyelidikan *tawarruq* di Malaysia agak ketinggalan berbanding Timur Tengah kerana kebanyakan penyelidikan

---

<sup>4</sup>Shamsiah Mohamad, “Isu-Isu dalam Penggunaan Bay,, al-,ġnah dan Tawarruq: Perspektif Hukum” (makalah, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara, Sri Kijang, Langkawi, 28-29 Jun 2006).

<sup>5</sup>Mohd Parid Sheikh Hj. Ahmad, “Bay,, ġnah dan Tawarruq: Kaedah dan Pendekatan Penyelesaian” (makalah, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara, Sri Kijang, Langkawi, 28-29 Jun 2006).

di Malaysia mula dijalankan pada tahun 2006. Kajian awal *tawarruq* dimonopoli oleh para sarjana Syariah di Timur Tengah apabila *tawarruq* digunakan sebagai kontrak pendasar dalam perbankan yang dikenali dengan *tawarruq maşrifī*. Bank pertama menggunakan kontrak berkenaan adalah Saudi British Bank (SABB) pada Oktober tahun 2000, kemudian diikuti oleh Bank al-Jazira dan Saudi American Bank (SAMBA) pada tahun 2002.<sup>6</sup> Pelbagai isu yang ditimbulkan hasil daripada pelaksanaan tersebut yang telah dibahaskan oleh ulama<sup>7</sup> dalam muktamar institusi kewangan Islam yang diadakan di Universiti Sharjah, Emiriah Arab Bersatu pada tahun 2002. Antaranya, kajian oleh „Abdullah al-Manī,<sup>7</sup> Aḥmad Muḥyī al-Dīn,<sup>8</sup> Mūsā Ādam,<sup>9</sup> Ḥusīn Ḥāmid,<sup>10</sup> „Alī al-Qarahdāghī.<sup>11</sup> Perbincangan *tawarruq* juga turut dikemukakan dalam persidangan fiqh Islam sehingga pihak Majma<sup>12</sup> mengeluarkan satu resolusi dan garis panduan *tawarruq* pada tanggal 17 Disember 2003.<sup>12</sup> Beberapa buah makalah dihasilkan dalam sesi persidangan, antaranya kajian oleh Taqī al-„Uthmānī,<sup>13</sup> Al-Şiddīq Muḥammad al-Darīr,<sup>14</sup> „Alī al-Sālūs,<sup>15</sup> „Abdullah Ḥasan al-Sa„īdī,<sup>16</sup> al-Suwaylam,<sup>17</sup> „Alī al-Qarī<sup>18</sup> serta beberapa orang sarjana Syariah lain.

<sup>6</sup>Ibrāhīm Fāḍil al-Dabū, “al-Tawarruq, Ḥaḳīqatuh, “Anwā„uh ”(makalah, Persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Majma„, al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī kali ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26-30 April 2009).

<sup>7</sup>„Abdullah Sulaymān al-Manī,„„al-Ta“şīl al-Fiqhī lil Tawarruq fī Daw“ al-Ihtiyājāt al-Tamwīliyyah al-Mu„āşirah” (makalah, Persidangan Insituti Kewangan Islam, Universiti Sharjah, Emiriah Arab Bersatu, 7-9 Mei 2002).

<sup>8</sup>Aḥmad Muḥyī al-Dīn,“al-Taṭbīqāt al-Maşrifīyyah li„aḳd al-Tawarruq wa Āthāruhā „alā Masīrat al-„Amal al-Maşrifī al-Islāmī” (makalah, Persidangan Insituti Kewangan Islam, Universiti Sharjah, Emiriah Arab Bersatu, 7-9 Mei 2002).

<sup>9</sup>Mūsā Ādam,“Taṭbīqāt al-Tawarruq wa Istikhdamātuh fī al-„Amal al-Maşrifī al-Islāmī” (makalah, Persidangan Insituti Kewangan Islam, Universiti Sharjah, Emiriah Arab Bersatu, 7-9 Mei 2002).

<sup>10</sup>Ḥusīn Ḥāmid Ḥasan, “Ta„līq „alā buhūth al-Tawarruq” (makalah, Persidangan Insituti Kewangan Islam, Universiti Sharjah, Emiriah Arab Bersatu, 7-9 Mei 2002).

<sup>11</sup> ‘Alī Muḥyī al-Dīn al-Qarahdāghī, “Ta„qībāt „alā al-Buhūth al-Khāşah bi al-Taṭbīqāt al-Maşrifīyyah li al-Tawarruq” (makalah, Persidangan Insituti Kewangan Islam, Universiti Sharjah, Emiriah Arab Bersatu, 7-9 Mei 2002).

<sup>12</sup>„Alī Muḥyī al-Dīn al-Qarahdāghī, *al-Tawarruq al-Maşrifī bayn al-Tawarruq al-Mundabīṭ wa al-Tawarruq al-Munazzam Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah* (Beirut: Dār al-Bashā‘ir al-Islāmiyyah, 2011), 229.

<sup>13</sup>Muḥammad Taqī al-„Uthmānī, ““Aḥkām al-Tawarruq wa Taṭbīqātuh al-Maşrifīyyah” (makalah, Majma„, al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī kali ke-17, Mekah, 13-17 Disember 2003).

<sup>14</sup>Al-Şiddīq Muḥammad al-Amīn al-Darīr, “Ḥukm al-Tawarruq kamā Tajrīh al-Maşrifī fī al-Waqt al-Ḥāḍir” (makalah, Majma„, al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī kali ke-17, Mekah, 13-17 Disember 2003).

<sup>15</sup>„Alī al-Sālūs, “al-„Inah wa al-Tawarruq wa al-Tawarruq al-Maşrifī” (makalah, Majma„, al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī kali ke-17, Mekah, 13-17 Disember 2003).

Kajian *tawarruq* tidak berhenti pada aplikasi *tawarruq maṣrifī* kerana pihak perbankan Islam mula mencari idea-idea baharu sehingga lahir kontrak *tawarruq „akṣī* atau *maqlūb al-tawarruq*. *Maqlūb al-tawarruq* adalah sama pelaksanaannya dengan *tawarruq maṣrifī*, namun perkara yang membezakan ialah pihak yang menghendaki wang dalam transaksi ini adalah pihak bank, bukan pelanggan. Shubayr (2009) mendefinisikan *tawarruq „akṣī* sebagai pelanggan (pendeposit) melantik institusi kewangan Islam sebagai wakil untuk membeli komoditi tertentu pada harga tunai. Kemudian, pihak bank (institusi kewangan Islam) membeli komoditi tersebut daripada pelanggan secara belian tangguh pada harga kos ditambah margin keuntungan.<sup>19</sup> Kajian oleh Shubayr (2009), Sa,īd Būharāwah (2009), Wahbah al-Zuḥaylī (2009), al-Suwaylam (2009) merupakan sebahagian penulisan yang dibentangkan dalam persidangan fiqh Islam yang diadakan di Emiriah Arab Bersatu pada tahun 2009.

Sa,īd Būharāwah (2009) menganalisis pandangan-pandangan ulama“ berkaitan dengan hukum *tawarruq maṣrifī*. Makalah ini ditulis atas beberapa sebab, antaranya adalah wujud perbezaan hukum *tawarruq* dalam kalangan fuqaha“ klasik dan kontemporari, kedua; timbul beberapa isu dalam sebahagian amalan *tawarruq*, ketiga; terdapat ketidakpatuhan sebahagian institusi perbankan untuk mengikut segala syarat yang difatwakan oleh Majma, al-Fiqh al-Islāmī mengenai *tawarruq fiqhī*. Hasil kajian mendapati bahawa perbezaan ulama“ dari segi hukum *tawarruq maṣrifī* adalah disebabkan oleh perbezaan hukum dalam masalah *tawarruq fiqhī* dan juga metode berfatwa. Kedua; Golongan yang mengharamkan *tawarruq maṣrifī*. Mereka

---

<sup>16</sup>„Abdullah Ḥasan al-Sa,īdī, “al-Tawarruq kamā Tajrīh al-Maṣārif fī al-Waqt al-Ḥāḍir” (makalah, Majma, al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī kali ke-17, Mekah, 13-17 Disember 2003).

<sup>17</sup>Sāmī bin Ibrāhīm al-Suwaylam, “al-Tawarruq wa al-Tawarruq al-Munazzam Dirāsah Ta“ṣiliyyah”(makalah, Majma“ al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī kali ke-17, Mekah, 13-17 Disember 2003).

<sup>18</sup>Muḥammadal-,Alī al-Qarī, “al-Tawarruq kamā Tajrīh al-Maṣārif Dirāsah Fiqhiyyah Iqtisādiyyah” (makalah, Majma“ al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī kali ke-17, Mekah, 13-17 Disember 2003).

<sup>19</sup>Muḥammad „uthmān Shubayr “al-Tawarruq al-Fiqhī wa al-Taṭbīqātuh al-Maṣrifīyyah al-Mu,āṣirah fī al-Fiqh al-Islāmī” (makalah, Persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Majma, al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī kali ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26-30 April 2009).

menggunakan kaedah *sadd dharā'i*., Adapun golongan yang membenarkan pula tidak menggunakan kaedah ini. Oleh sebab itu, mereka mengharuskan kontrak *al-ġinah* dan *tawarruq*. Kekuatan dalil yang dibincangkan melalui kedua-dua pandangan (membenarkan dan mengharamkan) lebih banyak memihak kepada pendapat yang mengharamkan *tawarruq maṣrifī*.<sup>20</sup> Kajian ini lebih memfokuskan kepada perbincangan dalam konteks pentarjihan hukum.

Wahbah al-Zuḥaylī (2009) pula membahaskan tentang hakikat *bayʿ*., *al-tawarruq* dan menyimpulkan bahawa terdapat perbezaan antara *tawarruq* dengan *al-ġinah*. *Al-ġinah* ialah pembelian komoditi secara tangguh dan menjual semula kepada penjual asal secara tunai dengan harga lebih rendah daripada pembelian pertama. *Tawarruq* ialah pembelian komoditi secara tangguh sama ada harga yang dibeli mengandungi penambahan (*murābahah*) atau sebagaimana harga asal. Kemudian, menjual kembali secara tunai kepada selain penjual asal untuk mendapatkan wang tunai. Kedua-dua transaksi ini pada realitinya melibatkan perbuatan riba (*dharā'i*.,*al-ribā*). Sebahagian fuqaha<sup>21</sup> membenarkan *al-ġinah* dan *tawarruq* dilaksanakan ketika keadaan darurat atau bukan mengamalkan *ḥīlah* riba sebagai objektif utama.<sup>21</sup>

Al-Suwaylam (2009) meringkaskan kajian daripada kertas-kertas kerja yang lepas seperti *al-tawarruq wa al-tawarruq al-munazzam dirāsah ta'ṣīliyyah* yang dibentangkan di Jeddah pada tahun 2003, *mawqif al-salaf min al-tawarruq al-munazzam* dan *al-muntaj al-badīl lilwadi*.,*ah bi 'ājil: maqlūb al-tawarruq*. Pengarang juga menyelitikan perbincangan daripada artikel-artikel lain yang mempunyai hubungan

---

<sup>20</sup>Sa'īd Būharāwah, "al-Tawarruq al-Maṣrifī Dirāsah Taḥlīliyyah Naqdiyyah li'ārā' al-Fiqhiyyah" (makalah, Persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Majma., al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī kali ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26-30 April 2009).

<sup>21</sup> Wahbah al-Zuḥaylī, "al-Tawarruq Ḥaḳīqatuh, Anwā'uh (al-Fiqhī al-Ma'rūf wa al-Maṣrifī al-Munazzam)" (makalah, Persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Majma., al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī kali ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26-30 April 2009).

kait dengan tajuk perbahasan.<sup>22</sup> Berdasarkan analisis, penulisan Shubayr (2009), Sa'īd Būharāwah (2009), Wahbah al-Zuhaylī (2009), al-Suwaylam (2009) lebih memfokuskan kepada bentuk teoritikal dan perkembangan *tawarruq* di bank-bank Timur Tengah sahaja, tidak dikaitkan dengan amalan di Malaysia.

Penggunaan instrumen *tawarruq* dalam industri perbankan di Malaysia mula diperkenalkan pada tahun 2009 dalam produk Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).<sup>23</sup> Apabila *tawarruq* diperkenalkan, maka para ahli akademik mula membuat penyelidikan secara empirikal mengenai produk yang ditawarkan oleh pihak bank. Antaranya, kajian Abdul Hakam Ridlwan (2012)<sup>24</sup> yang membincangkan tentang *tawarruq* menurut perspektif hukum syarak dan aplikasinya dalam produk FRIA-i di CIMB Islamic. Kajiannya menunjukkan bahawa produk tersebut mengandungi kontrak hibrid (لِجَمْعَيْنِ) (نِعْوَد) yang menepati kehendak hukum syarak melalui instrumen *wakālah muṭlaqah*. Disamping sebagai *ḥilāh shar'iyyah* yang dibenarkan. Kajian ini tidak memberi tumpuan khusus kepada pelaksanaan pembiayaan mikro seperti yang ingin penyelidik laksanakan. Iti Septi (2013)<sup>25</sup> mengkaji prinsip *murābahah* komoditi yang dilaksanakan oleh RHB Islamic Bank dalam pembiayaan peribadi-i. Kajiannya lebih menumpukan perhatian kepada analisis berdasarkan kepada dalil-dalil serta kaedah-kaedah fiqh melalui beberapa pendapat ulama".

---

<sup>22</sup>Sāmi bin Ibrāhim al-Suwaylam, "Muntajāt al-Tawarruq al-Maṣrifīyyah" (makalah, Persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Majma,, al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī kali ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26-30 April 2009).

<sup>23</sup>Tūmī Badrah dan Bawzīd Shafīqah, "Taṭbiqāt al-Tawarruq al-Maṣrifī fī al-Maṣārif al-Islāmiyyah Tajribah Maṣrif Islām Mālīziyā" (makalah, Seminar Produk dan Inovasi Kewangan Islam, International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), Algeria, 5-6 Mei 2014), 13.

<sup>24</sup>Abdul Hakam Ridlwan, "Aplikasi Konsep Tawarruq dalam Produk FRIA-I di CIMB Islamic Berhad" (disertasi sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2012).

<sup>25</sup>Iti Septi, "Komoditi Murabahah dalam Amalan Perbankan Islam: Analisis Terhadap Pembiayaan Peribadi-i di RHB Islamic Bank" (disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013).



Hussein „Azeemi (2014)<sup>26</sup> pula menjalankan kajian instrumen *tawarruq* dalam akad pembiayaan peribadi di BIMB. Tujuan kajiannya adalah untuk menilai sejauh mana *tawarruq* dalam akad pembiayaan berkenaan menepati kehendak muamalat Islam yang asal. Metode yang digunakan dalam kajiannya ialah perpustakaan, temu bual dan observasi. Bagi tujuan analisis, metode induktif, deduktif dan komparatif digunakan secara berterusan. Secara ringkas, kajiannya memutuskan bahawa pihak BIMB telah sedaya upaya melaksanakan pembiayaan peribadi-i *tawarruq* agar memenuhi kehendak Syariah. Walaupun begitu, terdapat beberapa elemen yang meragukan dalam pelaksanaan kontrak ini di BIMB seperti *al-tawāṭu*”; iaitu persepakatan awal yang dilarang oleh fuqaha” serta beberapa unsur *gharar* dalam satu transaksi produk pembiayaan. Kajian ini tidak banyak menumpukan kupasan berkaitan perbandingan yang membezakan di antara *tawarruq fiqhī* dan *munzzam* sebagaimana bakal dijelaskan dalam disertasi ini. Sebelum kajian yang dijalankan oleh Hussein Azeemi (2014) yang membuat penyelidikan *tawarruq* di BIMB, terdapat penulisan lain yang lebih awal mengkaji isu ini di BIMB. Antaranya, kajian oleh Asmak Ab Rahman et. al (2010)<sup>27</sup> yang membahaskan tentang pendapat-pendapat ulama” klasik dan kontemporari serta pelaksanaan konsep *tawarruq* dalam pembiayaan peribadi di BIMB. Kajiannya mendapati bahawa *bay*., *al-tawarruq* adalah satu alternatif kepada *bay*., *al-ḥinah* yang banyak menimbulkan kontroversi dalam kalangan sarjana Islam, terutama dari Timur Tengah. Aplikasi *tawarruq* yang diketengahkan oleh BIMB telah memberikan persepsi baharu mengenai pembiayaan Islam di Malaysia. Kajian ini merupakan perintis kepada penyelidikan selanjutnya daripada kalangan ahli akademik disebabkan terdapat beberapa kelompangan. Antaranya, modus operandi yang dibincangkan dalam artikel

---

<sup>26</sup>Hussein „Azeemi Abdullah Thaidi, “Perlaksanaan Akad Pembiayaan Peribadi-i Tawarruq di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)”(disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014).

<sup>27</sup>Asmak Ab Rahman, Shamsiah Mohammad dan Iman Mohd Salleh, “Bay., al-Tawarruq dan Aplikasinya dalam Pembiayaan Peribadi di Bank Islam Malaysia Berhad,”*Jurnal Syariah*18, no. 2 (2010): 333-360.

adalah secara umum dan penulisan ini tidak menghuraikan secara terperinci dan menganalisis produk berdasarkan ketentuan hukum Islam.

Sebahagian contoh kajian lanjutan yang lain adalah seperti yang dijalankan oleh Siti Aishah Kasmon dan Kamaruzaman Nordin (2014). Kajian ini membandingkan modus operandi *tawarruq* dalam produk pembiayaan peribadi di Malaysia berdasarkan garis panduan AAOIFI. Kaedah yang digunakan dalam kajian adalah menggunakan kaedah kualitatif dengan memilih BIMB dan RHB Islamic Bank (RHBIB) sebagai kajian kes. Maklumat-maklumat dikumpulkan melalui kaedah kajian perpustakaan dan juga temu bual untuk tujuan mendapatkan dokumen-dokumen produk pembiayaan peribadi di kedua-dua buah bank yang terpilih. Seterusnya, dokumen-dokumen tersebut dianalisis secara induktif dan deduktif dengan menggunakan perisian *ATLAS.ti 7*. Kesimpulan daripada hasil kajiannya mendapati bahawa terdapat beberapa aspek dalam pelaksanaan produk pembiayaan peribadi berasaskan *tawarruq* yang tidak selari dengan garis panduan AAOIFI. Antaranya, penggunaan bursa komoditi luar negara dan pelantikan bank itu sendiri sebagai ejen penjualan komoditi.<sup>28</sup> Gaya pengarang dengan menyetengahkan penggunaan perisian *ATLAS.ti 7* sebagai alat analisis data amat baik dan kaedah tersebut digunakan dalam disertasi ini bagi memudahkan pencarian hasil dapatan. Aspek perbezaan dalam kajian ini dengan kajian yang akan dilakukan adalah dari sudut pengambilan bahan rujukan yang menjadi sandaran dalam analisis kerana penyelidik mendapati bahawa pengarang merujuk keselarian produk berasaskan piawaian Syariah AAOIFI, bukan berasaskan garis panduan BNM sebagaimana yang dilaksanakan oleh penyelidik.

Antara kajian lain yang dijalankan di BIMB juga adalah penulisan Tūmī Badrah dan Bawzīd Shafīqah (2014). Tujuan artikel ini adalah untuk mengetahui konsep *tawarruq*

---

<sup>28</sup>Siti Aishah Kasmon dan Kamaruzaman Nordin, "Analisis Pelaksanaan Tawarruq dalam Produk Pembiayaan Peribadi di Malaysia" (makalah, Proceeding of International Conference on Postgraduate Research, Kuala Lumpur, 1-2 December 2014).

dan pelaksanaannya dalam perbankan Islam. BIMB dijadikan sebagai kajian kes. Hasil kajiannya mendapati bahawa *tawarruq maṣrifī* yang dilaksanakan oleh sebahagian perbankan Islam adalah tidak dibenarkan kerana ia lebih hampir menyerupai *bayʿ, al-ḥanāh*. Jual beli yang dilaksanakan bukan secara langsung, tetapi hanya mengetengahkan jual beli *ṣūri* dan ditambah lagi tanpa berlaku serah terima komoditi (*al-taqābuḍ*). Pandangan ini disokong oleh kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak majmaʿ. Namun, Majlis Penasihat Syariah BIMB mengeluarkan resolusi bahawa pembiayaan yang menggunakan kontrak *tawarruq maṣrifī* adalah dibenarkan dengan mengikut ketetapan-ketetapan (*ḍawābiṭ*) dalam kewangan Islam.<sup>29</sup> Dapatan kajian ini juga mendapati sama sebagaimana yang ditulis oleh Aḥmad Muḥammad al-Jayūsī (2012). Al-Jayūsī (2012) cenderung kepada pandangan yang menolak transaksi *tawarruq maṣrifī*. *Tawarruq fiqhī* diharuskan sekiranya selaras dengan ketetapan fiqh, iaitu mengamalkan serah terima komoditi dan menjual semula komoditi kepada selain penjual asal tanpa melakukan *ṭawāṭu*” bersamanya pada peringkat awal kontrak.<sup>30</sup> Al-Khiḍayrī (2009)<sup>31</sup> dalam kajiannya mengharuskan *tawarruq* sama ada *fiqhī* atau *munazzam*. Beliau mengkaji pelaksanaan *tawarruq* dalam pembiayaan di bank-bank Arab Saudi. Dua jenis bank dibandingkan, iaitu Bank al-Bilad dan Bank al-Rajhi. Beliau mendapati bahawa amalan *tawarruq* di kedua-dua buah bank berkenaan selaras dengan keperluan Syariah.

Analisis di atas mendapati bahawa banyak penulisan dalam kajian lepas yang menumpukan kepada aplikasi *tawarruq* di BIMB dan kurang memfokuskan kepada bank-bank lain atau institusi bukan bank seperti Amanah Ikhtiar Malaysia, Koperasi dan sebagainya. Rumusan daripada kajian-kajian lepas, isu-isu yang dibangkitkan dalam

---

<sup>29</sup>Tūmī Badrah dan Bawzīd Shafīqah, “Taṭbīqāt al-Tawarruq al-Maṣrifī fī al-Maṣārif al-Islāmiyyah Tajribah Maṣrif Islām Mālīziyā” (makalah, Seminar Produk dan Inovasi Kewangan Islam, International Shari’ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), Algeria, 5-6 Mei 2014).

<sup>30</sup>Aḥmad Muḥammad al-Jayūsī, “al-Tawarruq al-Maṣrifī bayn al-Mujizīn wa al-Māniḥīn” (makalah, al-Muṭamar al-ḥilmī al-ʿAwwal al-Tawarruq al-Maṣrifī wa al-Hayl al-Ribawiyah, Ajloun National University, Jordan, 18-19 April 2012).

<sup>31</sup> Al-Khiḍayrī, Ṣālih Muḥammad, “al-Tawarruq wa Taṭbīqātuh al-Muʿāṣirah fī al-Maṣārif al-Islāmiyyah: Maṣrif al-Rajhi wa Maṣrif al-Bilād fī al-Mamlakah al-ʿArabiyyah al-Suʿūdiyyah Namūdhajan” (tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009).

*tawarruq* berkaitan dengan *al-ḥinah*, *tawāṭu'*, bank sebagai wakil pelanggan (*wakālah*), *taqābud*, komoditi dan *ḥīlah* riba.

Kajian yang mutakhir adalah penulisan Izuwan (2015).<sup>32</sup> Kajian ini sedikit berbeza daripada kajian-kajian lepas kerana penulis mengkaji pelaksanaan *tawarruq* di Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB). Tiga perkara untuk dicapai dalam penyelidikannya, iaitu mengkaji prinsip asal pelaksanaan transaksi *bay*, *al-tawarruq*, pelaksanaan semasa transaksi *tawarruq* di BMMB dan isu-isu yang timbul dalam pelaksanaan transaksi *tawarruq* secara khusus memperlihatkan kesahihannya berdasarkan prinsip Syariah. Lima isu Syariah dikaji dalam *tawarruq* di BMMB, iaitu komoditi, penyerahan dan pegangan (*taqābud*), pra-aturan (*tawāṭu'*) yang boleh membawa kepada *bay*, *d-*, *ḥinah*, berkaitan perwakilan dan isu *bay*, *wakīl li nafsih*. Data-data diperoleh dengan menggunakan dua sumber, iaitu primer dan sekunder. Data primer seperti kaedah temu bual bersama pegawai-pegawai di BMMB. Manakala, data sekunder pula melalui kaedah perpustakaan yang merujuk kepada bahan-bahan rujukan seperti buku, kertas kerja, jurnal dan petikan akhbar.

Akhir sekali, siasatan kajian yang diperoleh adalah penggunaan platform Bursa Pasaran Komoditi (Bursa Suq al-Sila,,) oleh BMMB dapat mengatasi kebanyakan isu Syariah yang dibangkitkan oleh para cendekiawan Islam di peringkat antarabangsa dalam pelaksanaan *tawarruq munazzam*. Satu isu tidak ditangani dengan sempurna oleh BMMB, iaitu berkaitan perwakilan. Kajian yang dijalankan hampir menyerupai kajian penyelidik dari sudut pengambilan beberapa aspek yang menjadi isu Syariah dalam *tawarruq*. Namun, penulis tidak menyelaraskan aspek yang dibawa berasaskan kepada piawaian Syariah BNM kerana semasa penyelidikannya, BNM masih belum mengeluarkan piawaian khusus berkaitan *tawarruq*. Oleh itu, penyelidik merasakan

---

<sup>32</sup>Mohd Izuwan Mahyudin, "Aplikasi Tawarruq dalam Sistem Perbankan Islam: Kajian di Bank Muamalat Malaysia Berhad"(disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015).

terdapat ruang yang boleh dikaji berkaitan *tawarruq* dengan perbahasan yang dikemukakan secara terperinci dalam konteks institusi mikro. Bagi memenuhi tujuan tersebut, penyelidik memilih AIM sebagai kajian kes.

### **2.1.2 Kajian Mengenai Pembiayaan Mikro Islam dan Konvensional**

Terdapat beberapa kajian yang dilaksanakan melalui kaedah perbandingan di antara pembiayaan mikro Islam dengan konvensional yang dihuraikan daripada skop kajian yang berbeza seperti Kausar Abbas *et. al.*(2012),<sup>33</sup> Ascarya (2014), Ines Ben Abdelkader dan Asma Ben Salem (2013). Kajian oleh Kausar Abbas (2012) mengulas tentang persepsi dan penerimaan pembiayaan mikro Islam dan konvensional daripada golongan PKS di Pakistan. Tiga penempatan dijadikan sebagai sampel kajian, iaitu kota Rawalpindi, Lahore dan Peshawar. Tujuan kajian tersebut dijalankan untuk mengetahui tahap pengetahuan dan kesedaran usahawan mengenai kedua-dua konsep tersebut. Hasil dapatannya mendapati bahawa majoriti responden memahami asas-asas kewangan mikro Islam dan mengakui bahawa kewangan mikro Islam adalah yang terbaik berbanding konvensional. Walau bagaimanapun, responden meluahkan rasa tidak puas hati mereka berkaitan aspek pengurusan di peringkat institusi bank. Mereka mahu diberikan pendedahan mengenai kewangan Islam melalui seminar dan saluran maklumat melalui media elektronik dan kegiatan lain yang berhubung dengan amalan kewangan Islam. Ines Ben Abdelkader dan Asma Ben Salem (2013)<sup>34</sup> pula mengkaji prestasi pelaksanaan konsep mikro Islam dan konvensional di wilayah MENA (*Middle East and North Africa*). Populasi miskin yang berada di wilayah ini merupakan golongan yang mengamalkan dan mematuhi prinsip Islam. Mereka tidak mengambil

---

<sup>33</sup>Kausar Abbas, Dzuljastri Abdul Razak dan Norma Saad, "The Perception of Micro-Entrepreneurs and Petty Traders Towards Conventional and Islamic Microfinance: A Case Study of Pakistan" (makalah, Isra Colloquium, International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia, 27 November 2012).

<sup>34</sup>Ines Ben Abdelkader dan Asma Ben Salem, "Islamic Vs Conventional Microfinance Institution: Performance Analysis in MENA Countries," *International Journal of Business and Social Research (IJBSR)* 3, no. 5 (May 2013): 219-233.

kontrak pembiayaan tradisi yang bercanggah dengan Syariah. Hasil kajiannya mendapati bahawa tidak ada perbezaan yang ketara antara mikro Islam dan konvensional di MENA. Faktor agama dan menggunakan kontrak patuh Syariah sebagai dasar transaksi tidak menjejaskan prestasi kecekapan dalam institusi mikro di wilayah MENA. Kajiannya juga mendapati bahawa aplikasi kewangan Islam semakin mendapat perhatian, khususnya dalam kalangan yang menawarkan perkhidmatan kewangan. Ascarya (2014)<sup>35</sup> menilai beberapa model pembiayaan mikro Islam dan konvensional yang disediakan kepada pengusaha kecil-kecilan di Indonesia dan mencari model yang terbaik bagi melestarikan pembangunan di luar bandar. Hasilnya mendapati bahawa model koperasi *Baitul Maal wa al-Tamwil* (BMT) adalah model yang mampan dan terbaik.

Didapati fokus kesemua kajian di atas tertumpu kepada pembiayaan mikro Islam dan konvensional. Disertasi ini berbeza jika dibandingkan dengan kajian-kajian di atas, khususnya objektif dan kajian kes.

Selain itu, terdapat kajian yang mengkaji tentang pelaksanaan mikro Islam sebagai fokus perbincangan seperti kajian oleh Nurul Bariah dan Muhammad Hakimi (2014).<sup>36</sup> Objektif kajian ini melihat sejauh mana pembiayaan mikro Islam dapat meningkatkan taraf hidup isi rumah dan meningkatkan pendapatan. Penulis menggunakan kaedah temu bual bersama pegawai AIM di cawangan Hulu Langat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa *tawarruq* berjaya menjadi elemen pembiayaan mikro yang sistematik dalam membasmi kemiskinan dan dapat meningkatkan ekonomi golongan miskin. Buktinya, berdasarkan peningkatan prestasi ekonomi Sahabat menerusi kajian impak yang dijalankan secara mendalam oleh AIM dan pengkaji-pengkaji lain. Walau

---


<sup>35</sup>Ascarya, "Sustainable Conventional and Islamic Microfinance Models for Micro Enterprises," *ISRA International Journal of Islamic Finance* 6, no. 2 (Disember 2014): 49-85.

<sup>36</sup>Nurul Bariah Roslan dan Muhammad Hakimi, "Aplikasi al-Tawarruq dalam pembiayaan mikro Islam di Amanah Ikhtiar Malaysia" (makalah, 3rd International Conference on Accounting, Business and Economics (ICABE), Kuala Terengganu, 26-28 Ogos 2014).

bagaimanapun, terdapat ruang yang perlu diperbaiki dalam kajian tersebut, khususnya huraian mengenai aliran modus operandi *tawarruq*.<sup>37</sup>

Kajian oleh Raziah Md Tahir (2015)<sup>38</sup> juga mengkaji tentang skim kredit mikro di AIM. Dua skop perbincangan dikaji, iaitu pertama; mengenal pasti kaedah penetapan caj pengurusan ke atas skim kredit mikro di bawah kontrak *al-qard*, adakah bersesuaian atau sebaliknya. Kedua; mengenal pasti kontrak alternatif yang paling sesuai diguna pakai dalam skim kredit mikro AIM. Hasil kajiannya mendapati bahawa penetapan caj pengurusan di bawah kontrak *al-qard* tidak menepati peraturan Syariah kerana caj yang dikenakan berdasarkan peratusan daripada jumlah pinjaman. Kaedah ini tidak menggambarkan kos sebenar yang terlibat dan boleh dikategorikan sebagai riba *al-qard* kerana penetapan tersebut dibuat pada awal kontrak pinjaman. Menurut penulis lagi, *tawarruq* adalah alternatif terbaik menggantikan kontrak sedia ada dalam skim kredit mikro. Menerusi penelitian, kajian ini tidak membincangkan secara menyeluruh

<sup>37</sup> Aliran modus operandi *tawarruq* yang dijelaskan dalam kajian:



Sumber: Nurul Bariah Roslan dan Muhammad Hakimi (2014)

Huraian:

1. Sahabat membuat permohonan daripada AIM.
2. AIM membeli komoditi berkenaan dengan harga tertentu daripada Bursa (BSAS).
3. Komoditi telah menjadi milik penuh AIM.
4. Selepas itu, AIM menjual komoditi kepada Sahabat dengan harga campur keuntungan.
5. Sahabat jual kembali komoditi kepada AIM.  
(Perlu diperbaiki kerana membawa kepada elemen bay., al-, ĩnah)
6. Dalam masa yang sama, AIM jual kembali komoditi berkenaan kepada BSAS.  
(Perlu diperbaiki kerana AIM bukanlah pemilik komoditi yang sebenar. Pada peringkat ini, AIM hanya menjadi wakil bagi pihak Sahabat menjual komoditi miliknya kepada BSAS)
7. Hasil jualan komoditi kepada Bursa dengan harga tertentu akan diserahkan kepada Sahabat dan Sahabat bertanggungjawab untuk membayar jumlah pembiayaan kepada AIM secara ansuran dalam tempoh yang dipersetujui ketika akad.

<sup>38</sup> Raziah Md Tahir, "Kesesuaian Pemakaian Kontrak al-Qard al-Hasan dalam Skim Pembiayaan Kredit Mikro Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)" (makalah, 9th ISDEV International Islamic Development Management Conference, Universiti Sains Malaysia, Penang, 8-9 Disember 2015).

berkenaan *tawarruq* kerana beliau hanya mengemukakan gambaran dan definisi *tawarruq* secara umum sahaja. Kajian ini juga tidak menghuraikan secara mendalam mengenai skim kredit mikro yang ditawarkan oleh AIM.

Abd Majid Abd al-Sawi (2015)<sup>39</sup> dalam kajiannya yang menghimpunkan institusi-institusi perbankan di Sudan pada tahun 2007 sehingga 2012. Beliau membuat penyelidikan kerana wujud permasalahan bank di Sudan yang tidak menggunakan kadar 12 peratus peruntukan yang diberikan dalam projek pembiayaan mikro. Enam jenis kontrak Syariah diaplikasikan dalam pembiayaan mikro Islam di Sudan, iaitu *bay*, *murābahah*, *mushārahah*, *salam*, *jjārah*, *muḍārahah* dan *muqāwalah*. Selain mengkaji sebab keengganan pihak bank memberikan peruntukan secara penuh, penulis juga turut membincangkan tentang peranan perbankan dalam memantapkan projek mikro bagi menangani masalah pengangguran dan kemiskinan. Kajiannya mendapati bahawa keengganan pihak bank menggunakan kadar peruntukan 12 peratus yang telah ditetapkan oleh Bank Negara Sudan adalah disebabkan oleh penyelenggaraan kos yang amat tinggi, kadar pulangan yang negatif dan kurangnya penerimaan pelanggan terhadap perbankan. Beliau cuba mencadangkan pihak bank meningkatkan margin keuntungan bagi menampung kos susulan dan juga risiko keingkaran pembayaran balik.

Hasil pemerhatian melalui penulisan lain, terdapat kajian yang hampir sama mengkaji tentang skim kredit mikro di Sudan, iaitu kajian Magda Ismail dan Syed Othman al-Habshi (2015).<sup>40</sup> Kajiannya mengemukakan pendekatan pembiayaan mikro Islam terkini yang telah diamalkan di Sudan dan terbukti kejayaannya menerusi dua medium, iaitu perkhidmatan bank-bank Islam dan melalui penyaluran zakat. Kedua-duanya ternyata dapat membantu golongan miskin dan yang memerlukan. Lima kontrak

---

<sup>39</sup>Abd Majid Abd al-Sawi, "Dawr al-Bunūk fī al-Istidāmah Tamwīl al-Mashrū,āt al-Ṣughrā li Mu,ālajat al-Faqr al-Mujtama,ī," *Journal of Economic Sciences, Sudan University of Science and Technology* 16, no. 1 (2015): 25-45.

<sup>40</sup>Magda Ismail dan Syed Othman al-Habshi, "Microfinance Through Islamic Banks and Zakah (A Novel Practice)," *Journal of Wealth Management & Financial Planning* 2 (June 2015): 49-61.



Syariah yang didapati banyak diguna pakai dalam pembiayaan mikro Islam, iaitu *murābahah*, *muqāwalah*, *muḍārabah*, *mushārahah* dan *salam*. Pembiayaan berasaskan Islam ini bukan sahaja membantu golongan miskin, bahkan kebanyakan keluarga yang mahu memulakan perniagaan secara kecil-kecilan dan menambahkan pendapatan isi rumah. Selain itu, penyaluran dana zakat dengan menggunakan kontrak *qard ḥasan* dalam pembiayaan yang produktif adalah satu mekanisme baharu yang terbukti berjaya diaplikasikan di negara tersebut. Berdasarkan analisis penyelidik mengenai kajian yang dijalankan oleh Abd Majid Abd al-Sawi (2015), Magda Ismail dan Syed Othman al-Habshi (2015) mendapati bahawa limitasi kajian-kajian ini tidak menyentuh tentang *tawarruq* dan pelaksanaannya dalam industri kewangan mikro.

### **2.1.3 Rumusan**

Melalui pemerhatian penyelidik mengenai kajian lepas, tidak dinafikan bahawa banyak kajian mengenai *tawarruq* berbentuk teoritikal dan juga empirikal dijalankan. Namun, masih terdapat ruang yang perlu dikaji dan dinilai semula oleh para pengkaji yang akan datang. Hasil penilaian mendapati bahawa punca kontrak *tawarruq* popular dikaji dan dibahaskan adalah kerana kontroversi dan tidak ada peraturan khusus daripada BNM sebagai sandaran pandangan yang muktamad. Hasil analisis juga mendapati tidak terdapat kajian *tawarruq* yang dijalankan di AIM secara terperinci yang mengabungkan aspek teori dan pelaksanaan. Melalui kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat menyalurkan data-data empirikal dan menghasilkan cadangan-cadangan baharu untuk dipraktikkan di AIM.

## **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

### **3.1 PENGENALAN**

“Metodologi” ialah falsafah di sebalik proses penyelidikan. Ini termasuk andaian dan nilai-nilai yang menjadi dasar penyelidikan dan ukuran ataupun kriteria yang digunakan untuk mentafsir data dan membuat kesimpulan.<sup>1</sup>

### **3.2 REKA BENTUK**


Secara umumnya, metodologi penyelidikan yang akan dilaksanakan dalam kajian ini adalah berbentuk kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif. Kajian kes boleh didefinisikan merujuk kepada beberapa aspek (Meriam, 2001). Antaranya, proses ketika menjalankan kajian analisis, sistem atau produk.<sup>2</sup> Menurut Satake (2000), kajian kes bukan merupakan pilihan ke atas metodologi tetapi pilihan ke atas apa yang hendak dikaji. Kita akan mengkaji sesuatu kes dengan menggunakan metode yang sesuai. Dalam Rajah 3.1, ditunjukkan secara jelas kaedah-kaedah yang diterapkan dalam pengumpulan data dan analisis data.

---

<sup>1</sup> Hashim Awang, *Kaedah Penyelidikan Sosial* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984), 47.

<sup>2</sup> Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode* (Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2014), 105.

Rajah 3.1: Metodologi Kajian



### **3.3 Kaedah dalam Pengumpulan Data**

Pengumpulan data sesuatu kajian amat penting bagi menjamin ketepatan hasil pandangan dan penemuan yang dikemukakan seseorang penyelidik. Empat kaedah yang digunakan dalam kajian ini, iaitu kajian perpustakaan, dokumentasi, temu bual, dan observasi.

#### **3.3.1 Kaedah Kajian Perpustakaan**

Kaedah ini bermaksud menggunakan bahan-bahan kajian yang didapati di dalam perpustakaan dalam pelbagai bentuk data yang terpilih. Penggunaan kaedah ini adalah bertujuan untuk merangka kajian dan melihat kepada kajian-kajian lepas untuk mengenal pasti kekurangan dan kelebihan yang terdapat dalam kajian-kajian terdahulu. Di samping itu, kaedah tersebut menjawab objektif pertama kajian, iaitu berbentuk landasan teori mengenai kontrak *tawarruq*.

Oleh itu, beberapa buah perpustakaan dijadikan tempat rujukan bagi mendapatkan bahan dan data kajian. Antaranya, perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM), perpustakaan Utama UM (*Central*), perpustakaan Za'ba UM dan perpustakaan luar universiti seperti:

1. Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia
2. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
3. Perpustakaan Negara Malaysia

### 3.3.2 Kaedah Dokumentasi

Pengumpulan data berbentuk dokumentasi adalah merujuk kepada bahan-bahan berbentuk dokumen seperti buku-buku kontemporari, makalah, kertas kerja, disertasi, tesis, artikel, jurnal, pamflet, akhbar, monograf, enakmen dan bahan-bahan lain yang dikategorikan sebagai dokumen. Keseluruhan bahan ini ada yang diterbitkan dan tidak diterbitkan yang dapat didapati di beberapa buah tempat tertentu. Antaranya, laman sesawang, perpustakaan, agensi kerajaan atau swasta seperti institusi perbankan, JAKIM, AIM atau pusat pengajian tinggi. Bahan berbentuk dokumen ini banyak menyumbang kepada keseluruhan bab penulisan dan memenuhi objektif kedua dan ketiga kajian.

Antara bahan berbentuk dokumen yang diambil dan dijadikan sebagai bahan analisis adalah dokumen-dokumen rasmi berkaitan SPI dan dokumen piawaian Syariah BNM. Kesemua dokumen berkaitan SPI diambil pada bulan September 2016. Oleh itu, sebarang pindaan yang berlaku setelah itu adalah tidak termasuk dalam limitasi kajian. Jadual 3.1 yang dijelaskan di bawah adalah dokumen-dokumen AIM dan BNM dalam pelaksanaan *tawarruq*:

Jadual 3.1: Piawaian Syariah BNM dan Dokumen-Dokumen Pelaksanaan *Tawarruq* SPI

Bil	Dokumen	BNM	AIM
1.	<i>Shariah Standards and Operational Requirements (Tawarruq)</i>	√	
2.	Borang Permohonan Pembiayaan Sahabat		√
3.	P115 <i>Tawarruq</i> (Maklumat Pembiayaan Sahabat AIM)		√
4.	Borang Kontrak <i>Murābahah</i>		√
5.	<i>e-Certificate</i> (Sijil) Pengesahan Transaksi Antara Pembekal CPO dengan AIM		√
6.	<i>e-Certificate</i> (Sijil) Pengesahan Transaksi Antara Pihak AIM dengan Pihak Sahabat (Mewakili no. batch)		√
7.	<i>e-Certificate</i> (Sijil) Pengesahan Transaksi Antara Pihak Sahabat (Mewakili no. batch) dengan BMIS		√
8.	<i>Commodity Information</i> (Maklumat Komoditi)		√
9.	Penyata Akaun Sahabat AIM		√
10.	Senarai Pembelian Komoditi oleh AIM dan Penjualan kepada Sahabat Secara (Kontrak <i>Murābahah</i> ) melalui Sistem SAFIS (Perisian Kini)		√
11.	Senarai Pembelian Komoditi oleh AIM dan Penjualan kepada Sahabat Secara (Kontrak <i>Murābahah</i> ) melalui Sistem SMIC (Perisian Lama)		√
12.	Borang Aku Janji Pembelian ( <i>Wa., d</i> )		√
13.	Borang Persetujuan Perlantikan Wakil Bagi Penyempurnaan Akad Pembelian ( <i>Wakālah 1</i> )		√
14.	Borang Persetujuan Perlantikan Wakil Bagi Penyempurnaan Akad Penjualan ( <i>Wakālah 2</i> )		√
15.	Surat (WP4) Pembayaran ke Akaun Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia		√
16.	Borang Penyertaan Skim Tabung Khairat Hutang		√

Sumber: BNM, AIM.

Dokumen melalui internet diambil daripada laman-laman yang berautoriti sebagai maklumat tambahan buat pengkaji. Laman sesawang utama yang dilayari adalah seperti berikut:

1. Portal Rasmi Bank Negara Malaysia, <http://www.bnm.gov.my/>
2. Info Kewangan Islam, <http://www.islamicfinanceinfo.com.my/>
3. Info Perbankan, <http://www.bankinginfo.com.my/>
4. Akademi Penyelidikan Syariah berkaitan Kewangan Islam (ISRA), <http://www.isra.my/>
5. Portal Rasmi Muamalat dan Kewangan Islam, <http://e-muamalat.gov.my/>
6. Portal Rasmi Tokoh Muamalat Islam „Alī Muḥyī al-Dīn al-Qarahdāghī, <http://www.qaradaghi.com/>
7. Portal Rasmi Amanah Ikhtiar Malaysia, [www.aim.gov.my](http://www.aim.gov.my)
8. Portal Rasmi Majma, „Fiqh al-Islāmi al-Duwalī, <http://www.iifa-aifi.org/>
9. Portal Rasmi Lembaga Fatwa Mesir (Dār al-Iftā“ al-Miṣriyyah), <http://www.dar-alifta.org/AR/Default.asp>
10. Portal Rasmi Majma, „Fiqh al-Islāmi, <http://www.themwl.org/web/>

### 3.3.3 Kaedah Temu Bual

Mengikut Cannel dan Kahu (1968), kaedah temu bual boleh ditakrifkan sebagai:

*“Perbualan di antara dua pihak melalui inisiatif penemubual dengan tujuan untuk memperoleh maklumat yang relevan untuk kajian, dan difokuskan olehnya, sesuatu kandungan spesifik ditentukan seperti objektif deskripsi, ramalan atau huraian secara sistematik”<sup>3</sup>*

Dalam buku yang berjudul “Penyelidikan dalam Pendidikan Perancangan dan Pelaksanaan Tindakan”, hasil karya Mok Soon Sang (2010) mengklasifikasikan temu bual kepada empat bahagian, iaitu temu bual berstruktur, temu bual bukan berstruktur, temu bual bukan direktif dan temu bual berfokus. Namun, dalam buku Kaedah Penyelidikan karya Chua Yan Piaw, beliau memperincikan lagi pembahagian temu bual

---

<sup>3</sup>Mok Soon Sang, *Penyelidikan dalam Pendidikan Perancangan dan Pelaksanaan Tindakan* (Puchong: Penebitan Multimedia, 2010), 231.

berstruktur kepada tiga jenis, pertama; berstruktur, kedua; semi berstruktur, ketiga; tidak berstruktur. Temu bual berstruktur ialah isi kandungan termasuk soalan kaji selidik dan prosedurnya telah dirancang terlebih dahulu. Proses temu bual dibimbing dan dikawal oleh penemubual mengikut agenda yang telah dirancang di peringkat awal. Oleh itu, temu bual berstruktur membolehkan penggunaan rangka kerja yang mudah untuk menganalisis data.<sup>4</sup> Dalam temu bual semi berstruktur pula, pengkaji tidak perlu terikat untuk mengetahui jawapan formal yang lebih mendalam yang telah diajukan dan pengkaji bebas mengemukakan soalan tambahan yang dirasakan perlu.<sup>5</sup> Temu bual tidak berstruktur pula ialah interaksi diadakan dalam sesuatu situasi terbuka, memperlihatkan fleksibiliti dan kebebasan yang lebih banyak.<sup>6</sup>

Kaedah temu bual semi berstruktur digunakan dalam disertasi ini bagi mendapatkan data dan maklumat yang penting berkaitan dengan permasalahan kajian. Justeru, segala persoalan yang berkaitan akan diberikan kepada persampelan bertujuan, iaitu memenuhi satu sahaja kriteria yang ditetapkan oleh pengkaji dan mereka adalah kalangan yang berautoriti dalam menjayakan produk. Pengkaji menyenaraikan beberapa soalan yang telah disusun untuk diajukan kepada responden bagi mendapatkan jawapan. Jika jawapan yang diberikan masih tidak mencukupi, pengkaji akan mengajukan soalan tambahan secara seponan kepada responden. Oleh itu, bagi mendapatkan data berkaitan pembiayaan mikro AIM berasaskan kontrak *tawarruq*, responden perlu memenuhi syarat berikut:

“Pegawai yang mengkaji produk AIM secara langsung dan mengetahui selok belok kewangan Islam”

---

<sup>4</sup>*Ibid.*, 232.

<sup>5</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan* (Kuala Lumpur: MC Graw Hill Education, 2014), 114.

<sup>6</sup>Mok Soon Sang, *Penyelidikan dalam Pendidikan Perancangan dan Pelaksanaan Tindakan* (Puchong: Penebitan Multimedia, 2010), 232.



Manakala, data yang berkaitan dengan syarat-syarat kelayakan skim, modus operandi pembiayaan, sejarah AIM dan hal-hal berkaitan permohonan pembiayaan, responden perlu menepati syarat berikut:

“Pegawai yang berkhidmat dalam tempoh yang lama di AIM dan pernah terlibat secara langsung dengan permohonan Sahabat dalam skim pembiayaan ikhtiar AIM”

Melalui perantaraan Encik Roslan Abas sebagai pegawai bahagian unit penyelidikan dan inovasi AIM, beliau telah bertemu dengan lima individu yang berkelayakan untuk diadakan temu bual secara langsung (bersemuka), iaitu:

**Pertama:** Pengurus Unit Kualiti dan Dokumentasi AIM, Alwani binti Safie mewakili bahagian pembiayaan, perancangan dan bajet.

**Kedua:** Pegawai Eksekutif Syariah, Syazana binti Abd Rahman

**Ketiga:** Penolong Pegawai Akaun (PPA) Pejabat Wilayah AIM Kuala Lumpur/Selangor, Robeah Baharuddin

**Keempat:** Penolong Pegawai Kerja (PPK) atau (Pembantu Amanah Akaun) Pejabat Wilayah AIM Kuala Lumpur/Selangor, Noor Anina binti Mat Nordin

**Kelima:** Pegawai Amanah (PA) Cawangan Kepong, Muhammad Mujahid bin Azhari

Kelima-lima responden di atas menepati kriteria yang ditetapkan dan Jadual 3.2 berikut adalah maklumat berkaitan responden:

Jadual 3.2: Biodata Responden

<b>Perkara</b>	<b>Responden 1</b>	<b>Responden 2</b>	<b>Responden 3</b>
<b>Nama</b>	Alwani bt Safiei	Syazana bt Abd Rahman	Robeah Baharuddin
<b>Latar belakang pendidikan</b>	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (USM)	B.A Syariah (UM), DAIJ, LLM Islamic Banking & Finance, UIAM	Diploma Perakaunan (Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah)
<b>Tempoh perkhidmatan di AIM</b>	26 tahun 4 bulan dengan menjawat pelbagai jawatan dan mula berkhidmat pada 1 Februari 1990	5 Tahun sebagai Pegawai Eksekutif Syariah di AIM sejak tahun 2010	6 tahun menjawat jawatan sebagai Penolong Pegawai Akaun di Pejabat AIM Wilayah Utara Kuala Lumpur dan Selangor. Mula berkhidmat pada 1 Julai 2010
<b>Jawatan yang pernah disandang di AIM</b>	Pelatih Pengurus Cawangan, Pengurus Cawangan Tumpat, Tenaga Pengajar Kakitangan AIM pada tahun 1992, (PR) Pegawai Cawangan di Rompin, Terengganu, (PW) Pengurus Wilayah Kelantan, Unit (R&D) Research and Development selama 8 tahun, Pengurus Unit Kualiti dan Dokumentasi	Pegawai Eksekutif Syariah	Penolong Pegawai Akaun
<b>Jawatan sekarang</b>	Pengurus Unit Kualiti dan Dokumentasi	Pegawai Eksekutif Syariah	Penolong Pegawai Akaun (PPA)

Jadual 3.2: Sambungan Biodata Responden

Perkara	Responden 4	Responden 5
<b>Nama</b>	Noor Anina bt Mat Nordin	Muhammad Mujahid bin Azhari
<b>Latar belakang pendidikan</b>	SPM, Sijil Perakaunan Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang Stesen, Perak	STPM Sekolah King Edward Taiping, Perak
<b>Tempoh perkhidmatan di AIM</b>	9 tahun dengan menjawat pelbagai jawatan dan mula berkhidmat pada tahun 2007	6 tahun dengan menjawat pelbagai jawatan dan mula berkhidmat pada bulan Mei 2010
<b>Jawatan yang pernah disandang di AIM</b>	Pegawai Amanah Lapangan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Pembantu Amanah Pengurusan, Pembantu Amanah Akaun (PPK-Penolong Pegawai Kerja)	Pelatih AIM, Pembantu Amanah Akaun Pejabat Wilayah Utara, Pegawai Amanah Cawangan Kepong
<b>Jawatan terkini</b>	Pembantu Amanah Akaun/ Penolong Pegawai Kerja (PPK)	Pegawai Amanah (PA) Cawangan Kepong

Sumber: Temu bual bersama pihak berkenaan

Selain menemu bual pihak AIM, kajian ini juga turut mengadakan temu ramah bersama pihak Bursa Malaysia bagi mendapatkan maklumat tambahan, khususnya berkaitan jual beli secara *tawarruq* di platform BSAS agar analisis yang dijalankan oleh penyelidik dapat dicerna dengan baik melalui dapatan yang benar dan tepat.

### 3.3.3.1 Protokol sesi temu bual:

Langkah pertama adalah mengenal pasti kes kajian di lapangan. Cara yang dibuat adalah dengan mendapatkan maklumat-maklumat awal berkaitan kajian melalui laman portal rasmi AIM seperti nombor telefon dan pamflet. Pengkaji menggunakan carian *waze* bagi mendapatkan peta lokasi dengan lebih jelas.

Langkah kedua; memilih individu untuk ditemu bual. Penyelidik memilih individu yang menyandang jawatan di institusi berkenaan dan memegang jawatan yang berkaitan dengan SPI. Ini bertujuan supaya data yang diperoleh adalah tepat melalui individu yang berautoriti. Pemilihan dilakukan melalui perbincangan tidak formal bersama

„orang penting“ dengan menggunakan perantaraan emel untuk mengetahui responden yang patut ditemu bual secara mendalam.

Langkah seterusnya pula menentukan masa temu janji. Temu janji dibuat bersama responden yang telah dilantik dan dipilih sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 3.3 di bawah. Maklumat yang diperolehi daripada temu bual ini disusun berdasarkan kepada persoalan dan objektif yang hendak dicapai.

Jadual 3.3: Temu Janji Bersama Pihak Responden

Bil.	Nama Pegawai	Jawatan	Temu Janji
1.	Alwani bt Safiei	Pengurus Unit Kualiti dan Dokumentasi	31/05/2016, 10 Pagi Menara Amanah Ikhtiar
2.	Syazana bt Abd Rahman	Pegawai Eksekutif Syariah	31/05/2016, 11 Pagi Menara Amanah Ikhtiar
3.	Robeah Baharuddin	Penolong Pegawai Akaun (PPA)	22/09/2016 2.00-3.30 Petang Pejabat AIM Wilayah Kuala Lumpur/Selangor
4.	Noor Anina bt Mat Nordin	Pembantu Amanah Akaun (PPK)	22/09/2016, 11.00-12.30 Tengah hari Pejabat AIM Wilayah Kuala Lumpur/Selangor
5.	Muhammad Mujahid bin Azhari	Pegawai Amanah (PA) Cawangan Kepong	22/09/2016, 9.00-10.30 Pagi Pejabat Cawangan AIM, Kepong
6.	Muhammad Hasanan Yunus	Pengurus Unit Syariah (Pasaran Modal Islam) Bursa Malaysia	30/08/2017, 3 Petang Bilik Mesyuarat Merbau, Tingkat 1, Bursa Malaysia Berhad

Langkah keempat; mengadakan temu bual. Proses temu bual diadakan di empat lokasi berasingan, iaitu pejabat utama AIM, Bandar Sri Damansara, cawangan AIM Kepong, pejabat AIM Wilayah Kuala Lumpur/Selangor dan di Bursa Malaysia Berhad. Temu bual bersama wakil AIM diatitkan berdasarkan kepada temu janji yang telah ditetapkan

oleh pegawai bahagian unit penyelidikan dan inovasi. Berikut garis panduan<sup>7</sup> bagi memulakan langkah temu bual yang akan dijalankan:

1. Set soalan temu bual dijadikan senarai semak kepada penyelidik agar pihak responden menjawab dengan baik.
2. Menghantar terlebih dahulu surat kebenaran menjalankan kajian untuk mengadakan sesi temu bual. Soalan temu bual disertakan dalam surat permohonan kebenaran kepada pihak yang terlibat supaya mereka bersedia dan mengemukakan maklumat dengan benar.
3. Memperkenalkan diri dan projek yang dilaksanakan termasuk agensi yang menaja penyelidikan.
4. Pastikan kerahsiaan dan jelaskan bagaimana keselesaan dan identiti peserta dilindungi.
5. Jelaskan kepada peserta bahawa pandangan dan pendapat mereka adalah penting untuk kajian yang dijalankan.
6. Memohon kebenaran untuk mencatat dan merakam ketika sesi pertemuan berlangsung.
7. Mengadakan agenda tersebut dalam situasi yang selesa semasa temu bual dijalankan.
8. Merekodkan maklumat yang diperolehi dengan menggunakan pita rakaman penyelidik, tetapi ia berdasarkan keizinan pihak yang ditemu bual. Segala reaksi seperti isyarat mengganggu yang menunjukkan tanda setuju dan isyarat-isyarat yang lain juga dicatat.

---

<sup>7</sup>Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode* (Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2014).

Seterusnya, langkah terakhir adalah menyusun semula maklumat temu bual untuk transkripsi. Rakaman-rakaman yang ditemubual diperdengarkan semula dan membuat transkripsi dan pengekodan kerana ia adalah pangkalan data yang terbaik. Catatan bertulis ini akan dijadikan dua salinan untuk diserahkan kepada pihak yang ditemubual bertujuan untuk mendapatkan pengesahan mengenai kenyataan yang telah dibuat. Sebarang kesilapan akan diperbetulkan sebelum mereka mengesahkan catatan berkenaan. Penyelidik menyediakan satu borang perakuan yang akan ditandatangani oleh pihak responden bagi tujuan menguatkan kesahan catatan yang telah diberikan mereka kepada penyelidik. Data-data ini dijadikan sebagai sumber primer bagi menjalankan analisis kajian.

#### **3.3.4 Kaedah Observasi**

Pemerhatian (observasi) merupakan salah satu jenis kaedah soal selidik yang digunakan untuk mengumpul data kajian. Aspek pemerhatian sebagai proses utama dalam kajian ialah memberi peluang kepada penyelidik untuk mengumpul data dalam realiti daripada situasi buatan atau alam semula jadi. Melalui pemerhatian, penyelidik boleh memerhati fenomena atau situasi secara langsung tanpa bergantung kepada deskripsi atau sumber sekunder.<sup>8</sup> Tujuan menggunakan kaedah ini adalah untuk mendapatkan data yang saling melengkapi dan mengukuhkan data lain melalui kaedah dokumentasi dan temu bual.

Dalam kajian ini, kaedah “pemerhatian tidak turut serta” digunakan untuk mengetahui bagaimana proses jual beli secara *tawarruq* dilaksanakan dalam sistem. Penyelidik hanya berfungsi sebagai pemerhati tanpa mencampuri urusan niaga yang dilakukan oleh wakil yang telah dilantik, iaitu Penolong Pegawai Akaun dan Penolong Pegawai Kerja Akaun. Pemerhatian berkenaan telah berjaya dirakamkan melalui video dan pita

---

<sup>8</sup>Mok Soon Sang, *Penyelidikan dalam Pendidikan Perancangan dan Pelaksanaan Tindakan* (Puchong: Penebitan Multimedia, 2010 ), 300-314.

rakaman yang telah dibuat pada bulan September 2016 bertempat di Pejabat AIM Wilayah Utara Kuala Lumpur dan Selangor di Bandar Sri Damansara.

### **3.4 Kaedah dalam Analisis Data**

#### **3.4.1 Perisian**

Maklumat-maklumat yang dikumpulkan menerusi kaedah kajian perpustakaan, temu bual serta observasi dianalisis secara induktif, deduktif, komparatif dan kaedah bercantum (triangulasi) dengan menggunakan perisian *ATLAS.ti* 7. 5.15. Penggunaan alat perisian ini bagi memudahkan proses penganalisaan dan kemudiannya diterjemahkan dalam bentuk “hubung kait.”

#### **3.4.2 Kaedah Induktif**

Kaedah ini bermaksud “suatu metode proses penghuraian yang membawa kepada pencapaian kesimpulan hukum daripada maklumat yang bersifat khusus kepada kesimpulan maklumat yang bersifat umum”.<sup>9</sup> Penyelidik menggunakan kaedah ini bagi menganalisis data dan maklumat yang diperoleh sepanjang kajian. Setelah itu, membuat satu kesimpulan secara umum mengenai data yang dikumpulkan. Kaedah ini digunakan dalam perbincangan di bawah:

- a) Hukum *tawarruq* menurut Syariah.
- b) Analisis perbandingan antara modus operandi SPI dengan piawaian Syariah BNM.

Hasil daripada penelitian terhadap kedua-dua topik ini, kesimpulan akan dikemukakan secara umum.

---

<sup>9</sup> Hajah Noresah bt. Baharom et al. (2005), *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 675.

### 3.4.3 Kaedah Deduktif

Deduktif ialah proses menghuraikan kesimpulan daripada keadaan yang umum kepada kesimpulan yang khusus.<sup>10</sup> Dengan kata lain, ia merupakan kaedah menganalisis dan mengolah gaya penulisan berdasarkan kepada pola berfikir dengan mencari bukti, iaitu daripada bukti-bukti umum kepada yang lebih khusus. Pengkaji menggunakan metode ini dalam perbincangan di bawah:

Garis piawaian Syariah Bank Negara Malaysia akan membina kod-kod yang mewakili lima aspek perbincangan, pertama: penawaran (*'ījāb*) dan penerimaan (*qabūl*), kedua; komoditi, ketiga; harga, keempat; perwakilan dan kelima; pelaksanaan janji (*wa,,d*) Kod-kod ini adalah sebagai satu landasan teori bagi tujuan mencari dan menganalisis dokumen-dokumen AIM secara deduktif.

### 3.4.4 Kaedah Komparatif

Kaedah ini ialah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan secara adil mengenai beberapa data yang diperoleh semasa kajian.<sup>11</sup> Pengkaji menggunakan metode ini ketika mengemukakan perbandingan antara aplikasi kontrak dalam produk SPI dengan keselarasan garis piawaian Syariah BNM.

---

<sup>10</sup>*Ibid.*, 325.

<sup>11</sup> Abd. Halim Hj. Mat Diah, *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi* (Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1985), 136.



### 3.4.5 Kaedah Triangulasi

Kaedah triangulasi atau bercantum bermaksud dua atau beberapa kaedah digunakan dalam sesuatu penyelidikan, sama ada penyelidikan kuantitatif ataupun penyelidikan kualitatif. Misalnya, dalam kajian analisis yang dilaksanakan ini, penyelidik mencantumkan kaedah temu bual dan dokumentasi. Tujuan penggunaan kaedah bercantum ini ialah untuk menambahkan kekayaan makna dan isi dalam proses penyelidikan.<sup>12</sup> Ringkasnya, kaedah bercantum merupakan strategi atau teknik yang memberi sokongan kepada hasil dapatan kajian melalui data yang diperoleh. Antara sumber bagi kaedah lain ialah temu bual, pemerhatian, soal selidik, penyelidik lain dan sebagainya.<sup>13</sup> Dalam penyelidikan kualitatif kini, kaedah ini banyak digunakan oleh para penyelidik kerana ia merupakan penyelesaian terbaik bagi menentukan kredibiliti dan ketepatan dapatan kajian<sup>14</sup>. Di samping itu, ia juga dapat menambahkan kekayaan isi dan menyempurnakan kekurangan melalui suatu pendekatan.<sup>15</sup> Patton<sup>16</sup> membahagikan triangulasi kepada empat bahagian, iaitu triangulasi metode, triangulasi sumber, triangulasi penganalisis dan triangulasi teori. Triangulasi sumber digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini dengan menggabungkan analisis dokumen, temu bual dan observasi bertujuan untuk menyelaraskan maklumat yang diambil melalui pelbagai cara.

---

<sup>12</sup>Mok Soon Sang, *Penyelidikan dalam Pendidikan Perancangan dan Pelaksanaan Tindakan* (Puchong: Penerbitan Multimedia, 2010), 30.

<sup>13</sup>*Ibid.*, 32.

<sup>14</sup>*Ibid.*, 33.

<sup>15</sup>*Ibid.*

<sup>16</sup> Micheal Quinn Patton, *How to Use Qualitative Method in Evaluation* (Newbury Park, California: Sage Publication Inc, 1987), 60.

## BAB 4: *TAWARRUQ* MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH

### 4.1 PENGENALAN

*Tawarruq* adalah suatu transaksi yang melibatkan pembelian satu bahan komoditi dengan pembayaran tangguh secara *murābahah*. Setelah pelanggan membeli komoditi yang merupakan aset pendasar (*underlying asset*) daripada bank, pelanggan akan menjualnya semula secara tunai kepada pihak lain selain penjual asal (*original seller*). Asmak Ab Rahman *et. al* (2010), *bay*., *al-tawarruq* merupakan satu bentuk pembiayaan yang berasaskan kontrak *al-murābahah* dan *al-wakālah*.<sup>1</sup> Kontrak ini mempunyai pelbagai jenama. Antara yang diperkenalkan di Malaysia adalah *tawarruq*, komoditi *murābahah* dan ada juga menamakan sebagai *murābahah tawarruq* sebagaimana digunakan oleh BMMB. *Tawarruq* berjaya diamalkan di Malaysia setelah teknik tersebut banyak digunakan di rantau Teluk, khususnya Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu bagi mendapatkan kemudahan tunai jangka pendek.<sup>2</sup>

Merujuk kepada perbincangan ilmiah, lafaz *tawarruq* tidak ditemui dalam kitab-kitab fuqaha“ melainkan sebahagian daripada kalangan fuqaha“ Ḥanābilah. Konsep ini juga tidak didapati dalam catatan-catatan hadith kecuali satu sahaja yang diriwayatkan oleh Ibn Abī Shāybah dalam muṣannaf beliau.<sup>3</sup>

أَنَّ إِيَّاسَ بْنَ مُعَاوِيَةَ الْقَاضِي كَانَ يَرَى التَّوَرُّقَ - يَعْنِي الْعَيْنَةَ - أَيَّ لَا يَرَى فِيهَا  
بَأْسًا

Terjemahan: Sesungguhnya „Iyās bin Mu,āwiyah al-Qāḍī berpandangan bahawa *tawarruq*, iaitu *al-,īnah* adalah sesuatu yang tiada keburukan baginya.

<sup>1</sup> Asmak Ab Rahman, Shamsiah Mohammad dan Iman Mohd Salleh, “Bay, al-Tawarruq dan Aplikasinya dalam Pembiayaan Peribadi di Bank Islam Malaysia Berhad,” *Jurnal Syariah* 18, no. 2 (2010): 354.

<sup>2</sup> Mazzatul Raudah dan Abdul Ghafar Ismail, “Keperluan Kecairan Jangka Pendek di Perbankan Islam Melalui Keterkaitan Komoditi” (makalah, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII) Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju, Johor Bahru, 7-9 Jun 2013), 428.

<sup>3</sup> Ma,an Sa,ūd Abū Bakr, “al-Tawarruq al-Fiḥī kamā Tajrīh al-Maṣārīf al-Islāmiyyah,” *Majallah al-Sharī‘ah wa al-Qānūn al-Jāmi,ah al-‘imārāt al-,arabiyyah al-Muttaḥidah* 57 (Januari 2014): 282.

Antara karya yang ditulis secara jelas mengenai *tawarruq* oleh fuqaha<sup>4</sup> Ḥanābilah adalah melalui al-Bahūtī dan al-Mirdāwī:

“Jika manusia memerlukan *al-naqd* (wang), kemudian dia membeli sesuatu barang (aset) yang berharga 100 dengan 150 sebagai contoh, maka hukumnya diharuskan dan ia merupakan masalah yang dinamakan sebagai *tawarruq*”.<sup>4</sup>

Ibn al-Taymiyyah merupakan salah seorang sarjana yang mula-mula membincangkan tentang hukum *tawarruq* secara terperinci dalam karyanya, Majmū<sup>5</sup>, al-Fatāwā. Demikian juga Ibn al-Qayyim dalam “i<sup>6</sup>, lām al-Muwaqqi<sup>7</sup>, n. Berikut adalah ulasan mengenai *tawarruq* menurut Ibn al-Qayyim:

Sesungguhnya para salaf berselisihan pendapat mengenai hukum makruh “*tawarruq*”, „Umar bin „Abd al-„Aziz menghukumkannya sebagai makruh dan beliau mengatakan “*al-Tawarruq Akhīr al-Ribā*” (*tawarruq* adalah berasal daripada riba).<sup>56</sup>

Jelas sekali, penggunaan istilah *tawarruq* mula tersebar dan diperkenalkan oleh sebahagian fuqaha<sup>8</sup> bermazhab Ḥanbalī. Adapun mazhab yang lain (Ḥanafī, Mālikī dan Shāfi<sup>9</sup>) tidak menyatakan secara jelas mengenai transaksi ini. Menurut mazhab Ḥanafī, gambaran intipati *tawarruq* ini terdapat dalam mazhab yang mana ia adalah satu contoh muamalat *al-„īnah* yang dibenarkan.<sup>7</sup> Ulama<sup>8</sup> bermazhab Ḥanafī bersepakat bahawa *bay<sup>8</sup>, al-„īnah* adalah makruh jika memulangkan kembali komoditi kepada penjual asal (pertama). Sekiranya tidak mengembalikan semula kepada penjual asal, maka ia dihukumkan sebagai *khilāf al-„awlā*.<sup>89</sup> Pandangan ini berbeza menurut Abū Yūsuf dan

<sup>4</sup> Riyāḍ bin Rāshid „Abdullah, *al-Tawarruq al-Maṣrifī* (Qatar: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu“ūn al-Islāmiyyah, 2013), 24.

<sup>5</sup> *Ibid.*, 25.

<sup>6</sup> Al-Ri“āsah al-„Āmmah lil Buḥūth al-„Ilmiyyah wa al-Iftā“ <http://www.alifta.net/Fatawa/fatawaDetails.aspx?BookID=2&View=Page&PageNo=1&PageID=2094&langugename> (diakses pada 12 April 2016).

<sup>7</sup> Riyāḍ bin Rāshid „Abdullah, *al-Tawarruq al-Maṣrifī* (Qatar: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu“ūn al-Islāmiyyah, 2013), 25.

<sup>8</sup> Kebanyakan ulama<sup>8</sup> usul tidak menerangkan secara tuntas mengenai pengistilahan *khilāf al-„awlā*. Mereka mengklasifikasikannya sebagai sebahagian daripada hukum makruh. Majoriti sarjana memasukkan perbincangan *khilāf al-„awlā* dalam permasalahan makruh. al-Zarkashī berkata: Konsep *khilāf al-„awlā* tidak diambil kepentingan oleh para cendekiawan *usūliyyin*. Ia disebut oleh fuqaha<sup>8</sup> sebagai hukum diantara *al-kirāhah* (makruh) dan *al-ibāḥah* (harus). Mereka (fuqaha<sup>8</sup>) berbeza pandangan dalam

beliau mengatakan bahawa *al-ḥinah* diharuskan dan diberi ganjaran kepada mereka yang melaksanakan. Keharusan tersebut bererti tidak mengembalikan semula komoditi yang dibeli kepada penjual asal.<sup>10</sup> Sāmī Suwaylam dalam kertas kerjanya yang bertajuk “*Al-Tawarruq...wa al-Tawarruq al-Munazzam Dirāsah Ta’ṣīliyyah*” menyebut: Ulama klasik daripada fuqaha mazhab Ḥanafī mengkategorikan *tawarruq* sebagai sebahagian daripada *al-ḥinah*. Mereka terdiri daripada al-Nasafī, al-Zaila’ī dan menghukumkan *tawarruq* sebagai makruh, kemudian apabila datang ulama al-muta’akhirīn (semasa), iaitu Ibn al-Humām, beliau mengeluarkan *tawarruq* daripada *al-ḥinah* dan menafikan hukum makruh ke atas kontrak tersebut dan menjadikannya sebagai *khilāf al-’awlā*.<sup>11</sup>

Mazhab Mālikī pula meletakkan *tawarruq* di bawah perbincangan *buyū’, al-’ajāl*<sup>12</sup> dan tidak dijelaskan secara nyata dengan lafaz *tawarruq* sebaliknya mereka hanya mengatakan bahawa konsep berkenaan seolah-olah satu gambaran daripada beberapa

---

sesuatu masalah, adakah masalah tersebut sebagai makruh atau *khilāf al-’awlā*? Seperti masalah *al-naḥl* (memercikkan air) dan *al-tanshīf fi al-wuḍū’* (mengeringkan basahan wudu’). Terdapat dua definisi utama *khilāf al-’awlā* yang digunakan oleh para ilmuwan. Pertama: Disebut oleh Imam al-Ḥaramayn al-Juwaynī dalam perbincangan *al-Shahādāt* dalam kitabnya *al-Nihāyah*:

“Perbezaan antara makruh dan *khilāf al-’awlā* yang direka oleh ulama semasa daripada kalangan cendekiawan adalah beerti jika mendapati sesuatu nas (teks) hukum yang didatangkan secara tegahan yang jelas (seperti jangan melakukan perbuatan sedemikian), ia dikategorikan sebagai makruh. Jika sebaliknya, maka dipanggil sebagai *khilāf al-’awlā* dan dalam masalah tersebut, tidak digunakan makruh sebagai istilah”.

Kedua: Sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Shanqīṭī:

“*khilāf al-’awlā* ialah tidak didatangkan sesuatu nas (teks) secara jelas tentang tegahan sesuatu perkara, tetapi hukum perbuatan yang ditegah itu diketahui melalui lawan perbuatan *al-nadb* (sunat). Lawan bagi sesuatu perkara yang disunatkan adalah merupakan satu bentuk tegahan. Konsep tegahan ini dikenali sebagai *khilāf al-’awlā*. Contoh: Perintah solat sunat dhuha. Perbuatan meninggalkan solat sunat dhuha adalah satu bentuk tegahan yang dipanggil *khilāf al-’awlā* kerana tidak didapati nas secara khusus yang menjelaskan tentang tegahan sedemikian. Ia diketahui melalui lawan bagi hukum *al-nadb*.”

Ringkasnya *khilāf al-’awlā* bermaksud meninggalkan setiap perbuatan yang dituntut (sunat) oleh syarak untuk melakukannya, dan al-Shāri, (Allah SWT) tidak menurunkan hukum tegahan itu dalam bentuk (lafaz) yang khusus. Lihat: „Abd al-Razzāq „Abd al-Raḥmān Sālim, “*Khilāf al-’awlā* „ind al-’Uṣūliyyīn Dirāsah “Uṣūliyyah Muqāranah” (disertasi sarjana, Universiti Islam Gaza, Palestin, 2011) 35.

<sup>9</sup> Ma,an Sa,ūd Abu Bakr, “al-Tawarruq al-Fiḥī kamā Tajrīh al-Maṣārif al-Islāmiyyah,” *Majallah al-Sharī’ah wa al-Qānūn al-Jāmi,ah al-’imārāt al-’arabiyyah al-Muttaḥidah* 57 (Januari 2014): 285.

<sup>10</sup> Riyāḍ bin Rāshid „Abdullah, *al-Tawarruq al-Maṣrifī* (Qatar: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmiyyah, 2013), 26.

<sup>11</sup> Sāmī Ibrāhīm al-Suwaylam, “al-Tawarruq...wa al-Tawarruq al-Munazzam Dirāsah Ta’ṣīliyyah” (makalah, , Majma, al-Fiḥ al-Islāmī, Mekah al-Mukarramah, Ogos 2003), 15.

<sup>12</sup> Riyāḍ bin Rāshid „Abdullah, *al-Tawarruq al-Maṣrifī* (Qatar: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmiyyah, 2013), 27.

gambaran *al-,īnah*.<sup>13</sup> Mazhab ini menghukumkan *al-,īnah* sebagai makruh sekiranya komoditi yang telah dibeli dijual kembali kepada penjual asal. Bagi perbincangan *tawarruq* menurut mazhab Shāfi,ī pula tidak dibincangkan kerana majoriti ulama<sup>14</sup> bermazhab Shāfi,ī berpandangan bahawa *bay,, al-,īnah* adalah dibenarkan, maka *tawarruq* lebih utama hukum harusnya berbanding *al-,īnah*.<sup>14</sup> Dalam mazhab Shāfi,ī, terdapat satu nama yang dinisbahkan kepada *tawarruq* yang disebut sebagai *al-zarnaqah*<sup>15</sup> sepertimana yang dikatakan oleh Abū Manṣūr al-Azharī al-Shāfi,ī:

*Al-Zarnaqah* adalah seorang lelaki membeli satu barangan (aset) dengan sesuatu harga secara tangguh. Kemudian, menjual barangan tersebut kepada selain penjual asal secara tunai dan transaksi ini dibenarkan oleh kebanyakan fuqaha<sup>16</sup>.

Lihat Jadual 4.1 merumuskan secara ringkas mengenai pengistilahan *tawarruq* dalam kitab-kitab fiqh mazhab:

---

<sup>13</sup> *Ibid.*

<sup>14</sup> *Ibid.*

<sup>15</sup> Ma,an Sa,ūd Abū Bakr, “al-Tawarruq al-Fiqhī Kamā Tajrīh al-Maṣārīf al-Islāmiyyah,” *Majallah al-Sharī’ah wa al-Qānūn al-Jāmi,ah al-’imārāt al-,arabiyyah al-Muttaḥidah* 57 (Januari 2014): 283.

<sup>16</sup> Abū Manṣūr al-Azharī al-Shāfi,ī, *al-Zāhir fī Gharīb al-Fāz al-Shāfi,ī al-Ladhī Awda,ah al-Muzanī fī Mukhtaṣarih* (Kuwait: al-Maṭba,ah al-,Aṣriyyah, 1979), 216.

Jadual 4.1: Pengistilahan *Tawarruq* Menurut Empat Mazhab Muktabar

Perkara	Mazhab			
	Hanafī	Mālikī	Shāfi,ī	Hanbālī
Istilah <i>tawarruq</i> dalam kitab-kitab fiqh terdahulu	Tiada, namun contoh transaksi ini wujud dalam mazhab kerana ia sejenis <i>al-,īnah</i> yang diharuskan.	Tiada, menurut mazhab hanya menyatakan bahawa ia adalah seperti satu gambaran daripada beberapa gambaran <i>al-,īnah</i> .	Tiada dan tidak dibincangkan kerana majoriti ulama“ Shāfi,ī berpandangan bahawa <i>bay,al-,īnah</i> adalah diharuskan. Oleh itu, <i>tawarruq</i> lebih utama keharusannya berbanding <i>al-,īnah</i>	Ada
Fuqaha“ yang mengistilahkan <i>tawarruq</i>	Tidak ada	Tidak ada	Tidak ada	Ibn al-Taymiyyah Ibn al-Qayyim Sham al-Dīn bin Mufliḥ Al-Bahutī Al-Mirdāwī
Nama transaksi yang dinisbahkan kepada <i>tawarruq</i>	<i>Bay,,al-,īnah</i>	<i>Bay,,al-,īnah</i> (Perbahasan ini dalam bab <i>buyū,,al-‘ajāl</i> )	<i>Bay,, al,īnah,</i> <i>Al-Zarnaqah</i>	<i>Tawarruq</i>

Sumber: Riyāḍ bin Rāshid „Abdullah<sup>17</sup> Ma,,an Sa,,ūd Abū Bakr<sup>18</sup>

## 4.2 PEMBAHAGIAN *TAWARRUQ*

Secara umum, *tawarruq* dipecahkan kepada dua bahagian:

**Pertama:** *tawarruq fiqhī* atau *tawarruq fardī*<sup>19</sup>

**Kedua:** *tawarruq maṣrifī*<sup>20</sup>

<sup>17</sup> Riyāḍ bin Rāshid „Abdullah, *al-Tawarruq al-Maṣrifī* (Qatar: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu“ūn al-Islāmiyyah, 2013).

<sup>18</sup>Ma,,an Sa,,ūd Abū Bakr, “al-Tawarruq al-Fiqhī Kamā Tajrīh al-Maṣarīf al-Islāmiyyah,” *Majallah al-Sharī‘ah wa al-Qānūn al-Jāmi‘ah al-‘imārāt al-,arabiyyah al-Muttaḥidah* 57 (Januari 2014): 279-329.

<sup>19</sup> Riyāḍ bin Rāshid „Abdullah, *al-Tawarruq al-Maṣrifī* (Qatar: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu“ūn al-Islāmiyyah, 2013), 16.

<sup>20</sup> Ibrāhīm „Abd al-Laṭīf Ibrāhīm al-,abīdī, *Haqīqah Bay,, al-Tawarruq al-Fiqhī wa al-Tawarruq al-Maṣrifī* (Dubai: Islamic Affairs & Charitable Activities Department, 2008), 7.

### 4.3 TAWARRUQ FIQHĪ

#### 4.3.1 Definisi *Tawarruq Fiqhī*

##### 4.3.1.1 Sudut Bahasa

*Tawarruq* dari segi etimologi diambil daripada perkataan *al-wariq* yang bererti dirham yang ditempa daripada perak.<sup>21</sup> Abū „Ubaydah: *Al-Wariq* ialah perak sama ada ditempa seperti dirham atau tidak ditempa.<sup>22</sup> Pengertian ini merupakan pandangan yang *rājih*. Seterusnya, fasa penggunaan kalimah *al-wariq* mengalami perubahan dari segi penggunaan dan makna. Pada fasa ini, *wariq* hanya digunakan secara khusus bagi dirham yang ditempa daripada perak.<sup>23</sup> Perkataan *wariq* telah disebut secara jelas dalam al-Quran dan Hadith sebagaimana firman Allah SWT:

فَأَبْعَثُوا أَحَدَكُمْ بِوَرِقِكُمْ هَذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ

(Al-Kahfi 15: 19)

Terjemahan: Sekarang utuslah salah seorang daripada kamu, pergi ke kota dengan membawa wang perak kamu ini ke bandar.

Dalam hadith:

أَلَا أَنْبِئُكُمْ بِخَيْرِ أَعْمَالِكُمْ وَأَرْضَاهَا عِنْدَ مَلِيكِكُمْ وَأَرْفَعَهَا فِي دَرَجَاتِكُمْ وَخَيْرٍ لَكُمْ مِنْ إِعْطَاءِ الذَّهَبِ وَالْوَرِقِ وَمِنْ أَنْ تَلْفُقُوا عَدُوَّكُمْ فَتَضْرِبُوا أَعْنَاقَهُمْ وَيَضْرِبُوا أَعْنَاقَكُمْ قَالُوا وَمَا ذَاكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ ذَكَرُ اللَّهُ

<sup>21</sup> Wizārah al-Awqāf wa Shuʿūn al-Islāmiyyah, *Mawsū,ah al-Fiqhiyyah* (Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa Shuʿūn al-Islāmiyyah, 1988), 14:147.

<sup>22</sup> Ibn Manzūr, *Lisān al-„arab* (Kaherah: Dār al-Ma,„arif, t.t), 4816.

<sup>23</sup> Wahbah al-Zuhaylī, “al-Tawarruq Haqīqatuh, Anwā,uh (al-Fiqhī al-Ma,„rūf wa al-Maṣrifī al-Munazzam)” (makalah, Persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Majma,„ al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī kali ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26-30 April 2009), 2.

Terjemahan: Mahukah kalian saya beritahu tentang sebaik-baik amalan kalian, lebih diredhai di sisi tuhan kalian, lebih mengangkat darjat kalian dan lebih baik daripada kalian bersedekah dengan emas dan *al-wariq* (perak) dan lebih baik daripada kalian berperang dengan musuh-musuh kalian, kemudian kalian memenggal leher mereka dan mereka memenggal leher kalian? Para sahabat berkata: Apakah amalan tersebut, wahai Rasulullah? Rasulullah berkata: Berzikir kepada Allah.<sup>24</sup>

Kalimah *al-wariq* dalam hadith adalah ditujukan kepada maksud penggunaan perkataan *al-fiddah* (perak) kerana nabi SAW menyebut perkataan *al-wariq* selepas menyebut *al-dhahab* (emas).<sup>25</sup> *Tawarruq* menerapkan wazan “*tafa,, al (فَاعَعَم)*” yang memberi erti “*al-talab (طَلَبَة)*”, iaitu permintaan atau tuntutan seperti *al-ta,,allum* yang bererti menuntut ilmu. Melalui penjelasan tersebut, maka maksud *tawarruq* adalah meminta wang perak (*wariq*). Individu yang mahukan wang perak, dia digelar sebagai *al-mutawarriq* atau *al-mustawriq*.<sup>26</sup> Perbincangan *tawarruq* di dalam kitab-kitab fuqaha” khusus ditujukan kepada golongan yang ingin mendapatkan *al-wariq* (wang perak). *Tawarruq* dari sudut asalnya adalah permintaan wang daripada perak. Kemudian, pemahaman ini berubah kepada maksud yang lebih umum yang meliputi makna wang perak, emas atau wang kertas (fiat).<sup>27</sup> Perubahan pemahaman lafaz *tawarruq* (*al-madlūl*) adalah berpandukan kepada pemahaman yang meluas mengenai *al-naqd*<sup>28</sup> itu sendiri.<sup>29</sup>

<sup>24</sup> Hadith riwayat Ibn al-Mājah, Kitāb al-“Adab, Bab Faḍl al-Dhikr, no. Hadith 3790. Lihat Muḥammad bin Yazīd bin Mājah al-Qazwīnī, “Sunan Ibn Mājah,” dalam “*Ihdā” al-Dībājah bi Sharḥ ibn Mājah*, ed. Ṣafā al-Ḍawwī Aḥmad al-, Adwī (t.ṭ: Dār al-Yaqīn, t.t) j. 5, 159.

<sup>25</sup> Ibrāhīm ,Abd al-Laṭīf Ibrāhīm al-,ḥabībī, *Haqīqah Bay,, al-Tawarruq al-Fiqhī wa al-Tawarruq al-Masrifī* (Dubai: Islamic Affairs & Charitable Activities Department, 2008), 53.

<sup>26</sup> Ibn Manzūr, *Lisān al-,arab* (Kaherah: Dār al-Ma,,arif, t.t), 4816.

<sup>27</sup> Masyarakat dunia pada hari ini memerlukan teknologi kewangan (*fintech*) dalam semua aktiviti transaksi dengan pantas dan mudah. Aktiviti jual beli telah mengalami inovasi apabila penggunaan perantara matawang tradisional seperti wang fiat atau elektronik seperti *mastercard*, *visa* dan sebagainya telah berubah kepada penggunaan matawang virtual. Bitcoin, ethereum, ripple dan lain-lain bentuk *cryptocurrency* telah diterima penggunaannya oleh sebahagian masyarakat. Persoalannya adakah bitcoin merupakan sejenis matawang atau komoditi?. Mufti Faraz Adam (2017), tiga pandangan sarjana Syariah semasa mengenai bitcoin, pertama: bukan *mal* (harta), wujud spekulasi serta tidak patuh Syariah dalam pelaburan, kedua; bitcoin adalah digital komoditi dan bukan matawang asli, ketiga; merupakan sejenis matawang. Mengikut pandangan Faraz Adam (2017), beliau menyimpulkan bahawa sesuatu matawang harus menepati tiga sifat, iaitu *mal* (harta), *taqawwum* (nilaian yang sah) dan *thamaniyyah* (medium pertukaran). Menurut beliau, ternyata bitcoin adalah sejenis *mal* dan *taqawwum*, namun masih gagal memenuhi keperluan *thamaniyyah*. Jabatan Agama Turki telah mengeluarkan fatwa (2017) bahawa *cryptocurrency* membuka ruang kepada spekulasi dan tidak sesuai digunakan oleh umat Islam:

“*Buying and selling virtual currencies is not compatible with religion at this time because of the fact that their valuation is open to speculation, they can be easily*



#### 4.3.1.2 Dari Segi Istilah Fuqaha<sup>30</sup>

Al-Mawsū<sup>31</sup>ah al-Fiqhiyyah mendefinisikan *tawarruq* ialah pembelian aset secara tangguh, kemudian menjual barangan tersebut (aset) kepada selain penjual asal secara tunai dengan harga yang lebih rendah daripada belian pertama untuk memperoleh nilai (wang).<sup>30</sup> Lihat Rajah 4.1, ia menjelaskan aliran transaksi *tawarruq fiqhī*.<sup>31</sup> Rābiṭah al-<sup>32</sup>alam al-Islāmī (muslim word league) mentakrifkan: membeli suatu aset yang berada dalam gengaman dan pemilikan penjual dengan harga secara tangguh kemudian pembeli tersebut menjualnya secara tunai kepada selain penjual asal untuk mendapatkan wang (*al-wariq*).<sup>32</sup> Pengertian ini hampir menyamai definisi yang dinyatakan oleh *al-Mawsū<sup>33</sup>ah al-Fiqhiyyah*.

---

*used in illegal activities like money laundering and they are not under the state's audit and surveillance,”* Diyanet said.

Lihat: Portal Rasmi Euronews, <http://www.euronews.com/2017/11/28/bitcoin-is-not-compatible-with-islam-turkeys-religious-authorities-say> (diakses pada 5 Disember 2017). Portal Amanah Finance Consultancy, <https://afinanceorg.files.wordpress.com/2017/08/research-paper-on-bitcoin-mufti-faraz-adam.pdf> (diakses pada 5 Disember 2017).

<sup>28</sup> *Al-Naqd* ialah barangan yang dijadikan oleh masyarakat sebagai sesuatu yang berharga (*thaman*) sama ada diperbuat daripada logam yang ditempa atau kertas yang dicetak ataupun daripada bahan yang lain yang diterbitkan oleh Institusi Kewangan yang berautoriti. Lihat: Dewan Syariah Nasional MUI (Majlis Ulama<sup>34</sup>) Indonesia, “Jual-Beli Secara Tidak Tunai” (laporan, Dewan Syariah Nasional MUI, Jakarta, 3 Jun 2010). *Al-Naqd* adalah setiap sesuatu yang menjadi alat pertukaran dan diterima umum dalam apa-apa bentuk dan kondisi yang direka. Lihat: „Abdullah Sulaymān al-Manī, „ *Buhūth fī al-Iqtisād al-Islāmī* (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1996), 178.


<sup>29</sup> Riyād bin Rāshid „Abdullah, *al-Tawarruq al-Maṣrifī* (Qatar: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu<sup>35</sup>ūn al-Islāmiyyah, 2013), 24.

<sup>30</sup> Tiga nama lain yang merujuk kepada amalan *tawarruq fiqhī* iaitu *tawarruq mundaḃiṭ*, *tawarruq fardī* dan *tawarruq maṣrifī ghayr munazzam*. Lihat: „Alī Muḃyī al-Dīn al-Qarahdāghī, *al-Tawarruq al-Maṣrifī bayn al-Tawarruq al-Mundaḃiṭ wa al-Tawarruq al-Munazzam Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah* (Beirut: Dār al-Bashā<sup>36</sup>’ir al-Islāmiyyah, 2011), 244.

<sup>31</sup> Wizārah al-Awqāf wa al-Shu<sup>37</sup>ūn al-Islāmiyyah, *Mawsū<sup>38</sup>ah al-Fiqhiyyah* (Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu<sup>39</sup>ūn al-Islāmiyyah, 1988), 14:147.

<sup>32</sup> Majma<sup>40</sup>, al-Fiqhī al-Islāmī, “al-Qarār al-Khāmis: Ḥukm Bay<sup>41</sup>, al-Tawarruq,” *Majallah al-Majma<sup>42</sup>, al-Fiqhī al-Islāmī* 12 (1999): 161-162. Rābiṭah al-<sup>43</sup>alam al-Islāmī, <http://www.themwl.org/Bodies/Decisions/default.aspx?d=1&did=164&l=AR> (diakses pada 5 Mei 2016).

Rajah 4.1: Aliran Transaksi *Tawarruq Fiqhī*



Penerangan:

1. A membeli barang (aset) daripada B secara tangguh.
2. B menyerahkan barangan (aset).
3. A menjual barangan (aset) yang dibelinya daripada B kepada C dengan harga yang lebih rendah daripada harga belian yang pertama. Individu C dalam situasi ini bukanlah penjual aset asal, iaitu B.

*Al-Tawarruq al-Fiqhī* ialah satu konsep muamalat yang terasing daripada *bayʿ, al-ḥinah* menurut pendapat *rājiḥ*<sup>33</sup> disebabkan beberapa aspek, iaitu:

1. Pembeli kedua bagi komoditi *tawarruq* bukanlah penjual asal. Manakala, pembeli kedua bagi *al-ḥinah* merupakan penjual asal.
2. Dari sudut objektif *tawarruq*, pelaksanaan urusan niaganya adalah untuk menyediakan kemudahan kecairan (wang). Manakala, transaksi *al-ḥinah* dilaksanakan bertujuan untuk mendapatkan “penambahan kadar wang”.

Pandangan ulama<sup>4</sup> bermazhab Shāfiʿī, al-Zailaʿī, Ibn ʿĀbidīn daripada mazhab Ḥanafī, Ibn Shāsh daripada mazhab Mālikī dan riwayat Ibn al-Qayyim daripada mazhab


<sup>33</sup> Muḥammad ʿUthmān Shubayr, “*al-Tawarruq al-Fiqhī wa Taṭbīqātuh al-Maṣrifīyah al-Muʿāṣirah fī al-Fiqh al-Islāmī*” (makalah, Persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Majmaʿ al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī kali ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26-30 April 2009), 13.

Ḥanbalī. Mereka memasukkan topik *tawarruq fiqhī* (*fardī*) dalam perbincangan *bay,, al-ḥanāh*.<sup>34</sup>

### 4.3.2 Hukum *Tawarruq Fiqhī* Mengikut Pandangan Fuqaha<sup>35</sup>

Terdapat tiga pandangan ulama<sup>36</sup> terdahulu berkaitan hukum *Tawarruq Fiqhī* sepertimana yang diterangkan dalam Rajah 4.2 di bawah.

Rajah 4.2: Pendapat *Tawarruq Fiqhī* Menurut Ulama<sup>37</sup> Klasik



Sumber: Al-Mauwsū,,ah al-Fiqhiyyah,<sup>35</sup> Ibrāhīm ,,Abd al-Laṭīf,<sup>36</sup> Muḥammad ,,Uthmān Shubayr<sup>37</sup>

<sup>34</sup>*Ibid.*, 12.

<sup>35</sup>Wizārah al-Awqāf wa Shu'ūn al-Islāmiyyah, *Mauwsū,,ah al-Fiqhiyyah* (Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1988), 14:147-148.

<sup>36</sup>Ibrāhīm ,,Abd al-Laṭīf Ibrāhīm al-,,abīdī, *Haqīqah Bay,, al-Tawarruq al-Fiqhī wa al-Tawarruq al-Maṣrifī* (Dubai: Islamic Affairs & Charitable Activities Department, 2008), 57-58.

<sup>37</sup> Muḥammad ,,Uthmān Shubayr , "al-Tawarruq al-Fiqhī wa Taṭbīqātuh al-Maṣrifīyyah al-Mu,,āṣirah fī al-Fiqh al-Islāmī" (makalah, Persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Majma,, al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī kali ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26-30 April 2009), 13-17.

Dalil bagi setiap pandangan di atas:

#### 4.3.2.1 Hujah Golongan Membenarkan *Tawarruq Fiqhī*

##### a. Dalil al-Quran

Firman Allah SWT:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

(Al-Baqarah 3: 275)

Terjemahan: Allah telah menghalalkan berjual beli (berniaga) dan mengharamkan riba.

*Wajh al-istidlāl:*

Syarak membenarkan manusia menjalankan segala bentuk transaksi jual beli (*al-bay*,) melainkan mempunyai suatu dalil yang menjelaskan pengharamannya. Ayat mengenai hukum urus niaga yang dinyatakan dalam ayat di atas diturunkan dengan menggunakan lafaz umum pada kalimah "*al-bay*,". Keumuman lafaz *al-bay*, ini dibuktikan melalui penggunaan dua huruf *hijā'iyah* pada awal perkataan tersebut, iaitu "*al-*"*dif* dan *al-lām*"<sup>38</sup> yang memberi maksud *istighrāq al-jins* (meratai tanpa berkecuali).<sup>39</sup> Dengan menjelaskan tentang kaedah ini, lafaz *al-bay*, bererti merangkumi semua jenis jual beli. Oleh itu, bagi mengeluarkan keumuman hukum dalam ayat yang dijelaskan di atas, ia memerlukan dalil yang mengkhususkan kaedah umum sama ada haram atau makruh sebagaimana contoh bagi sebahagian jual beli yang ditegah oleh syarak. Contoh tersebut tidak tergolong dalam keumuman lafaz *al-bay*, kerana wujudnya dalil-dalil tegahan

<sup>38</sup>Sebaik-baik sebutan dalam kaedah bahasa arab adalah "*al* (ال)" kerana ia dibina lebih daripada satu huruf, maka dilafazkan sedemikian seperti *hal* (هال) *bal* (بال). Sekiranya terdapat satu huruf sahaja, maka ia dilafazkan dengan nama huruf berkenaan seperti *al-bā* (با), *al-lām* (لا). Sebutan *al-alif wa al-lām* digunakan dalam disertasi ini hanyalah semata-mata meraikan mereka yang baru mengenali ilmu bahasa Arab walaupun bercanggah dengan kaedah yang digariskan oleh para sarjana dalam bidang *lughah*. Langkah ini sebagaimana yang ditulis oleh para cendekiawan lain seperti penulisan *matn al-Ājurūmiyyah*. Lihat: „Abdullah ibn al-Shaykh al-, Ashmāwī, *Hāshiah al-, Allāmah al-Shaykh , Abdullah ibn al-Shaykh al-, Ashmāwī , alā Matn al-Ājurūmiyyah* (Mesir: Maṭba'ah Muṣṭafā Muḥammad, 1938), 5. Lihat: Hasan al-Kufrāwī, *Sharḥ al-, Allāmah al-Shaykhal-Kufrāwī , alā Matn al-Ājurūmiyyah* (Singapura: Sulaymān Mar, j, t.t), 14.

<sup>39</sup>Abū „Abd Allah Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr al-Qurṭubī, *Jāmi*, *al-Aḥkām al-Qurān wa al-Mubayyin limā Taḍammanah min al-Sunnah wa Āy al-Furqān* (Beirut: Mu'assaah al-Risālah, 2006 ), 394.

syarak. Bay,, *al-Tawarruq* masih dikekalkan keharusannya kerana termasuk dalam keumuman lafaz *al-bay*“ di atas dan tidak terdapat nas (teks) daripada al-quran, al-sunnah mahupun amalan-amalan para sahabat yang menjelaskan hukumnya sama ada haram atau makruh.

## b. Dalil al-Sunnah

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَعْمَلَ رَجُلًا عَلَى خَيْبَرَ فَجَاءَهُ بِتَمْرٍ جَنِيبٍ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكُلْتُ تَمْرَ خَيْبَرَ هَكَذَا قَالَ لَا وَاللَّهِ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا لَنَأْخُذُ الصَّاعَ مِنْ هَذَا بِالصَّاعَيْنِ بِالثَّلَاثَةِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تَفْعَلْ بِعِ الْجَمْعِ بِالذَّرَاهِمِ ثُمَّ ابْتِغِ بِالذَّرَاهِمِ جَنِيْبًا.

Terjemahan: Daripada Abī Sa‘īd al-Khudrī RA dan Abī Hurayrah RA, bahawa Rasulullah SAW telah melantik seorang lelaki sebagai gabenor di Khaybar, kemudian lelaki tersebut telah membawa sejenis tamar *janīb* kepada Rasulullah SAW. Baginda bertanya, “Adakah semua tamar di Khaybar seperti ini?” Lelaki tersebut menjawab, “Tidak, demi Allah wahai Rasulullah SAW, kami menukarkan satu *ṣā*<sup>40</sup> daripada tamar ini (yang baik) dengan dua *ṣā*, (tamar kami) dan dua *ṣā*’ (tamar yang baik) dengan tiga *ṣā*, (daripada tamar kami)” Rasulullah SAW mengatakan “Jangan kamu melakukan sedemikian sebaliknya juallah *jam*, (tamar yang kurang baik) dengan dirham (wang), setelah itu belilah tamar yang baik dengan dirham (wang) tersebut”<sup>41</sup>

### *Wajh al-istidlāl:*

Jual beli yang dilakukan oleh lelaki berkenaan (dalam kisah tamar Khaybar) tidak menepati konsep yang disyariatkan. Maka, Rasulullah SAW menukarkan transaksi tersebut kepada konsep yang dibenarkan. Kehendaknya untuk mendapatkan tamar yang baik tidak tertunai sekiranya Nabi SAW tidak menjelaskan jalan penyelesaian seperti yang disebutkan dalam hadith. Kesimpulannya, harus jual beli untuk menunaikan

<sup>40</sup>Sukatan *ṣā*, adalah merupakan sukatan penduduk Madinah yang menyamai kadar empat *mud*. Satu sukatan *mud* menurut pandangan majoriti ulama” menyamai 510 gram. Justeru, menurut pandangan ini, satu sukatan *ṣā*,bersamaan 2.04 kilogram. (510 gram x 4=2.04kg). Lihat: ,Ali Jum,ah, *al-Makāyil wa al-Mawāzīn al-Sharīyyah* (Kaherah: Dār al-Risālah, 2009), 20.

<sup>41</sup>Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Buyū,, Bab “Idhā “Arād Bay,, Tamr Bitamr Khayr Minh, no. Hadith 2202. Lihat Abū ,Abd Allah Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,” dalam *Mawsū‘āt al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ,Abd al-,Azīz al-Shaykh (t.tp: Dār al-Salām, t.t), 171.

sesuatu kehendak jika didapati selari dengan panduan syarak dan terhindar daripada kelakuan ribawi meskipun bertujuan untuk mendapatkan kecairan (wang).<sup>42</sup>

### c. Dalil Daripada Kaedah Fiqhiyyah

الأصل في المعاملات من عقود وشروط الإباحة والحل إلا دلّ الدليل على  
حرمته

Terjemahan: Asal dalam muamalat seperti kontrak dan syarat-syarat adalah harus melainkan terdapat satu dalil yang menunjukkan pengharamannya.<sup>43</sup>

„Abdullah al-Manī,, berkata: Golongan sarjana yang mengatakan bahawa *bay,, al-tawarruq* adalah dibenarkan tidak perlu mendatangkan penghujahan dalil kerana terdapat dalil asal bagi *tawarruq*. Namun, sebaliknya bagi golongan yang menegah *tawarruq* untuk diamalkan, mereka perlu mengemukakan hujah kerana pendapat yang dikemukakan tidak bertepatan dengan dalil asal. Golongan ini perlu mengemukakan dalil yang khusus bagi mengeluarkannya daripada dalil yang bersifat umum.<sup>44</sup>

### d. Dalil *al-Ma‘qūl* (logik)

Memenuhi kehendak (*al-ḥājah*) kerana ramai manusia memerlukan wang dalam sesetengah keadaan seperti melangsaikan hutang, bayaran kos perubatan dan sebagainya (meliputi kehendak yang bersifat *dharuri*). Oleh itu, golongan ini biasanya tidak dapat memenuhi kehendak melainkan melalui empat langkah<sup>45</sup>

**Pertama:** Pinjaman secara *qard ḥasan*. Ini adalah sebaik-baik cara yang boleh dilakukan, namun begitu bukan mudah untuk mendapatkan pinjaman yang berkonsepkan Islam bagi setiap individu.

<sup>42</sup>Ibrāhīm „Abd al-Laṭīf Ibrāhīm al-„abīdī, *Haqīqah Bay,, al-Tawarruq al-Fiqhī wa al-Tawarruq al-Maṣrifī* (Dubai: Islamic Affairs & Charitable Activities Department, 2008), 60.

<sup>43</sup> Muḥammad „Uthmān Shubayr , “al-Tawarruq al-Fiqhī wa Taṭbīqātuh al-Maṣrifīyyah al-Mu„āṣirah fī al-Fiqh al-Islāmī” (makalah, Persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Majma,, al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī kali ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26-30 April 2009), 14.

<sup>44</sup> Ibrāhīm „Abd al-Laṭīf Ibrāhīm al-„abīdī, *Haqīqah Bay,, al-Tawarruq al-Fiqhī wa al-Tawarruq al-Maṣrifī* (Dubai: Islamic Affairs & Charitable Activities Department, 2008), 62.

<sup>45</sup>*Ibid.*, 60.

**Kedua:** Pinjaman secara riba yang diharamkan oleh nas (al-quran dan al-sunnah) serta ijma',.

**Ketiga:** Memperoleh harta melalui pemberian masyarakat, hadiah, ganjaran dan pewarisan harta. Langkah ini boleh dilakukan, namun biasanya sesetengah individu sahaja yang mampu mendapatkannya kerana kaedah ini dikaitkan dengan kehendak individu lain.

**Keempat:** Secara bay', *al-tawarruq*.

Jelas di sini bahawa *tawarruq* merupakan satu alternatif syarak bagi menggantikan transaksi ribawi yang diharamkan. Konsep ini dibenarkan untuk diaplikasikan jika selaras dengan segala syarat-syarat sah jual beli dan rukun-rukun yang ditetapkan.<sup>46</sup>

#### 4.3.2.2 Hujah Golongan yang Menolak *Tawarruq Fiqhī*

##### a. Dalil al-Sunnah

*Tawarruq* adalah sejenis *al-ḥinah* yang diharamkan oleh Rasulullah SAW. Berdasarkan hadith „Abdullah ibn „Umar:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يَقُولُ: " إِذَا تَبَايَعْتُمْ بِالْعَيْنَةِ، وَأَخَذْتُمْ أذْنَابَ الْبَقَرِ، وَرَضَيْتُمْ بِالزَّرْعِ، وَتَرَكْتُمُ الْجِهَادَ، سَلَّطَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ ذُلًّا لَا يَنْزِعُهُ حَتَّى تَرْجِعُوا إِلَى دِينِكُمْ "

Terjemahan: Daripada Ibn „Umar RA, dia berkata: aku telah mendengar Rasulullah SAW, bersabda: “Apabila kalian saling berjual beli dengan *al-ḥinah* dan kalian mengikuti ekor lembu dan kalian redha dengan bercucuk tanam (bertani) dan meninggalkan jihad, nescaya Allah SWT akan menimpakan kehinaan ke atas kalian, Allah SWT tidak akan menariknya sehingga kalian kembali kepada agama”.

<sup>46</sup>*Ibid.*, 62.

<sup>47</sup>Hadith riwayat Abū Dāud, Kitab al-Ijārah, Bab Fī al-Nahy „An al-ḥinah, no. Hadith 3462. Lihat Abū Dāud Sulaymān bin al-„Ash,ath bin al-Ishāq al-Azdī, “Sunan Abī Dāud,” dalam *Mawsū,āt al-Ḥadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin „Abd al-„Azīz al-Shaykh (t.tp: Dār al-Salām, t.t), 1481.

## b. *Hīlah*

*Tawarruq* merupakan urus niaga yang membawa kepada riba kerana matlamat *tawarruq* adalah mendapatkan wang, bukan komoditi dan ia dianggap sebagai amalan jual beli *ṣūriyyah*.<sup>48</sup>

## c. *Bay' al-Muḍṭar*

Menurut Ibn al-Taymiyyah, kebiasaan golongan yang membeli sesuatu barangan secara tangguh (*nasī'ah*) adalah mereka yang terdesak untuk mendapatkan wang (*al-muḍṭar*).<sup>49</sup> *Bay' al-Tawarruq* termasuk dalam kategori jual beli "*bay' al-muḍṭar*" sebagaimana yang dilarang oleh hadith yang diriwayatkan oleh „Alī bin Abī Tālib:

عَنْ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ قَالَ: نَهَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ بَيْعِ الْمُضْطَرِّ

Terjemahan: Daripada „Alī bin Abī Tālib RA, dia berkata: Rasulullah SAW melarang jual beli secara paksaan (terdesak).<sup>50</sup>

<sup>48</sup>Definisi kontrak *al-ṣūriyyah* mengikut ulama" semasa:

Al-Zarqā mentakrifkan sekiranya persepakatan yang dibuat oleh kedua- dua belah pihak dalam sesuatu kontrak dari segi luaran semata-mata tanpa menepati kehendak sebenar kontrak, maka ia dikenali sebagai akad *ṣūriyyah*. Wahbah al-Zuhaylī: Akad *ṣūriyyah* ialah kontrak yang didapati kehendak zahir semata-mata dan tidak memenuhi kehendak dalaman (batin). Akad *Ṣūriyyah* mempunyai dua unsur pertama kehendak zahir akad dan kedua kehendak batin (dalaman), iaitu niat. Percanggahan pandangan dalam kalangan ulama" adalah dalam permasalahan kontrak yang memenuhi piawaian luaran, tetapi tidak selaras dengan kehendak dalaman (niat). Terdapat dua situasi yang melibatkan amalan kontrak secara *Ṣūriyyah*, pertama: *al-hazl* (seseorang mengungkapkan sesuatu ungkapan dalam bentuk gurauan yang tidak bermaksud perkataan yang disebutkan itu untuk mengadakan satu tindakan atau akad), kedua: *tawāṭu'*, *talji'dh* atau *muwāḍa'ah* (satu perancangan persepakatan oleh dua pihak yang berakad yang diaturkan sebelum pemeteraian akad untuk melakukan suatu kontrak yang menepati konsep secara luaran dan menyembunyikan tujuan sebenar). Lihat: Muṣṭafā Muḥammad al-Zarqā, *al-Madkhal al-Fiqhī al-ām* (Damsyik: Dār al-Qalam, 2004), jil. 1, 441-442. Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1985), 4: 189-190. „Adnān „Abd Hādī, „Aḥkām al-„Uqūd al-ṣūriyyah fī al-Fiqh al-Islāmī" (disertasi sarjana, Universiti Islam Gaza, Palestin 2006), 55. Ibrāhīm „Abd al-Laṭīf Ibrāhīm al-„abīdī, *Haqīqah Bay' al-Tawarruq al-Fiqhī wa al-Tawarruq al-Maṣrifī* (Dubai: Islamic Affairs & Charitable Activities Department, 2008), 63.

<sup>49</sup> Muḥammad „Uthmān Shubayr, „al-Tawarruq al-Fiqhī wa Taṭbīqātuh al-Maṣrifīyyah al-Mu„āṣirah fī al-Fiqh al-Islāmī" (makalah, Persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Majma, al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī kali ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26-30 April 2009), 16.

<sup>50</sup>Hadith riwayat Abū Dāud, Kitab al-Buyū, „ Bab Fī Bay' al-Muḍṭar, no. Hadith 3382. Lihat Abū Dāud Sulaimān bin al-„Ash, „ath bin al-Ishāq al-Azdī, „Sunan Abī Dāud," dalam *Mawsū„āt al-Ḥadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin „Abd al-„Azīz al-Shaykh (t.tp: Dār al-Salām, t.t), 1476.



Berikut penjelasan Ibn al-Qayyim tentang *bay*., *al-muḍṭar*:

Sekiranya *al-muḍṭar* (yang terdesak untuk mendapatkan kecairan wang) menjual asetnya kepada penjual asal, maka ia adalah sejenis transaksi *al-ḥinah* dan jika dia menjual aset tersebut kepada selain penjual asal, dia dikenali sebagai *al-mutawarriq* (*bay*., *al-tawarruq*) dan jika dia mengembalikan semula aset tersebut kepada individu yang ketiga (yang mempunyai hubungan antara pembeli dengan penjual asal), golongan ini disebut sebagai *muḥallil al-ribā* (individu yang disertakan dalam transaksi jual beli bertujuan untuk menghalalkan amalan riba). Ketiga-tiga bahagian ini adalah langkah yang digunakan oleh para pengamal riba dan antara konsep yang paling ringan adalah *tawarruq*.<sup>51</sup>

Penggunaan *muḥallil al-ribā* dalam amalan *al-ḥinah* sama ada secara *thulāthiyyah* (antara tiga pihak) atau *thunā'iyah* (dua belah pihak) merupakan seburuk-buruk transaksi dan tahap pengharamannya adalah yang paling berat.<sup>52</sup>

#### d. Dalil Daripada Kaedah Fiqhiyyah

الأُمُورُ بِمَقَاصِدِهَا

Terjemahan: Setiap perkara bergantung kepada tujuan (*maqāṣid*).

Dalam konsep *tawarruq*, *mutawarriq* tidak memanfaatkan aset yang dibeli daripada penjual asal kerana pelaksanaan *tawarruq* adalah untuk mendapatkan kecairan wang dengan beberapa kadar pertambahan. Ini menjadikannya sebagai sejenis muamalat ribawi yang diharamkan.<sup>53</sup> Hal sedemikian dikesan semasa transaksi dilaksanakan pada peringkat terakhir yang mana pembeli (pertama), iaitu *mutawarriq* menjual kembali aset tersebut kepada pembeli (kedua) untuk mendapatkan wang. Situasi berkenaan seakan-akan telah mengadakan sejenis transaksi jual beli wang dengan wang yang mengandungi penambahan semasa pemeteraian jual beli pada peringkat pertama yang dilaksanakan antara pembeli pertama dengan penjual asal. Komoditi yang dibeli ketika itu tidak digunakan ataupun dijadikan objektif utama dalam akad.

<sup>51</sup> Ibrāhīm „Abd al-Laṭīf Ibrāhīm al-„abīdī, *Haqīqah Bay*., *al-Tawarruq al-Fiqhī wa al-Tawarruq al-Maṣrifī* (Dubai: Islamic Affairs & Charitable Activities Department, 2008), 65.

<sup>52</sup> Muḥammad „Uthmān Shubayr , “al-Tawarruq al-Fiqhī wa Taṭbīqātuh al-Maṣrifīyyah al-Mu„āṣirah fi al-Fiqh al-Islāmi” (makalah, Persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Majma., al-Fiqh al-Islāmi al-Duwalī kali ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26-30 April 2009), 9.

<sup>53</sup> *Ibid.*, 16.

### 4.3.2.3 Hujah Golongan Memakruhkan *Tawarruq Fiqhī*

#### a. Dalil al-Sunnah

Antara dalil penghujahan bagi pendapat ini adalah hadith yang diriwayatkan daripada „Alī bin Abī Ṭālib RA:

عَنْ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ قَالَ: نَهَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ بَيْعِ الْمُضْطَرِّ

Terjemahan: Daripada „Alī bin Abī Ṭālib RA, dia berkata: Rasulullah SAW melarang jual beli secara paksaan (terdesak).<sup>54</sup>

Sebahagian ulama<sup>55</sup> mengkategorikan *bay*, *al-muḍṭar* adalah sejenis jual beli yang makruh. Antara sebahagian jual beli *al-muḍṭar* adalah *bay*, *al-tawarruq* kerana transaksi ini berlaku dalam kalangan mereka yang terdesak untuk mendapatkan wang tunai. Bagi individu yang *al-mūsir* (kaya), sukar bagi mereka untuk memperoleh pinjaman, maka mereka terpaksa membeli sesuatu aset secara tangguh dan menjualnya kembali secara tunai dengan kadar harga yang rendah daripada harga asal bagi mencapai tujuan yang diinginkan.<sup>55</sup>

Hukum makruh ini dijelaskan oleh al-Gharyābī dalam satu kenyataan masalah dalam al-Sharḥ al-Ṣaghīr:

Antara sebahagian jual beli *al-ḥinah* yang dimakruhkan dan tidak sampai pada tahap haram adalah seperti: “Didatangi seseorang yang ingin melakukan pinjaman, dan dia berkata: Aku memiliki satu aset yang menyamai harga semasa (terkini) lapan puluh dan aku jualkannya kepada kamu dengan harga seratus secara tangguh (hutang) dan kamu juallah aset itu secara tunai untuk memanfaatkannya.<sup>56</sup>

<sup>54</sup>Hadith riwayat Abū Dāud, Kitab al-Buyū, Bab Fī Bay, al-Muḍṭar, no. Hadith 3382. Lihat Abū Dāud Sulaymān bin al-‘Ash, ath bin al-Ishāq al-Azdī, “Sunan Abī Dāud,” dalam *Mawsū,āt al-Hadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz al-Shaykh (t.tp: Dār al-Salām, t.t), 1476.

<sup>55</sup> Muḥammad ‘Uthmān Shubayr, “al-Tawarruq al-Fiqhī wa Taṭbīqātuh al-Maṣrifīyah al-Mu,āṣirah fī al-Fiqh al-Islāmī” (makalah, Persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Majma, al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī kali ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26-30 April 2009), 17.

<sup>56</sup>*Ibid.*, 18.

Transaksi ini ditegah oleh syarak sekiranya pembeli menjualnya kembali kepada penjual asal (pertama), namun penjualan aset kepada selain penjual asal, dasar hukum berkenaan masih dihukumkan sebagai makruh.<sup>57</sup>

#### 4.3.2.4 Kesimpulan Hukum *Tawarruq Fiqhī*

Keputusan al-Majma,, al-Fiqhī al-Islāmī pada persidangan kali ke 15 yang diadakan di Mekah al-Mukarramah, mereka mentarjihkan pandangan pertama. Penyelidik bersetuju dengan pandangan ini kerana dalil-dalil yang dikemukakan amat jelas dan utuh serta berbeza daripada konsep *al-ḥinah*. Perbezaannya adalah *tawarruq* tidak menjual komoditi kepada penjual asal sama ada secara langsung atau tidak langsung dan tidak timbul persepakatan awal (*tawātu'*) antara penjual asal dengan pembeli. Berikut adalah terjemahan teks yang dikeluarkan dalam persidangan kali ke 15<sup>58</sup>:

Bahawa al-Majma,, al-Fiqhī al-Islāmī li Rābiṭah al-Ālam al-Islāmī pada persidangan yang diadakan kali ke-15 di Mekah al-Mukarramah, yang berlangsung pada hari Sabtu bertarikh 11 Rejab 1419 bersamaan 31 Oktober 1998 telah meneliti tentang *bay,, al-tawarruq*. Selepas berdialog dan berbahas serta merujuk kembali kepada dalil, kaedah fihiyyah dan penghujahan para ulama<sup>58</sup> dalam permasalahan ini, maka al-Majma,, al-Fiqhī al-Islāmī telah membuat keputusan seperti berikut:

**Pertama:** *Bay,, al-Tawarruq* adalah pembelian komoditi (barangan) yang dilakukan secara tangguh daripada pihak penjual. Setelah itu, pembeli menjualnya secara tunai kepada selain penjual asal untuk mendapatkan wang (*al-wariq*).

**Kedua:** *Bay,, al-Tawarruq* adalah diharuskan oleh syarak berdasarkan kenyataan majoriti ulama<sup>58</sup> bahawa pada asalnya jual beli adalah harus merujuk kepada dalil al-Quran:

---

<sup>57</sup> *Ibid.*

<sup>58</sup> Majma,, al-Fiqhī al-Islāmī, "al-Qarār al-Khāmis: Ḥukm Bay,, al-Tawarruq," *Majallah al-Majma" al-Fiqhī al-Islāmī* 12 (1999): 161-162. Rābiṭah al-Ālam al-Islāmī, <http://www.themwl.org/Bodies/Decisions/default.aspx?d=1&did=164&l=AR> (diakses pada 5 Mei 2016).

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

(Al-Baqarah 3: 275)

Terjemahan: Allah telah menghalalkan berjual beli (berniaga) dan mengharamkan riba.

Dalam *bay*, *al-tawarruq al-fiqhī*, riba tidak diamalkan, tidak menjadikannya sebagai tujuan dan juga tidak termasuk dalam kategori transaksi *ṣūriyyah* kerana *bay*, *al-tawarruq* dilakukan untuk melangsaikan hutang, hal berkaitan perkahwinan atau selainnya.

**Ketiga:** Dibenarkan jual beli secara *tawarruq*, akan tetapi disyaratkan kepada pembeli agar tidak menjual komoditinya semula kepada penjual asal dengan harga yang rendah daripada pembelian pertama sama ada secara langsung atau menggunakan sebarang perantaraan, jika melakukan hal sedemikian, maka ia termasuk dalam kategori *bay*, *al-ḥīnah* yang diharamkan menurut syarak kerana wujud *ḥīlah* riba yang menjadikan kontrak yang dilakukan itu ditegah.

**Keempat:** *al-Majma*, *al-Fiqhī al-Islāmī* menyarankan umat Islam agar mengamalkan perkara yang disyariatkan oleh Allah SWT. Antaranya, konsep *qard ḥasan*. Konsep ini merupakan sebaik-baik infak (pemberian) di jalan Allah SWT. Konsep ini juga mengamalkan sikap *al-ta,āwun* (saling membantu), *al-ta,āṭuf* (saling bersimpati) dan *al-tarāḥum* (saling mengasihi) antara sesama Muslim. Langkah ini dapat mengatasi bebanan dan kehendak mereka daripada menanggung beban hutang piutang dan kegiatan muamalah konvensional yang diharamkan. Terdapat banyak nas syarak (dalil al-quran dan al-sunnah) menggalakkan konsep *qard ḥasan* diaplikasikan serta diberikan pahala kepada mereka yang melaksanakan. Pihak peminjam juga perlu bersikap positif dengan melunaskan pinjaman tanpa bermudah-mudah (*adamal-mumāṭalah*).

Kerugian yang ditanggung atas tujuan untuk memperoleh wang atau kecairan adalah satu bentuk yang dibenarkan oleh syarak. Ini diakui oleh fuqaha" dengan mengatakan

bahawa pemilik komoditi boleh menjualnya secara rugi atau dipanggil sebagai *bay*., *al-wadi*., *ah* dalam fiqh Islam.<sup>59</sup>

#### 4.4 TAWARRUQ MAŞRIFĪ

##### 4.4.1 Definisi *Tawarruq Maşrifī*

###### 4.4.1.1 Sudut Bahasa

*Al-Maşrif* (المصرف) adalah nama khas bagi suatu tempat yang melibatkan transaksi pertukaran wang (*al-Şarf*). *Al-Şarf* menurut fuqaha<sup>60</sup> adalah nama bagi jual beli emas dengan emas, perak dengan perak dan emas dengan perak atau sebaliknya. Menurut istilah sarjana ekonomi, *al-Şarf* ialah pertukaran wang tunai negara dengan wang tunai negara asing.<sup>60</sup> *Al-maşrif* pada hari ini dikenali sebagai bank. Penggunaan perkataan bank merupakan istilah yang tidak tepat berbanding kalimah bahasa arab iaitu *al-maşrif* kerana penggunaan istilah bank tidak menggambarkan situasi (amalan) yang berlaku, perkataan “bank” adalah merujuk kepada nama meja penukar wang (*counter*) yang digunakan oleh pemberi pinjaman dan penukar wang di Eropah pada abad pertengahan.<sup>61</sup>

Sesetengah penyelidik menamakan *tawarruq maşrifī* sebagai *tawarruq munazzam*. Kedua-dua nama ini adalah tepat. Bagi golongan ilmuwan yang menamakan *tawarruq maşrifī*, mereka menisbahkan muamalah berkenaan kepada *maşārif* (perbankan).<sup>62</sup> Manakala, sebahagian cendekiawan yang menyebutnya dengan *munazzam*, mereka menisbahkan transaksi *tawarruq* kepada satu perancangan yang diatur melalui beberapa

---

<sup>59</sup> Muḥammad „Uthmān Shubayr , “al-Tawarruq al-Fiqhī wa Taṭbīqātuh al-Maşrifīyyah al-Mu,āşirah fī al-Fiqh al-Islāmī” (makalah, Persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Majma, al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī kali ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26-30 April 2009), 20.

<sup>60</sup> Riyāḍ bin Rāshid „Abdullah, *al-Tawarruq al-Maşrifī* (Qatar: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah, 2013), 30.

<sup>61</sup> Perkataan bank berasal daripada perkataan Itali, iaitu „banco” yang beerti kepingan papan tempat meletak buku atau sejenis meja, iaitu „bench”. Lihat: Joni Tamkin Borhan, “Sistem Perbankan Islam di Malaysia: Sejarah Perkembangan, Prinsip dan Amalannya,” *Jurnal Usuluddin* 14 (2001): 137.

<sup>62</sup> Riyāḍ bin Rāshid „Abdullah, *al-Tawarruq al-Maşrifī* (Qatar: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah, 2013), 31.

pihak, iaitu pihak penjual (bank) membuat aturan untuk mendapatkan wang tunai bagi pihak pembeli dengan menjual komoditi kepada *mutawarriq* (pembeli) dengan harga tangguh, kemudian penjual (bank) menjadi wakil bagi pihak pembeli menjual komoditinya secara tunai kepada pihak lain dan menyerahkan nilai (wang) kepada *mutawarriq*.<sup>63</sup>

Di Malaysia, ada beberapa nama yang merujuk kepada *tawarruq*. Antaranya, komoditi *murābahah* dan *murābahah tawwaruq*. Dalam perbincangan bab ini hanya menumpukan kepada konsep muamalah, bukan perbezaan nama transaksi kerana “الأسماء وتبديله وتغيير وقت حياث” bagi sesuatu nama, ia menerima perubahan dan pembaharuan.<sup>64</sup>

#### 4.4.1.2 Dari Segi Istilah Fuqaha<sup>65</sup>

Sāmī Suwaylam mentakrifkan: *Tawarruq Munazzam* ialah bank atau institusi kewangan menguruskan amalan *tawarruq* bagi pelanggan. Pihak bank menjual komoditi (komoditi dalam pasaran antarabangsa) kepada pelanggannya dengan harga tangguh, kemudian pelanggan mewakili kepada pihak bank menjual komoditi tersebut secara tunai kepada pihak lain dan menyerahkan wang tunai kepada pelanggan.<sup>65</sup> Al-Majma,, al-Fiqh al-Islāmī yang bersidang kali ke 17 pada 1424 Hijrah bersamaan 2003 Masihi yang diadakan di Mekah al-Mukarramah mendefinisikan: *al-Tawarruq al-Munazzam* ialah pihak bank menjalankan satu transaksi dengan menjual komoditi (bukan daripada emas atau perak) daripada pasaran antarabangsa atau selainnya kepada *mustawriq* dengan harga tangguh. Kemudian, pihak bank mewakili pihak *mustawriq* menjual komoditi tersebut kepada pembeli lain dengan harga tunai sama ada ditulis dalam kontrak secara

---


<sup>63</sup>*Ibid.*, 33.

<sup>64</sup>*Ibid.*, 32.

<sup>65</sup>Sāmī Ibrāhīm al-Suwaylam, “al-Tawarruq...wa al-Tawarruq al-Munazzam Dirāsah Taʿšīliyyah” (makalah, Majma,, al-Fiqh al-Islāmī, Mekah al-Mukarramah, Ogos 2003), 40.

jelas atau „*uruf*”<sup>66</sup> atau adat.<sup>67</sup> Konsep *tawarruq* melibatkan dua kontrak jual beli.<sup>68</sup> Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tangguh. Seterusnya, pembeli bagi urus niaga yang pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai atau lani.<sup>69</sup> Berikut adalah contoh ilustrasi bagi transaksi *bay,, al-tawarruq al-munazzam* antara pelanggan dengan pihak Institusi Kewangan Islam (IKI), lihat Rajah 4.3 di bawah:

Rajah 4.3: Aliran Bagi Transaksi *Tawarruq Munazzam*



Sumber: Bank Negara Malaysia<sup>70</sup>

Seseorang pelanggan memerlukan pembiayaan berjumlah RM100,000 daripada IKI.

Berdasarkan permohonan ini, IKI tersebut melaksanakan *tawarruq*:

<sup>66</sup> „*uruf*” adalah kebiasaan yang berulang kali diamalkan oleh majoriti sesuatu masyarakat (*jumhūr qawm*) sama ada dalam bentuk percakapan atau perbuatan.

Penjelasan definisi „*uruf*” di atas:

1. Konsep adat termasuk dalam kategori *al-„Umūm wa al-Khusūs al-Muṭlaq* (adat lebih umum berbanding „*uruf*”). Setiap „*uruf*” adalah adat dan bukan semua adat dipanggil sebagai „*uruf*”. Adat merangkumi tabiat semula jadi, amalan kebiasaan yang dibuat oleh seseorang dan juga meliputi kebiasaan yang dilakukan oleh majoriti masyarakat (hal ketiga ini dimaksudkan sebagai „*uruf*”).
2. Konsep „*uruf*” bergantung kepada bilangan yang ramai daripada kalangan masyarakat. Sekiranya perbuatan yang dibuat tidak tersebar atau diamalkan oleh majoriti masyarakat setempat, maka tingkah laku sedemikian tidak dinamakan sebagai „*uruf*” sebaliknya ia dinamakan sebagai adat kebiasaan individu atau „*uruf mushtarak*” (menyamai bilangan yang melakukan dan tidak).

Lihat: Muṣṭafā Muḥammad al-Zarqā, *al-Madkhal al-Fiqhī al-„ām* (Damsyik: Dar al-Qalam, 2004), jil. 1, 282-384.

<sup>67</sup> Majma,, *al-Fiqhī al-Islāmī*, “*al-Qarār al-Thānī: al-Tawarruq Kamā Tajrīh Ba,d al-Maṣārif fī al-Waqt al-Hādir*,” *Majallah al-Majma” al-Fiqhī al-Islāmī* 17 (2004): 287-289.

<sup>68</sup> Konsep *tawarruq* secara individu (*fardi*) kebiasaannya melibatkan dua peringkat jual beli, namun *tawarruq* perbankan (*maṣrifī*) kebiasaannya melibatkan tiga peringkat kontrak jual beli. Lihat: „Ali Muḥyī al-Dīn al-Qarahdāghī, *al-Tawarruq al-Maṣrifī bayn al-Tawarruq al-Mundabīṭ wa al-Tawarruq al-Munazzam Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah* (Beirut: Dār al-Bashā”r al-Islāmiyyah, 2011), 259.

<sup>69</sup> Bank Negara Malaysia, *Piawaian Syariah dan Keperluan Operasi Murabahah, Mudarabah, Musyarakah, Tawarruq, Istisna”* (Kuala Lumpur: International Shari,ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), 2016), 191.

<sup>70</sup> *Ibid.*, 224.

1. IKI membeli aset dengan harga jualan bernilai RM100 000 daripada Pembekal Aset 1.
2. IKI membayar secara tunai kepada Pembekal Aset 1.
3. Seterusnya, IKI menjual aset berkenaan kepada pelanggan pada harga jualan yang dipersetujui bernilai RM 120 000 (RM100 000 + keuntungan RM20 000).
4. Pelanggan membuat pembayaran secara bertanggung melalui ansuran bulanan selama 5 tahun.
5. Kemudian, pelanggan tersebut melantik IKI sebagai wakil untuk menjual aset berkenaan kepada Pembekal Aset 2 pada harga jualan RM100 000 secara lani.
6. Pelanggan tersebut memperoleh wang tunai bernilai RM100 000 yang diperlukan untuk pembiayaan.

#### 4.4.1.3 *Tawarruq Maṣrifī*: Menerapkan Ciri-Ciri *Tawarruq Fiqhī* atau Konsep Gabungan Beberapa Kontrak yang Saling Mengikat (*Hibrid*)?

Dalam masalah ini, terdapat dua pandangan:

**Pertama:** Pandangan ulama<sup>71</sup> kontemporari, antaranya „Abdullah Manī,, „Abd Qādir al-„Ammārī meletakkan *tawarruq maṣrifī* sebagai *tawarruq fiqhī* kerana wujud beberapa persamaan antara kedua-dua muamalah, iaitu dari segi bilangan peserta, kontrak, dan tujuan akad. Pihak Bank Islam membeli komoditi secara nyata sebagaimana yang diamalkan oleh mana-mana peniaga, kemudian menjual komoditi tersebut kepada pelanggan.<sup>71</sup>

**Kedua:** Pandangan sesetengah ulama<sup>72</sup> semasa seperti Ḥusīn Ḥāmid Ḥasan (Pengerusi Jabatan Syariah Bank Islam Dubai),<sup>72</sup> mereka tidak mengkategorikan *tawarruq maṣrifī* sebagai *tawarruq fiqhī* kerana wujud perbezaan antara kedua-dua muamalah. *Tawarruq*

<sup>71</sup> Muḥammad „Uthmān Shubayr, “al-Tawarruq al-Fiqhī wa Taṭbīqātuh al-Maṣrifīyyah al-Mu,,āṣirah fī al-Fiqh al-Islāmī” (makalah, Persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Majma,, al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī kali ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26-30 April 2009), 26.

<sup>72</sup> Ibrāhīm „Abd al-Laṭīf Ibrāhīm al-„ābīdī, *Haqīqah Bay,, al-Tawarruq al-Fiqhī wa al-Tawarruq al-Maṣrifī* (Dubai: Islamic Affairs & Charitable Activities Department, 2008), 101.



*Maṣrifī* adalah konsep yang menggabungkan beberapa kontrak (*hibrid*) dan *taṣarruf*<sup>73</sup> sehingga menjadikannya seolah-olah transaksi *bayʿ, al-ḥinah*. Pendapat ini telah dijelaskan oleh Hussein Azeemi *et. al* (2014) dengan menyatakan bahawa:

“Transaksi *tawarruq* bukanlah akad atau kontrak yang tersendiri sebagaimana yang difahami oleh sebahagian pengkaji. Akan tetapi, ia adalah instrumen muamalat yang disusun melalui beberapa transaksi akad jual beli atas tujuan untuk menikmati wang tunai dan bukannya barangan”<sup>74</sup>

Pendapat yang *rājih* adalah pandangan kedua kerana beberapa aspek seperti berikut:

- 1) Dalam pelaksanaan *tawarruq fiqhī*, pembelian komoditi dengan harga tangguh adalah jelas dan menjadi pemilikan kepada pembeli serta memperolehnya dengan cara fizikal (*qabḍ ḥaqīqī*). Setelah itu, pembeli menjual komoditinya secara tunai.
- 2) *Tawarruq Fiqhī* adalah berbeza dengan penerapan *tawarruq maṣrifī* kerana transaksi tersebut menghimpunkan beberapa akad (kontrak *hibrid*) dan *taṣarruf*. Lihat Rajah 4.4 di bawah, pembiayaan yang disediakan mengandungi ikatan instrumen *al-waḍʿ wakālah*, dan akad jual beli.

---

<sup>73</sup>*Taṣarruf*:


Muhammad Abū Zahrah menyamakan istilah *akad* (kontrak) dengan makna *taṣarruf*. *Taṣarruf Sharḥī* menurut beliau ialah setiap tindakan seseorang yang dicipta melalui perkataan. Perkataan yang diungkapkan membawa kepada implikasi syarak pada masa mendatang. Mengikut sebahagian sarjana seperti Muṣṭafā Muḥammad al-Zarqā pula mengatakan bahawa hubungan keterikatan diantara *taṣarruf* dengan akad adalah *al-ʿUmūm wa al-Khuṣūs al-Muṭlaq* (*Taṣarruf* lebih umum berbanding akad). Perbezaan berkenaan dilihat melalui aspek berikut:

1. *Taṣarruf* bukan hanya meliputi pada tindakan perkataan sahaja tetapi merangkumi pada tingkah laku (seperti membayar wang, menyerahkan sesuatu aset).
2. *Taṣarruf Qawli* (tindakan melalui perkataan) tidak semata-mata khusus yang dimaksudkan dari definisi akad iaitu ikatan persetujuan yang diikatkan daripada perkataan oleh dua pihak yang berakad seperti jual beli, sewaan dan sebagainya. *Taṣarruf Qawli* juga merangkumi konsep *al-iqrār* (pengakuan terhadap dakwaan) dan *al-daʿwā* (pendakwaan).

Kesimpulan: Setiap akad adalah *taṣarruf* namun bukan setiap *taṣarruf* diklasifikasikan sebagai akad. Lihat: Muṣṭafā Muḥammad al-Zarqā, *al-Madkhal al-Fiqhī al-ʿām* (Damsyik: Dar al-Qalam, 2004), jil. 1, 380-381.

<sup>74</sup> Hussein Azeemi Abdullah, Muhammad Firdaus Ab Rahman dan Azman Ab Rahman, “Analisa Eksistensi Gharar Terhadap Pelaksanaan Pembiayaan Peribadi Tawarruq,” *Global Journal al-Thaqafah Universiti Sultan Azlan Shah* 4 (Jun 2014): 85.

Rajah 4.4: Modus Operandi *Bay*., *Tawarruq Munazzam* di Bank Islam dalam Produk Pembiayaan Peribadi-i



Sumber: BIMB

Penjelasan Rajah:

1. Klien melengkapkan dokumen transaksi *tawarruq*.

Dokumen-dokumen:

- a) Memorandum penerimaan.
- b) Perlantikan Bank Islam sebagai ejen belian (*wakālah 1*)  
Bank sebagai ejen klien melengkapkan pembelian komoditi
- c) Perlantikan Bank Islam sebagai ejen jualan (*wakālah 2*)  
Bank sebagai ejen klien menjual komoditi kepada pihak ketiga.
- d) Perjanjian kemudahan *tawarruq* / terma dan syarat


2. Bank membeli komoditi daripada pembekal komoditi melalui platform Bursa Suq al-Sila,, (BSAS).
3. Bank menjual komoditi kepada klien, (Bank) sebagai ejen pembeli (*wakālah 1*) untuk klien, Bank membeli komoditi daripada Bank.
4. Bank bertindak sebagai ejen jualan (*wakālah 2*), Bank menjual komoditi kepada pembeli komoditi melalui platform BSAS.
5. Hasil Jualan, Bank mengkreditkan ke akaun pelanggan.

6. Pelanggan menyelesaikan jumlah yang perlu dibayar kepada Bank dengan kaedah bayaran yang dipersetujui.

#### 4.4.2 Hukum *Tawarruq Maşrifī* Mengikut Pandangan Fuqaha“

Di sini, wujud dua pandangan sarjana kontemporari berkaitan hukum *tawarruq maşrifī* sepertimana yang dijelaskan dalam Rajah 4.5 di bawah:

Rajah 4.5: Pendapat *Tawarruq Maşrifī* Menurut Fuqaha“ Kontemporari



Sumber: Muḥammad „Uthmān Shubayr,<sup>75</sup> Riyād Rāshid „Abdullah,<sup>76</sup> Nadwah al-Barakah,<sup>77</sup> Majma,, al-Fiḥ al-Islāmi al-Duwalī,<sup>78</sup> Majma,, al-Fiḥ al-Islāmi,<sup>79</sup> Hanā“

<sup>75</sup> Muḥammad „Uthmān Shubayr, “al-Tawarruq al-Fiḥī wa Taṭbīqātuh al-Maşrifīyyah al-Mu,āşirah fī al-Fiḥ al-Islāmi” (makalah, Persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Majma,, al-Fiḥ al-Islāmi al-Duwalī kali ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26-30 April 2009), 27-28.

<sup>76</sup> Riyād bin Rāshid „Abdullah, *al-Tawarruq al-Maşrifī* (Qatar: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu“un al-Islāmiyyah, 2013), 195.

<sup>77</sup> Fatāwā al-Mu,āmalāt al-Māliyyah al-Islāmiyyah (laporan resolusi no: 24, Nadwah al-Barakah kali ke-24, Mekah al-Mukarramah, 25-27 Oktober 2003). Lihat: Al-Imtithāl lil Māliyyah al-Islāmiyyah, <http://www.imtithal.com/uploaded/media/fatawa/20140109081445419707874.pdf> (diakses pada 7 Mei 2016).

<sup>78</sup> Majma,, al-Fiḥ al-Islāmi al-Duwalī, <http://www.iifa-aifi.org/2302.html> (diakses pada 7 Mei 2016).

<sup>79</sup> Ahli anggota yang menandatangani resolusi tersebut adalah Muḥammad Rashīd Rāghib Qabbānī, Muştafā Ibrāhīm, Naşr Farīd Muḥammad Wāşil, al-Şiddīq Muḥammad al-Ḍarīr, Muḥammad al-Ḥabīb bin al-Hawjāh, Muḥammad Sālim „Abd al-Wadūd, Muḥammad „Abd Allah al-Sabīl, „Abd al-Karīm Zaidān, Muḥammad Taqī al-„Uthmānī, Wahbah Muştafā al-Zuhāilī, Yūsus al-Qarāḍawī, „Abd Sattār Faṭḥ Allah al-Sa,ḍ, Setiausaha Agung Şāliḥ bin Zābin al-Marzūqī, Naib Pengerusi „Abd Allah bin „Abd al-Muhsin al-Turkī, Pengerusi Majlis al-Majma,, al-Fiḥ al-Islāmi „Abd al-„azīz „Abd Allah “al al-Shaykh. Lihat: Majma,, al-Fiḥ al-Islāmi, “al-Qarār al-Thānī: al-Tawarruq Kamā Tajrīh Ba,ḍ al-Maşārif fī al-Waqt al-Ḥāḍir,” *Majallah al-Majma“ al-Fiḥ al-Islāmi* 17 (2004): 289.

Muhammad Hilāl al-Ḥunayṭī<sup>80</sup> Resolusi MPSBNM,<sup>81</sup> MPSBIMB,<sup>82</sup> LFM<sup>83</sup>, Alī al-Qarahdāghī<sup>84</sup>

Dalil bagi setiap pandangan di atas:

#### 4.4.2.1 Hujah Golongan Membenarkan *Tawarruq Maṣrifī*

Ulama kontemporari „Abdullah al-Manī“: “ Tidak berlaku perselisihan antara *tawarruq* klasik dan moden. Kedua-dua *tawarruq* ini adalah transaksi yang sama, bukan dua konsep yang berbeza. *Tawarruq* yang diamalkan dalam perbankan Islam adalah sejenis *tawarruq* menurut fuqaha yang telah mereka bahaskan dalam kitab-kitab *turāth* dan berpandangan bahawa ia adalah diharuskan, namun syarat yang diletakkan perlu mengelakkan penjualan semula komoditi kepada penjual asal kerana transaksi tersebut membawa kepada *al-ḥinah* yang diharamkan.”<sup>85</sup>

Muhammad Taqī al-Uthmānī (Pengerusi Majlis Syariah institusi-institusi kewangan Islam Bahrin dan ahli anggota al-Majma, al-Islāmī): “ Hukum asal *tawarruq maṣrifī* adalah harus setelah menepati garis panduan syarak dalam kontrak. Namun, beliau menasihati agar tidak mengembangkan amalan transaksi ini kerana melihat kepada *mafsadah* yang ditanggung ”.<sup>86</sup>

<sup>80</sup>Hanā Muhammad Hilāl al-Ḥunayṭī, “al-Tawarruq Haqīqatuh, Anwā,uh, (al-Fiqhī al-Ma,ṣrūf wa al-Maṣrifī al-Munazzam)” (makalah, Persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Majma, al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī kali ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26-30 April 2009), 26-27.

<sup>81</sup> Bank Negara Malaysia, *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam* (t.tp: Bank Negara Malaysia, 2010), 95.

<sup>82</sup>Tūmī Badrah dan Bawzīd Shafīqah, “Taṭbīqāt al-Tawarruq al-Maṣrifī fī al-Maṣārif al-Islāmiyyah Tajribah Maṣrif Islām Mālīziyā” (makalah, al-Mu,ṭamar al-Dawlī: Muntajāt wa Taṭbīqāt al-Ibtikār wa al-Handasah al-Māliyyah, International Shari’ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), Algeria, 5-6 Mei 2014), 10.

<sup>83</sup> Portal Rasmi Dār al-Iftā’ al-Miṣriyyah, <http://www.dar-alifta.org/AR/ViewResearch.aspx?ID=254&LangID=1> (diakses pada 9 September 2016).

<sup>84</sup>Alī Muḥyī al-Dīn al-Qarahdāghī, *al-Tawarruq al-Maṣrifī bayn al-Tawarruq al-Munḍabiṭ wa al-Tawarruq al-Munazzam Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah*(Beirut: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 2011), 259.

<sup>85</sup> Riyād bin Rāshid „Abdullah, *al-Tawarruq al-Maṣrifī* (Qatar: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmiyyah, 2013), 199.

<sup>86</sup>*Ibid.*

Berikut adalah hujah bagi golongan yang mengharuskan *tawarruq maşrifī*:

### a. Dalil al-Quran

Firman Allah SWT:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا ۗ

(Al-Baqarah 3: 275)

Terjemahan: Allah telah menghalalkan berjual beli (berniaga) dan mengharamkan riba.

Berdasarkan pengertian umum dalam ayat di atas, ulama<sup>87</sup> berpendapat bahawa *tawarruq* dibenarkan kerana ia merupakan sebahagian daripada kegiatan jual beli. Amalan ini bertujuan untuk memperoleh wang tunai sama ada diketahui objektif berkenaan ataupun tanpa pengetahuan pihak-pihak yang terlibat. Ia juga mungkin dilakukan kerana desakan keadaan atau menjadi amalan yang biasa dilakukan oleh sesetengah pihak atau institusi.<sup>87</sup> Sulaymān al-Manī, mengulas kenyataan ayat di atas dengan berkata; Allah SWT membenarkan semua bentuk jual beli melainkan mempunyai suatu dalil yang menerangkan tentang pengharaman transaksi yang dilakukan. Perkataan “*al-bay*,” dalam ayat diturunkan dalam bentuk umum berasaskan kepada *al-alif* dan *al-lām* yang menunjukkan kepada maksud *al-istighrāq*.<sup>88</sup>

<sup>87</sup>Bank Negara Malaysia, *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam* (t.tp: Bank Negara Malaysia, 2010), 95.

<sup>88</sup>Hanā<sup>88</sup> Muḥammad Hilāl al-Ḥunayfī, “al-Tawarruq Haqīqatuh, Anwā,uh, (al-fiqhī al-ma,rūf wa al-maşrifī al-munazzam)” (makalah, Persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Majma,, al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī kali ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26-30 April 2009), 27. *Alif lām* mempunyai dua pengertian, pertama; memberi maksud *al-,ahdiyyah* (subjek yang telah diketahui atau dikenali), contoh: *كُتِبْتُ لِفَتَاةٍ كُتِبْتُ لِفَتَاةٍ كُتِبْتُ لِفَتَاةٍ* (aku membeli buku dan kemudiannya membaca buku tersebut) kalimah *al-kitab* tidak menyatakan judul buku yang dibaca, tetapi kita dapat mengenalinya melalui *alif lām* pada *kitab* bahawa buku yang dibacanya adalah buku yang telah dibeli. Bahagian kedua; *al-istighrāq* (merangkumi semua jenis tanpa berkecuali), contoh: *خَهَقَ إِلَى سَاعٍ عَيْفَا* (diciptakan sekalian manusia itu bersifat lemah). Lihat: Aḥmad al-,Ayid et. al, *al-Mu,jam al-,Arabī al-Asāsī* (t.tp: Li Durūs, t.t), 100.

Firman Allah SWT:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ وَلْيَكْتُبَ  
بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ ﴿٢٨٢﴾

(Al-Baqarah 3: 282)

Terjemahan: Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu bermu'amalah tidak secara tunai untuk waktu yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan benar.

Al-Sa,ḍī dalam *Taysīr al-Karīm al-Raḥmān fī Tafsīr Kalām al-Mannān* menjelaskan tentang ayat di atas dengan berkata: Muamalat yang berbentuk *al-duyūn* (hutang) sama ada kategori *salam*<sup>89</sup> mahupun pembelian secara bertangguh adalah diharuskan.<sup>90</sup> Al-Zamakhsharī dalam *al-kashshāf* menambahkan lagi penafsiran ayat: Terdapat pelbagai jenis hutang, iaitu secara *mua'ajjal* (tangguh) dan *hāl* (tunai).<sup>91</sup> Kontrak *tawarruq* adalah sebahagian daripada jenis *al-mudayyanah* (hutang) yang dibenarkan dan termasuk dalam bentuk umum yang dinyatakan seperti dalam ayat di atas.<sup>92</sup>

#### b. Dalil al-Sunnah

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَعْمَلَ رَجُلًا عَلَىٰ خَيْبَرَ فَجَاءَهُ بِتَمْرٍ جَنِيْبٍ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكُلْتُ تَمْرَ خَيْبَرَ هَكَذَا قَالَ لَا وَاللَّهِ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا لَنَأْخُذُ الصَّاعَ مِنْ هَذَا بِالصَّاعَيْنِ بِالثَّلَاثَةِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تَفْعَلْ بِعِ الْجَمْعِ بِالذَّرَاهِمِ ثُمَّ ابْتِغِ بِالذَّرَاهِمِ جَنِيْبًا.

<sup>89</sup> Bay., Salam: Kontrak jual beli barang pesanan yang disepakati melalui butiran terperinci pada awal akad dan pembayaran penuh dibuat secara tunai, manakala penyerahan barang ditangguhkan pada suatu masa yang ditetapkan. Lihat: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Glosari Muamalat* (Kuala Lumpur : QA Printers , 2009), 14.

<sup>90</sup> Abd Raḥmān Naṣīr al-Sa,ḍī, *Taysīr al-Karīm al-Raḥmān fī Tafsīr Kalām al-Mannān* (Arab Saudi: Dār al-Salām, 2002), 121.

<sup>91</sup> Jārr Allah Abū al-Qāsim Maḥmūd bin Umar al-Zamakhsharī, *al-Kashshāf, an Haqā'iq al-Tanzīl wa ḥayāt al-'aqāwil fī Wujūh al-Ta'wīl* (Riyad: Maktabah al-Baikān, 1998), 511.

<sup>92</sup> Hanā' Muḥammad Hilāl al-Ḥunaytī, "al-Tawarruq Haqīqatuh, Anwā,uh, (al-fiqhī al-ma,rūf wa al-maṣrifī al-munazzam)" (makalah, Persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Majma,, al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī kali ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26-30 April 2009), 29.

Terjemahan: Daripada Abī Sa,īd al-Khudrī RA dan Abī Hurayrah RA, bahawa Rasulullah SAW telah melantik seorang lelaki sebagai gabenor di Khaybar, kemudian lelaki tersebut telah membawa sejenis tamar yang baik kepada Rasulullah SAW. Baginda bertanya, “Adakah semua tamar Khaybar seperti ini?” Lelaki tersebut menjawab, “Tidak, demi Allah wahai Rasulullah SAW, kami menukarkan satu *ṣā*’ daripada tamar ini (yang baik) dengan dua *ṣā*” (tamar kami) dan dua *ṣā*’ (tamar yang baik) dengan tiga *ṣā*” (daripada tamar kami)”. Rasulullah SAW mengatakan “Jangan kamu melakukan sedemikian sebaliknya juallah (tamar yang kurang baik) dengan dirham (wang), setelah itu belilah tamar yang baik dengan dirham (wang) tersebut”<sup>93</sup>

*Wajh al-istidlāl:*

Pelaksanaan jual beli bagi mendapatkan kehendak yang diinginkan adalah dibenarkan jika bentuk akad yang dipersetujui itu bebas daripada unsur riba sekalipun objektif akad untuk menghasilkan kecairan (wang). „Abdullah al-Manī” berpandangan bahawa *tawarruq maṣrifī* yang memenuhi segala syarat dan rukun dalam jual beli merupakan transaksi yang sah.<sup>94</sup>

### c. Dalil Daripada Kaedah Fiqhiyyah

الْحَاجَةُ تَنْزِلُ مَنْزِلَةَ الصَّرُورَةِ عَامَّةً كَانَتْ أَوْ خَاصَّةً

Terjemahan: Kehendak (hajat yang mendesak) adalah menepati taraf darurat sama ada kehendak tersebut bersifat umum atau khusus.

الأَصْلُ فِي الْمُعَامَلَاتِ مِنْ عُقُودٍ وَشُرُوطٍ الْإِبَاحَةُ وَالْحِجْلُ إِلَّا دَلَّ الدَّلِيلُ عَلَى حُرْمَتِهِ

Terjemahan: Asal dalam Muamalat seperti kontrak dan syarat-syarat adalah harus melainkan terdapat dalil yang menunjukkan pengharamannya.

<sup>93</sup>Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Buyū,, Bab “Idhā “Arād Bay,, Tamr Bitamr Khair Minh, no. Hadith 2202. Lihat Abū „Abd Allah Muḥammad bin Ismā,il al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,” dalam *Mawsū,āt al-Ḥadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin „Abd al-,Azīz al-Shaykh (t.tp: Dār al-Salām, t.t), 171.

<sup>94</sup>Aḥmad Muḥammad al-Jayūsī, “al-Tawarruq al-Maṣrifī bayn al-Mujīzīn wa al-Māni,īn” (makalah, Al-Mu’tamar al-,ilmi al-“Awwal al-Tawarruq al-Maṣrifī wa al-Hayl al-Ribawiyah, Ajloun National University, Jordan, 18-19 April 2012), 10.

#### 4.4.2.2 Hujah Golongan yang Menolak *Tawarruq Maṣrifī*

##### a. Tujuan Mengamalkan Riba (*Ḥīlah*)<sup>95</sup>

Jual beli dan penggunaan *murābahah* (pertambahan atas nilai wang yang dibiayai) dalam pelaksanaan *tawarruq* merupakan *ḥīlah* riba. Buktinya, pelanggan tidak menerima komoditi daripada pihak institusi kewangan, tetapi hanya menerima wang tunai dan kemudiannya menyelesaikan bayaran balik kepada pihak institusi beserta beberapa pertambahan. Penyertaan komoditi secara hakikatnya hanyalah semata-mata berasaskan *al-ṣūriyyah* atau disertakan dalam transaksi supaya ia kelihatan mematuhi piawaian luaran syarak. *Mutawarrīq* tiada kaitan dengan komoditi yang dibeli kerana mereka tidak melihat dan objektif transaksi yang dimeterai bukanlah untuk mendapatkan manfaat komoditi, tetapi bertujuan untuk memperoleh wang.<sup>96</sup> Tandatangan helaian dokumen oleh mereka hanyalah satu andaian sahaja bahawa pihak *mutawarrīq* memiliki komoditi dan berkapasiti menjual semula aset untuk memperoleh manfaat berbentuk wang tunai.<sup>97</sup> Muamalat yang direka ini adalah pertukaran wang dengan wang dan komoditi yang disertakan dalam urus niaga adalah sebagai suatu *ḥīlah*.<sup>98</sup>

Dr. Alī al-Qarāhdāghī menukilkan daripada Dr. Yūsuf al-Qarāḍāwī bahawa:

“ Shaykh (Yūsuf al-Qarāḍāwī) menyanggah pelaksanaan transaksi ini sehingga beliau menulis dalam sebahagian akhbar di Qatar dengan mengatakan bahawa *ḥīlah* kepada riba adalah lebih berat berbanding amalan riba itu sendiri”.<sup>99</sup>

<sup>95</sup> Hanā“ Muḥammad Hilāl al-Ḥunayṭī, “al-Tawarruq Haqīqatuh, Anwā,uh, (al-fiqhī al-ma,rūf wa al-maṣrifī al-munazzam)” (makalah, Persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Majma,, al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī kali ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26-30 April 2009), 35.

<sup>96</sup> Ibrāhīm ,Abd al-Laṭīf Ibrāhīm al-,ḥabīdī, *Haqīqah Bay,, al-Tawarruq al-Fiqhī wa al-Tawarruq al-Maṣrifī* (Dubai: Islamic Affairs & Charitable Activities Department, 2008), 104.

<sup>97</sup> Ibrāhīm Fāḍil al-Dabbū, “al-Tawarruq Haqīqatuh, Anwā,uh, (al-Fiqhī al-Ma,rūf wa al-Maṣrifī al-Munazzam)” (makalah, Persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Majma,, al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī kali ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26-30 April 2009), 6.

<sup>98</sup> *Ibid.*

<sup>99</sup> Ibrāhīm ,Abd al-Laṭīf Ibrāhīm al-,ḥabīdī, *Haqīqah Bay,, al-Tawarruq al-Fiqhī wa al-Tawarruq al-Maṣrifī* (Dubai: Islamic Affairs & Charitable Activities Department, 2008), 103.



## Perbezaan *al-Dharā'i* dan *al-Ḥiyal* (helah)<sup>100</sup>

Perbincangan *al-dharā'i*, dalam muamalat Islam telah mencetuskan perbezaan pandangan, khususnya dalam permasalahan akad. Apakah yang diambil kira dalam sesuatu kontrak, adakah dari segi *al-alfāz* (lafaz) dan *al-mabānī* (bentuk) atau *al-maqāṣid* (maksud) dan *al-ma,ānī* (makna)? Bagi golongan sarjana yang mengambil kira bahawa sesuatu akad adalah bergantung kepada *al-maqāṣid* dan juga *al-ma,ānī*, mereka akan menggunakan kaedah *sadd al-dharā'i*, sebagai langkah terbaik agar akad yang dilaksanakan tidak membawa kepada kemudaratan dan bercanggah dengan prinsip syarak. Sebaliknya, bagi sebahagian golongan ilmuwan Syariah lain mereka melihat kesahihan akad diambil kira dari segi *al-alfāz* dan *al-mabānī* dan kaedah *sadd al-dharā'i*, tidak dipraktikkan selagi tidak jelas dan pasti akad tersebut mengundang kepada mudarat dan bercanggah dengan ketetapan syarak.

*Sadd al-dharā'i*, mempunyai kaitan yang rapat dengan konsep *ḥīlah*.<sup>101</sup> Kadang-kala, kedua-duanya merupakan perkara yang sama dari segi hukum *taklīf* dan suatu ketika kedua-duanya adalah perkara yang berbeza. Lihat penerangan yang dinyatakan di bawah:

- 1) *Ḥīlah* wujud dalam akad yang tertentu. Manakala, *al-dharā'i*, berlaku dalam akad dan juga permasalahan lain kerana kaedah ini digunakan secara meluas.

---

<sup>100</sup> Sa,īd Būharāwah, "al-Tawarruq al-Maṣrifī Dirāsah Taḥlīliyyah Naqdiyyah Lil'arā" al-Fiqhiyyah" (makalah, Persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Majma,, al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī kali ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26-30 April 2009), 10.

<sup>101</sup> Pengertian:

Sudut bahasa diambil daripada perkataan *al-ḥiyāl* yang memberi maksud kebijaksanaan.

Sudut Istilah: Melakukan suatu perkara berdasarkan kepada kebijaksanaan untuk mendapatkan jalan penyelesaian atau jalan keluar bagi sesuatu masalah. Al-Shāṭibī mentakrifkan *ḥiyal* ialah mengalihkan hukum hakam yang telah pasti dari sudut syarak kepada hukum yang lain dengan melaksanakan kelakuan yang benar pada zahirnya, namun menyanggahi dari segi dalaman. Al-Sarakhsī pula mendefinisikan *ḥiyal* ialah sesuatu kelakuan yang dilakukan oleh seseorang untuk keluar daripada perkara yang haram atau menyampaikannya kepada perkara yang dibenarkan. Lihat: Al-Sarakhsī, *Kitāb al-Mabsūt li Shams al-Dīn al-Sarakhsī* (Beirut: Dār al-Ma,rifah, 1989), 30: 210. Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt* (Arab Saudi: Dār Ibn ,Affān, 1997), 3: 108.

- 2) *Ḥīlah* disyaratkan berserta dengan niat. Manakala, dalam penggunaan kaedah *al-dharā'i*, niat tidak disyaratkan. Sekiranya niat didapati wujud dalam konsep *al-dharā'i*, maka ia dikatakan juga sebagai *ḥīlah*. Namun, jika berlaku sebaliknya, ia hanya dipanggil sebagai *al-dharā'i*,

### **Definisi *al-Dharā'i*:**

*Al-Dharā'i*, dari sudut bahasa: *al-ṭarīqah* (jalan) atau wasilah kepada sesuatu.

*Al-Dharā'i*, dari sudut istilah: suatu masalah yang dibenarkan mengikut perspektif luaran dan di sebalik kelakuan tersebut membawa kepada perbuatan yang ditegah.

### **Pembahagian *al-Dharā'i*:<sup>102</sup>**

**Pertama:** *Dharī*, ahyang mendatangkan *mafsadah*.

Contoh: perbuatan zina membawa kepada pencampuran nasab (keturunan).

**Kedua:** *Dharī*, ahyang harus dan tidak berniat mendatangkan *mafsadah*. *Maṣlahah* atau kebaikannya lebih besar berbanding *mafsadah*.

Contoh: Melihat bakal isteri atau menyatakan kebenaran kepada pemerintah yang zalim.

**Ketiga:** *Dharī*, ahyang harus, namun berniat untuk mendatangkan *mafsadah*.

Contoh: Memeterai akad jual beli dengan tujuan untuk mengamalkan riba.

**Keempat:** *Dharī*, ahyang harus dan tidak berniat untuk mendatangkan keburukan atau *mafsadah*. *Mafsadah* atau keburukannya lebih besar berbanding *maṣlahah*.

Contoh: Mencela berhala *mushrikin*.

---

<sup>102</sup>Sa, jd Būharāwah, "al-Tawarruq al-Maṣrifī Dirāsah Taḥlīliyyah Naqdiyyah Lil'arā' al-Fiqhiyyah" (makalah, Persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Majma, al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī kali ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26-30 April 2009), 10-11.

Khilaf pandangan fuqaha" tidak timbul dalam bahagian pertama dan kedua, sebaliknya perbalahan pendapat hanya timbul dalam masalah ketiga dan keempat. Bagi kedua-dua masalah ini, kaedah *sadd al-dharā"i*, diketengahkan mengikut pendapat mazhab Mālikī dan Ḥanbālī. Manakala, pendapat al-Shāfi,ī dan Ibn Ḥazm al-Zāhiri, kedua-duanya memperincikan sama ada wujudnya niat *mafsadah* atau tidak. Al-Shāfi,ī dan Ibn Ḥazm al-Zāhiri tidak membenarkan sekiranya niat melakukan perkara yang haram atau *mafsadah* adalah jelas dalam aplikasi kontrak sebagaimana penyertaan *muḥallil al-ribā*. Penggunaan kaedah *sadd al-dharā"i*, merupakan ijma, ulama". Namun, perbezaan pendapat dalam kalangan mereka berpunca daripada *taḥqīq al-manāṭ min al-dharā"i al-fāsidah* (kepastian kelakuan tersebut mendatangkan kerosakan).<sup>103</sup>

### **Perbezaan *al-Ḥiyal* dan *al-Makhārij***

*Makhārij* dari segi bahasa diambil daripada kalimah *makhraj* yang bermaksud tempat keluar. Dari sudut istilah, Ibn al-Qayyim mentakrifkan *makhārij* ialah sesuatu kelakuan yang berada dalam skop al-Quran dan al-Sunnah atau salah satu daripada dua sumber tersebut atau berasaskan fatwa yang dikeluarkan oleh para Sahabat RA yang tidak mengetahui berlakunya percanggahan dalam kalangan mereka atau kelakuan tersebut masih berada dalam skop yang dipegang oleh majoriti ulama".<sup>104</sup> Difahami daripada pandangan yang dikeluarkan Ibn Qayyim bererti *makhārij* adalah satu wasilah yang dapat mengeluarkan kesempitan atau kesulitan dan bertepatan dengan kehendak maqasid syarak.

Sebahagian fuqaha" menggunakan perkataan *makhārij*<sup>105</sup> sebagai ganti kepada *ḥiyal* yang mendapati bahawa penggunaan *ḥiyal* mewujudkan kekeliruan dan kefahaman

---

<sup>103</sup> *Ibid.*

<sup>104</sup> Um Na"il Barkāni, *Fiqh al-Wasā"il fi al-Sharī,ah al-Islāmiyyah* (Qatar: Waqafiyah al-Shaykh ,Ali Abdullah, 2007), 134.

<sup>105</sup> Sarjana terawal yang menggunakan kalimah "*makhārij*" adalah Abū al-Ḥasan al-Shaybānī. Ibn Nujaym dalam al-Ashbāh wa al-Nazā"ir menyatakan: Ulama" tidak bersepakat tentang penggunaan satu istilah sahaja dalam masalah sama ada *makhārij* atau *ḥiyal shar,yyah* sehinggakan ulama" dalam mazhab

yang tersasar, khususnya apabila *ḥiyal* disebut secara umum.<sup>106</sup> Ibn Qayyim menjelaskan lagi tentang *ḥiyal*, menurut pandangannya, terdapat dua kategori, iaitu *al-ḥiyal ghayr al-mashrū,ah* dan kedua; *al-ḥiyal al-mashrū,ah* yang dimaksudkan sebagai *al-makhārij*. *Ḥiyal mashrū,ah* dan *makhārij* sering digunakan oleh Ibn Qayyim dalam manuskrip tulisan beliau yang merujuk kepada perkara yang dibenarkan oleh syarak. Sebaliknya, menurut pendapat Ibn Ḥāshūr, istilah *ḥiyal* hanya difokuskan kepada makna *al-ḥiyal ghayr al-mashrū,ah* dan *ḥiyal mashrū,ah* tidak wujud sama sekali. Beliau mendefinisikan bahawa perbuatan yang menggunakan satu wasilah bagi mencapai kehendak yang diinginkan bukanlah *ḥiyal*, sebaliknya dinamakan sebagai *tadbīr*, *hirs* atau *war,.*<sup>107</sup>

Berdasarkan penerangan di atas, dapat disimpulkan bahawa *makhārij* merupakan wasilah yang diharuskan, manakala *ḥiyal* pula ternyata lebih bersifat umum berbanding *makhārij* kerana *ḥiyal* meliputi setiap wasilah yang menyampaikan kepada sesuatu tujuan sama ada menepati kehendak syarak atau tidak. Penggunaan *makhārij* lebih sesuai dan tepat dalam perkara yang dibenarkan oleh Syarak berbanding lafaz *ḥiyal* kerana lafaz tersebut menimbulkan tohmahan. Tambahan pula, kebanyakan

---

(ḥanafi) berbeza dalam mengungkapkan hal tersebut kerana kebanyakan mereka, ada yang memilih *ḥiyal* dan ada juga yang menggunakan kalimah *makhārij*. Lihat: *Ibid*.

<sup>106</sup> *Ḥiyal* berdasarkan maksud pentakrifan fuqaha” dibahagikan kepada tiga kategori:

Pertama: *Ḥiyal* dari segi makna umum, iaitu merujuk kepada “*muṭlaq al-wasā’iṭ*”. Bermaksud setiap tindakan (kelakuan) yang boleh menyampaikan kepada sesuatu tujuan tanpa melihat sama ada tujuan dan tindakan bagi mencapai objektif tersebut baik atau buruk.

Kedua: *Ḥiyal* dari segi makna khusus, iaitu merujuk kepada *ḥiyal ghayr mashrū,ah*.

Ketiga: *Ḥiyal mashrū,ah*. Lihat: *Ibid.*, 130.

<sup>107</sup> Contoh aplikasi:

*Tadbīr*: Seseorang lelaki cenderung dan mempunyai keinginan terhadap seorang wanita lalu mengahwiniya agar halal bagi lelaki tersebut meniduri wanita berkenaan.

*Hirs*: Sebagaimana perbuatan rukuk yang dilakukan oleh Abī Bakrah RA. Abī Bakrah RA tatkala memasuki masjid untuk menunaikan solat. Beliau mendapati bahawa Rasulullah SAW sedang rukuk dan bimbang tidak sempat rukuk bersama Rasulullah SAW dan antara perkara yang paling disukainya adalah berada di awal saf lalu tindakan yang dibuat oleh Abī Bakrah RA adalah terus rukuk dan masuk ke dalam saf. Setelah solat, Nabi SAW berkata kepada Abī Bakrah RA: “Moga-moga Allah SWT menambahkan semangatmu (*hirs*), tetapi janganlah kamu ulangi.”

*War,.*: Seseorang yang berpesan kepada seorang individu agar mengejutkannya untuk menunaikan solat subuh sekiranya mendapatinya tertidur. Contoh sebagaimana perbuatan nabi SAW dalam salah satu peperangan yang diperincikan dalam hadith al-muwaṭā’ah, perbincangan kitab wuqūṭ al-Ṣalāh bab al-nawm, an al-Ṣalāh hadith ke-24-25. Lihat: *Ibid.*, 137.

penggunaannya yang difahami dalam pemikiran masyarakat adalah merujuk kepada satu langkah penipuan dan perkara-perkara yang negatif.

#### **b. Mengamalkan *Bay' al-'Īnah*<sup>108</sup>**

Salah satu punca penolakan *tawarruq maşrifī* adalah kerana transaksi ini menyamai *bay,, al-,ĵnah* yang diharamkan oleh majoriti ulama<sup>108</sup>. Persamaannya adalah dari segi peranan (fungsi) *al-,ĵnah*, iaitu sebagai tempat pelanggan mendapatkan kecairan (wang). Dalam transaksi *tawarruq munazzam*, pelanggan tidak pergi ke bank melainkan untuk mendapatkan wang. Keadaan ini dikenal pasti apabila *mutawarriq* tidak mahu menanggung perkara-perkara berkaitan penerimaan, pemindahan dan pemilikan komoditi, bahkan hanya ingin melepaskan komoditi kepada pihak lain, sekiranya komoditi dijual kepada pihak bank, maka ia merupakan suatu bentuk *al-,ĵnah* yang diharamkan. Sehubungan itu, tiada alternatif lain kecuali *mutawarriq* melantik pihak bank untuk menjual komoditi tersebut.

Sāmī Suwaylam menjelaskan lagi dalam buku *al-tawarruq al-munazzam*:<sup>109</sup> “Jika pelantikan bank sebagai wakil menjual komoditi *mutawarriq* secara tunai tidak dilaksanakan, nescaya pelanggan tidak membuat transaksi pembelian komoditi secara tangguh pada awal pemeteraian perjanjian. Sehubungan dengan itu, bank adalah tempat pelanggan mendapatkan wang. Tanpa memperoleh kecairan (wang) oleh *mutawarriq*, maka amalan transaksi ini tidak dilaksanakan. Jelaslah bahawa pihak bank diumpamakan seperti pembeli kedua (penjual asal) dalam *bay,, al-,ĵnah*. Pembelian semula secara tunai dalam *bay,, al-,ĵnah* adalah untuk memberikan kecairan (wang) kepada pelanggan. Justeru, tidak wujud perbezaan bagi pihak bank sama ada menjadi

---

<sup>108</sup>Hanā<sup>108</sup> Muḥammad Hilāl al-Ḥunayṭī, “al-Tawarruq Haqīqatuh, Anwā,uh, (al-fiqhī al-ma,rūf wa al-maşrifī al-munazzam)” (makalah, Persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Majma,, al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī kali ke-19, Emiriah Arab Bersatu, 26-30 April 2009), 36 .

<sup>109</sup> Riyād bin Rāshid ,Abdullah, *al-Tawarruq al-Maşrifī* (Qatar: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu’un al-Islāmiyyah, 2013), 201.

pembeli komoditi daripada pelanggan atau sebagai wakil. Hujah permasalahan ini adalah berdasarkan kaedah fiqhiyyah:

العِبْرَةُ فِي الْعُقُودِ وَ التَّصَرُّفَاتِ لِلْمَقَاصِدِ وَالْمَعَانِي لَا لِلْأَلْفَاظِ وَالْمَبَانِي

Terjemahan: Mengambil kira akad dan tindakan adalah dari segi tujuan dan makna, bukan dari segi lafaz dan bentuk.<sup>110</sup>

Resolusi al-Majma, al-Fiqh al-Islāmī dalam persidangan yang diadakan kali ke-17 di Mekah al-Mukarramah, pada 19 hingga 23 syawal 1424 Hijrah bersamaan 13 – 17 Disember 2003:

“Perjanjian oleh penjual mewakilkan kepada pihak lain untuk menjual komoditinya kepada pembeli yang lain atau individu/kumpulan membuat perancangan bagi membeli komoditi berkenaan telah menjadikan kontrak *tawarruq masrifī* menyamai jual beli secara *al-ḥanā* sama ada perjanjian ditulis secara jelas atau mengikut *uruf* atau adat.”<sup>111</sup>

### c. Tidak Menepati *Maṣlahah Muwakkil*<sup>112</sup>

Sāmī Suwaylam (Bekas Penasihat Syariah Bank al-Rajhi):<sup>113</sup> Bank yang memegang tugas sebagai wakil bagi pelanggannya tidak berjaya memenuhi *maṣlahah al-mustawriq* (pelanggan), beliau mengatakan bahawa bank akan menjual komoditi dengan harga yang rendah daripada harga pembelian pelanggan daripada pihak bank, adakah jual beli sebegini mendatangkan keuntungan kepada pelanggan? Tidak diragukan lagi bahawa ia merupakan suatu bentuk kerugian. Bank sebagai wakil pelanggan menjual komoditi dengan cara *khasārah* setelah bank menjual komoditi kepadanya secara jual beli

<sup>110</sup>Mohamad Akram Laldin et. al., *Islamic Legal Maxims & Their Application in Islamic Finance* (Kuala Lumpur: International Shari’ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), 2016), 46.

<sup>111</sup>Majma, al-Fiqhī al-Islāmī, “al-Qarār al-Thānī: al-Tawarruq Kamā Tajrih Ba,ḍ al-Maṣārif fī al-Waqt al-Hāḍir,” *Majallah al-Majma’ al-Fiqhī al-Islāmī* 17 (2004): 287.

<sup>112</sup>Ibrāhīm ‘Abd al-Laṭīf Ibrāhīm al-‘Abīdī, *Haqīqah Bay, al-Tawarruq al-Fiqhī wa al-Tawarruq al-Maṣrifī* (Dubai: Islamic Affairs & Charitable Activities Department, 2008), 106.

<sup>113</sup> Riyāḍ bin Rāshid ‘Abdullah, *al-Tawarruq al-Maṣrifī* (Qatar: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmiyyah, 2013), 195.

*murābahah*, adakah penerapan kontrak *wakālah* ini berjaya memenuhi kemaslahatan pelanggan? <sup>114</sup>

Kajian hukum *wakālah* yang dibuat oleh para sarjana mendapati bahawa tugas yang dilakukan oleh wakil perlu mencapai kemaslahatan *muwakkil* (pelanggan). Jika wakil membuat perkara yang memudaratkan *muwakkil*, maka wakil akan dikenakan *al-ḍamān* (ganti rugi) sebagaimana yang diterangkan oleh al-Qudāmah dan al-Bahūtī:

“Jika ia (wakil) menjual kurang daripada *thaman mithil* (harga pasaran) atau menjual kurang daripada harga yang ditentukan, maka hukumnya adalah seperti mereka yang tidak diizinkan dalam jual beli, daripada Aḥmad: Bahawa *al-bay*., adalah dibenarkan syarak dan wakil dikenakan *ḍamān* (ganti rugi) jika berlaku sebarang kekurangan” <sup>115</sup>

al-Bahūtī berkata: “Jika mana-mana wakil dan *muḍārib* (peniaga/pengusaha) menjual kurang daripada *thaman mithil* (harga pasaran) atau menjual kurang daripada harga yang ditentukan *muwakkil* atau *rabb al-māl* (pemberi modal kepada pengusaha), maka jual beli yang dilakukan adalah sah serta dikenakan *ḍamān* (ganti rugi)” <sup>116</sup>

*Mutawarriq* menanggung kerugian selepas bank menjadi wakil bagi pihaknya menjual komoditi kepada pihak lain dengan harga kurang daripada harga pembelian. Situasi yang terjadi ini adalah memenuhi kemaslahatan wakil bukan kepada *muwakkil*. Hal ini sudah menjadi *uruf* dalam amalan *tawarruq* perbankan sehingga ia disyaratkan dalam perjanjian kontrak sebagaimana kaedah fiqhiyyah menyatakan:

Kaedah fiqhiyyah:

المَعْرُوفُ عُرْفًا كَالْمَشْرُوطِ شَرْطًا

Terjemahan: Sesuatu kebiasaan umpama sesuatu yang disyaratkan. <sup>117</sup>

<sup>114</sup> Ibrāhīm „Abd al-Laṭīf Ibrāhīm al-„abīdī, *Haqīqah Bay*., *al-Tawarruq al-Fiqhī wa al-Tawarruq al-Maṣrifī* (Dubai: Islamic Affairs & Charitable Activities Department, 2008), 107.

<sup>115</sup> Abū Muḥammad „Abd Allah bin Aḥmad bin Muḥammad bin al-Qudāmah al-Maqdisī al-Ḥanbalī, *al-Mughnī* (Riyad: Dār „Ālam al-Kutub, 1997) Juzuk 7, 247.

<sup>116</sup> Maṣṣūr bin Yūnus Idrīs al-Bahūtī al-Hanbalī, *Kashshāf al-Qinā*., „an Matn al-‘Iqnā., (Beirut: „Alim al-Kutub, 1997), 3: 172.

<sup>117</sup> Rafīq Yūnus al-Miṣr, *Fiqh al-Mu„amalāt al-Māliyyah li Ṭalabah Kuliyyāt al-‘Iqtisād wa ‘Idārah* (Damsyik: Dār Qalam, 2005), 31.

Melalui kaedah yang dinyatakan di atas, pihak bank seolah-olah mensyaratkan kepada pelanggan untuk “menjual komoditi kepada bank secara *murābahah* kemudian menjadi wakil bagi pihak pelanggan untuk menjual komoditi secara *khasārah*.”

#### **d. *Gharar* pada Komoditi (*Ma‘qūd ‘Alayh*)**

*Gharar* menurut pandangan kebanyakan fuqaha<sup>118</sup> merangkumi maksud *jahālah* dan juga terdapat unsur kesamaran.<sup>118</sup> *Gharar* yang memberi kesan kepada kelangsungan akad adalah *gharar kathīr* (banyak)<sup>119</sup>, bukan *gharar yasīr* (sedikit). Pendapat ini dikemukakan oleh al-Qarāfī, Ibn Rushd al-Ḥafīd, dan al-Nawawī.<sup>120</sup>

Abu al-Walīd al-Bājī mendefinisikan *gharar kathīr* sebagai unsur kesamaran yang dominan dalam akad sehinggakan akad tersebut disifatkan kepadanya.<sup>121</sup> *Gharar* jenis ini mampu mencetuskan pertelingkahan dan mengakibatkan sesuatu akad menjadi *fāsīd*.<sup>122</sup> *Gharar yasīr* merupakan sesuatu tindakan yang boleh diterima dan bertolak ansur. Kategori ini dibenarkan menurut ijma,<sup>123</sup> dan kesan kelakuan tersebut tidak merosakkan kontrak yang telah dipersetujui.<sup>124</sup>

<sup>118</sup> Al-Ṣiddīq Muḥammad al-Amīn al-Ḍarīr, *al-Gharar fī al-,Uqūd wa Athāruh fī al-Tatbīqāt al-Mu‘āṣirah* (Jeddah: Bank Islami, 1993), 11.

<sup>119</sup> *Gharar Kathīr* atau *Fāḥish*. Lihat: Wahbah al-Zuhaylī, *al-Mu,āmalāt al-Māliyyah al-Mu,āṣirah* (Damsyik: Dār al-Fikr, 2006), 32.

<sup>120</sup> Wizārah al-Awqāf wa Shu‘ūn al-Islāmiyyah, *Mawsū,ah al-Fiqhiyyah* (Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa Shu‘ūn al-Islāmiyyah, 1988), 31:151.

<sup>121</sup> *Ibid.*

<sup>122</sup> Hussein „Azeemi Abdullah Thaidi, “Perlaksanaan Akad Pembiayaan Peribadi-i Tawarruq di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)” (disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014), 128.

<sup>123</sup> *Ibid.*

<sup>124</sup> Shams al-Dīn al-Shaykh Muḥammad al-Dusūqī, *Ḥāshiah al-Dusūqī ,alā al-Sharḥ al-Kabīr* (Kaherah: ,Isā al-Bāb al-Ḥalabī, t.t), 3: 60.



## **Gharar pada Subjek Akad (Komoditi):**

### **a) Tanpa *al-Taqābuḍ*<sup>125</sup> dan Berlaku Pertindihan Jual Beli Komoditi:**

Transaksi jual beli yang bertimbun di bursa antarabangsa menimbulkan kemusykilan kerana ia berlaku dalam masa yang amat singkat<sup>126</sup> atau secara serentak tanpa menentukan dengan jelas (kuantiti komoditi) yang menjadi hak milik kepada pelanggan.<sup>127</sup> Natijahnya membawa kepada kepincangan syarat sah jual beli, iaitu tidak menentukan komoditi yang menjadi hak milik penjual<sup>128</sup> atau pembeli. Pihak pembeli (Bank) menjual sesuatu komoditi sebelum menentukan aset tersebut menjadi hak pemilikannya<sup>129</sup> merupakan langkah yang tidak mematuhi Syariah kerana keuntungan yang dimiliki ketika itu adalah sesuatu yang tidak terjamin (tidak halal). Berdasarkan hadith nabi SAW:

لَا يَحِلُّ سَلْفٌ وَبَيْعٌ وَلَا شَرْطَانِ فِي بَيْعٍ وَلَا رَيْحٌ مَا لَمْ يُضْمَنْ وَلَا بَيْعٌ مَا لَيْسَ  
عِنْدَكَ

Terjemahan: Tidak dibenarkan menggabungkan kontrak *salaf* (hutang) berserta jual beli, tidak (halal) dua syarat dalam jual beli, tidak (halal) keuntungan sesuatu yang belum dijamin, tidak (halal) pula menjual sesuatu yang bukan milikmu.<sup>130</sup>

Penentuan bagi pemilikan subjek perlu dipastikan terlebih dahulu agar pembeli (sama ada pelanggan mahupun institusi kewangan) mampu menjual semula komoditi tersebut di pasaran. Pasaran Islam tidak membenarkan kepada pihak Bank yang membeli komoditi dalam kuantiti yang besar kemudian itu menjual semula daripada mana-mana

<sup>125</sup>*Al-Taqābuḍ* ialah serah-menyerah pertukaran daripada kedua-dua belah pihak, iaitu penjual dan pembeli. Lihat: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Glosari Muamalat* (Kuala Lumpur : QA Printers , 2009), 72.

<sup>126</sup>Riyāḍ bin Rāshid ,Abdullah, *al-Tawarruq al-Maṣrifī* (Qatar: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 2013), 209.

<sup>127</sup>Hussein ,Azeemi Abdullah Thaidi, “Perlaksanaan Akad Pembiayaan Peribadi-i Tawarruq di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)” (disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014), 65.

<sup>128</sup>Riyāḍ bin Rāshid ,Abdullah, *al-Tawarruq al-Maṣrifī* (Qatar: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 2013), 209.

<sup>129</sup>*Ibid.*

<sup>130</sup>Hadith riwayat Abū Dāud, Kitab al-Ijārah, Bab Fī al-Rajul Yabī,,Mā Lays ,Indah, no. Hadith 3504. Lihat Abū Dāud Sulaymān bin al-‘Ash,ath bin al-Ishāq al-Azdī, “Sunan Abī Dāud,” dalam *Mawsū,āt al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ,Abd al-,Azīz al-Shaykh (t.tp: Dār al-Salām, t.t), 1484.

bahagian kuantiti tersebut kepada pihak lain secara *mushā*., (rawak) tanpa memastikan terlebih dahulu pemilik komoditi berkenaan.<sup>131</sup>

*Bay*., *wa salaf* menurut al-Nawawī bermaksud jual beli yang disyaratkan di dalamnya *qard*. Definisi ini diguna pakai oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bank Negara Malaysia.<sup>132</sup> Syarat pinjaman dalam jual beli akan menghasilkan transaksi yang dilarang, iaitu *bay*., *wa salaf* sebagaimana hadith yang dijelaskan di atas. *Ilah* larangan tersebut adalah kerana mengandungi unsur riba, wujud syarat yang bertentangan dengan tuntutan kontrak jual beli, melibatkan dua kontrak dalam satu perjanjian, *jahālah* dari sudut harga jualan dan sebagai menutup jalan yang membawa kepada riba.<sup>133</sup> Resolusi MPS BNM ke 151<sup>134</sup> yang bersidang pada 30 September 2014 menyatakan tentang jual beli *tawarruq*:

Pihak Bank Islam wajib mematuhi syarat-syarat berikut;

- i. Dana pendeposit/pelanggan adalah sebagai satu amanah di bawah jagaan wakil (Pihak Bank).
- ii. Memastikan dana pendeposit tidak digunakan sebagai kontrak pinjaman (*qard*) kerana tindakan sedemikian membawa kepada transaksi *bay*., *wa salaf* yang dilarang.

Kedua-dua rangkap (i) dan (ii) di atas, ketika keadaan yang mendesak sehingga melaksanakan kontrak pinjaman secara tidak langsung (*Dimnan*) atas faktor keperluan dan sukar bagi pihak wakil mengelakkannya seperti gangguan sistem, maka situasi ini dibenarkan berasaskan kaedah fiqhiyyah:

يُغْتَفَرُ فِي الشَّيْءِ ضِمْنًا مَا لَا يُغْتَفَرُ فِيهِ قَصْدًا

Terjemahan: Dimaafkan bagi perkara yang tidak disengajakan dan tidak dibenarkan jika dilakukan secara sengaja.

<sup>131</sup> Ibrāhīm ,Abd al-Laṭīf Ibrāhīm al-,abīdī, *Haqīqah Bay*., *al-Tawarruq al-Fiqhī wa al-Tawarruq al-Maṣrifī* (Dubai: Islamic Affairs & Charitable Activities Department, 2008), 117.

<sup>132</sup> Md Nurdin Ngadimon, “*Bai*., *Wa Salaf* dan Praktis Semasa dalam Pasaran Modal Islam” (makalah, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara kali ke-11 Pasca Piawaian Syariah BNM: Antara Ideal dan Realiti, Putrajaya, 16-17 Mei 2017).

<sup>133</sup> Mahadi Ahmad dan Shamsiah Mohamad, “*Bay*., *Wa Salaf*: Analisis daripada Perspektif Fiqah” (makalah, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara kali ke-11 Pasca Piawaian Syariah BNM: Antara Ideal dan Realiti, Putrajaya, 16-17 Mei 2017).

<sup>134</sup> Portal Rasmi Bank Negara Malaysia, [http://www.sasanakijang.bnm.gov.my/index.php?ch=en\\_about&pg=en\\_sac\\_updates&ac=299&tpt=9&lang=bnm](http://www.sasanakijang.bnm.gov.my/index.php?ch=en_about&pg=en_sac_updates&ac=299&tpt=9&lang=bnm), <http://www.sasanakijang.bnm.gov.my/index.php?ch=3&pg=9&ac=299&bb=file>. (diakses pada 23 September 2017).

## b) Kerosakan Komoditi:

Wujud perbalahan dalam kalangan peniaga disebabkan tidak ada penyeliaan yang rapi terhadap penyimpanan komoditi. Keadaan ini secara tidak langsung membawa kepada kerosakan dan kebinasaan aset. „Alī Muḥy al-Dīn al-Qarahdāghī menjelaskan tentang situasi komoditi yang berada di pasaran antarabangsa:

“Aku melihat sendiri di salah sebuah tempat penyimpanan komoditi (aluminium) di Britain, pegawai urusan berkaitan *murābahah* di bank berkata kepadaku (sewaktu itu aku adalah pegawai penyelia bahagian Syariah): Lihatlah bahawa komoditi (yang dijual beli) adalah benar-benar wujud. Aku amat gembira disebabkan perkara tersebut. Kemudian, aku berjumpa dengan pegawai yang mengelolakan stor penyimpanan komoditi. Aku berkata kepadanya: boleh jelaskan secara terperinci berkaitan komoditi (aluminium) ini? Kata beliau: Aluminium Rusia ini telah berada di sini lebih daripada 10 tahun dan terdapat keaiban (kerosakan), tetapi kami mengambil faedah daripadanya dengan melakukan transaksi jual beli, mendapatkan wang hasil penjualannya dan menghantar bukti pembelian/sijil (*shahādah*)”  
135

Pengekalan komoditi dalam tempoh yang agak lama di pasaran antarabangsa telah menimbulkan permasalahan baharu yang mana berlaku pembelian aset daripada individu lain yang menawarkan harga bayaran yang lebih tinggi berbanding harga yang dibeli oleh pembeli pertama. Situasi ini mencetuskan pertelingkahan dalam kalangan peniaga kerana melakukan transaksi atas transaksi saudara yang lain. Nabi SAW telah melarang perbuatan sedemikian sebagaimana hadith riwayat Muslim:

لَا يَبِيعُ الرَّجُلُ عَلَى بَيْعِ أَخِيهِ وَلَا يَخْتَبُ عَلَى خِطْبَةِ أَخِيهِ إِلَّا أَنْ يَأْذَنَ لَهُ

Terjemahan: Seseorang dilarang menjual atas penjualan (jual beli) saudaranya dan tidak boleh melamar atas lamaran saudaranya melainkan jika mendapat keizinan.<sup>136</sup>

<sup>135</sup>, Alī al-Qarahdāghī, “*Murājah,ah FatāwāNadwāt al-Barakah*” (makalah, Persidangan Ekonomi Islam *Nadwah Barakah* kali ke-29, Jeddah, 6-7 September 2009).

<sup>136</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Nikah, Bab Tahrim al-Khitbah ,alā Khitbah “Akhīh Hatta Ya”dhan Aw Yatruk, no. Hadith 3504. Lihat Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, “*Ṣaḥīh Muslim*,” dalam *Ṣaḥīh Muslim bi Sharḥ al-Nawawī*, ed. Abū Zakariyā Muḥy al-Dīn Yaḥya bin Sharf al-Nawawī (Beirut: Dār al-Maʿrifah, 2009), 5: 201.

Melalui hadith *lā yabi,, „aū bay,, akhīh* ini, sesetengah ulama“ mentafsirkan larangan transaksi hanya kepada pembeli sahaja, tidak ditujukan kepada penjual kerana lafaz *bay,,* dalam hadith membawa maksud pembelian. Bangsa Arab apabila menyebut perkataan “*bi,,tu al-Shay*” ia memberi maksud *ishtarayt* (aku membeli sesuatu).<sup>137</sup>

#### e. Fatwa Majma,, al-Fiqhī al-Islāmī

Berikut adalah terjemahan teks yang dikeluarkan dalam persidangan kali ke 17<sup>138</sup>:

Bahawa al-Majma,, al-Fiqhī al-Islāmī li Rābiṭah al-„Ālam al-Islāmī pada persidangan yang diadakan kali ke-17 di Mekah al-Mukarramah, bertarikh 19 hingga 23 syawal 1424 bersamaan 13 – 17 Disember 2003 telah meneliti tentang *tawarruq* sebagaimana yang dilaksanakan oleh sebahagian bank pada zaman ini. Selepas mendengar dialog dan perbahasan tentang tajuk tersebut, pihak majlis mendefinisikan *tawarruq* yang dilaksanakan oleh sebahagian bank ketika ini sebagai:

Pihak bank menjalankan satu aturan transaksi jualan komoditi (bukan daripada emas atau perak) daripada pasaran antarabangsa atau selainnya kepada *mustawriq* (pelanggan/ yang mahukan wang) dengan harga secara tangguh. Kemudian, pihak bank mewakili pihak *mustawriq* menjual komoditi tersebut kepada pembeli lain dengan harga tunai sama ada ditulis dalam kontrak secara jelas atau „*urufatau* adat. Setelah itu pihak bank menyerahkan wang kepada *mustawriq*.

Selepas meneliti dan mengkaji, al-Majma,, al-Fiqhī al-Islāmī telah membuat keputusan seperti berikut:

#### **Pertama: Tidak dibenarkan mengamalkan aplikasi *tawarruq* jika mengandungi elemen-elemen berikut:**

1. Keadaan penjual yang berkomitmen mewakilkan kepada pihak lain untuk menjual komoditinya kepada pembeli lain ataupun individu mahupun kumpulan yang cuba membuat perancangan

<sup>137</sup> Ibrāhīm „Abd al-Laṭīf Ibrāhīm al-„abīdī, *Haqīqah Bay,, al-Tawarruq al-Fiqhī wa al-Tawarruq al-Maṣrifī* (Dubai: Islamic Affairs & Charitable Activities Department, 2008), 13.

<sup>138</sup> Majma,, al-Fiqhī al-Islāmī, “al-Qarār al-Thānī: al-Tawarruq Kamā Tajrīh Ba,,d al-Maṣārif fī al-Waqt al-Ḥādīr,” *Majallah al-Majma „al-Fiqhī al-Islāmī* 17 (2004): 287.

bagi membeli komoditi berkenaan telah menjadikan kontrak *tawarruq maṣrifī* seperti jual beli secara *al-ḥinah* sama ada perjanjian demikian ditulis secara jelas atau mengikut „*uruf* atau adat.

2. Muamalat ini membawa kepada pengguguran syarat *al-Qabḍ al-Shar'ī* (penerimaan komoditi) yang menjadi syarat sah bagi sesuatu transaksi.
3. Muamalat ini merupakan sejenis kontrak secara *ṣūriyyah* (صورية) dengan mempamerkan pembiayaan tunai berserta beberapa kadar penambahan. Tujuan bank melaksanakan kontrak ini adalah untuk mendapatkan penambahan atas pembiayaan yang diberikan. Hal demikian bukanlah *tawarruq* sebenar yang dikenali menurut fuqaha<sup>4</sup> sebagaimana yang dijelaskan dalam al-Majma<sup>5</sup>, al-Fiqhī al-Islamī pada persidangan kali ke 15 yang berpandangan bahawa ia adalah harus berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan. Oleh itu, terdapat perbezaan dalam kedua-dua transaksi ini dari pelbagai sudut. *Tawarruq* yang sebenar (*al-fiqhī*) adalah pembelian komoditi dengan harga tangguh dan komoditi yang dibeli oleh pembeli dimiliki dan dipegang secara hakiki (fizikal / pembeli menerima dan boleh mentasarufkan). Setelah itu pihak pembeli tadi menjual komoditinya dengan harga tunai untuk memenuhi keperluan yang diinginkan. Kadangkala, pembeli boleh memperoleh (wang) atau berlaku sebaliknya. Dalam transaksi *tawarruq maṣrifī*, pemilikan komoditi tidak diterima oleh pihak bank dalam dua bentuk jual beli, iaitu secara tangguh dan tunai. Bank hanya membina konsep *tawarruq* kepada *mutawarrīq* bertujuan untuk mendapatkan keuntungan semata-mata hasil daripada produk pembiayaan yang ditawarkan dengan cara menggunakan kontrak secara *ṣūriyyah*.

**Kedua:** Majlis al-Majma<sup>6</sup>, al-Fiqhī al-Islamī menyarankan agar semua sektor perbankan mengelakkan muamalat yang diharamkan bagi melaksanakan perintah Allah SWT.

#### 4.4.2.3 Kesimpulan Hukum *Tawarruq Maṣrifī*

Pandangan yang menolak *tawarruq maṣrifī* adalah disebabkan beberapa isu penting yang menjadikan konsep ini ditegah dan tidak mematuhi syarak, iaitu:

**Pertama:** Tujuan mengamalkan riba (*ḥīlah*)

**Kedua:** Mengamalkan *bayʿ al-ḥinah*

**Ketiga:** Tidak menepati *maṣlahah muwakkil*

**Keempat:** Tanpa penyerahan dan penerimaan komoditi secara hakiki atau hukmi.

**Kelima:** *Gharar* pada komoditi (*maʿqūd al-ḥalāl*) dan harga jualan<sup>139</sup>

Sebahagian pengkaji dan panel Syariah institusi kewangan telah mengislamisasikan *tawarruq* mengikut garis panduan syarak. MPSBNM mengeluarkan fatwa dalam mesyuarat ke-51 bertarikh 28 Julai 2005, bahawa produk pembiayaan yang berasaskan konsep *tawarruq* adalah dibenarkan.<sup>140</sup> Keputusan yang dikeluarkan itu berdasarkan dalil-dalil al-Quran yang mengharuskan jual beli tanpa berlakunya unsur riba dan berpandukan kepada kaedah fiqhiyyah “*al-ʿAḥl fī al-Muʿāmalāt al-ʿIbāḥah*”. MPSBIMB mengemukakan kenyataannya bahawa pembiayaan yang menggunakan kontrak *tawarruq maṣrifī* adalah dibenarkan dan perlu berasaskan kepada ketetapan-ketetapan (*al-ḍawābiṭ*) muamalat dalam ekonomi Islam.<sup>141</sup> Alī al-Qarahdāghī pula mengulas tentang *tawarruq* yang menepati kehendak syarak dalam bukunya *al-Tawarruq al-Maṣrifī bayn al-Tawarruq al-Mundabiṭ wa al-Tawarruq al-Munazzam Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah: “tawarruq maṣrifī yang terbentuk daripada tiga akad jual beli secara berasingan dikehendaki memenuhi rukun, syarat dan tidak melibatkan*

<sup>139</sup> Hussein „Azeemi Abdullah Thaidi, “Perlaksanaan Akad Pembiayaan Peribadi –i Tawarruq di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)” (disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014), 128-141

<sup>140</sup> Bank Negara Malaysia, *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam* (t.tp: Bank Negara Malaysia, 2010), 96.

<sup>141</sup> Tūmī Badrah dan Bawzīd Shafīqah, “Taṭbīqāt al-Tawarruq al-Maṣrifī fī al-Maṣārif al-Islāmiyyah Tajribah Maṣrif Islām Mālīziyā” (makalah, al-Muṭamar al-Dawli: Muntajāt wa Taṭbīqāt al-Ibtikār wa al-Handasah al-Māliyyah, International Shariʿah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), Algeria, 5-6 Mei 2014), 10.

larangan menurut syarak.”<sup>142</sup> Institusi-institusi kewangan yang menggunakan kontrak *bay*, *murābahah*, wajib memantau pelaksanaan akad tersebut mengikut prinsip yang digariskan oleh fuqaha” dengan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.<sup>143</sup>

#### 4.5 RUMUSAN

Tujuan transaksi *tawarruq* diperkenalkan adalah bagi memenuhi hasrat pelanggan untuk mendapatkan kemudahan tunai. Konsep ini melibatkan tiga peringkat transaksi jual beli, pertama jual beli secara tunai antara penjual asal komoditi dengan pihak pembeli pertama komoditi. Peringkat kedua; pihak pembeli pertama menjual komoditinya kepada pembeli kedua (bukan penjual asal) secara tangguh (*murābahah*). Kemudian, pada peringkat ketiga, pembeli kedua menjual semula komoditinya kepada pihak pembeli ketiga (bukan penjual asal komoditi) secara bayaran tunai. *Tawarruq fiqhī* dan *maṣrifī* merupakan transaksi yang berbeza (*al-ṭāqah al-tabāyyun*). Perbezaannya dapat dilihat dalam keterikatan antara peringkat-peringkat transaksi jual beli. *Tawarruq Fiqhī*, jual beli pada peringkat terakhir tidak terikat dengan pemeteraian jual beli pada peringkat pertama. Namun, dalam pelaksanaan *tawarruq maṣrifī*, kesemua peringkat transaksi jual beli adalah saling mengikat dan ia tidak boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak yang berakad.

Hukum pelaksanaan *tawarruq* pada bahagian pertama yang dikenali sebagai *tawarruq fiqhī* oleh para sarjana moden adalah dibenarkan menurut majoriti ulama”. Manakala, hukum bagi *tawarruq maṣrifī* atau *munazzam*, kebanyakan ulama” tidak membenarkannya. Perselisihan pandangan dalam kalangan mereka adalah bertitik tolak pada penggunaan doktrin kaedah *saddal-dharā’i*., Walau bagaimanapun, pengkaji lebih cenderung kepada pandangan yang dikeluarkan oleh MPSBNM, MPSBIMB, LFM dan

---

<sup>142</sup>,Ali Muḥyī al-Dīn al-Qarahdāghī, *al-Tawarruq al-Maṣrifī bain al-Tawarruq al-Mundabiṭ wa al-Tawarruq al-Munazzam Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah* (Beirut: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 2011), 259.

<sup>143</sup>*Ibid.*, 266.

sarjana kontemporari yang menyatakan bahawa ia diharuskan, namun perlu menjaga batas piawaian yang digariskan. Pihak LFM mengharuskan konsep *tawarruq fiqhī* dan *maṣrifī* atas dasar penghujahan berikut: <sup>144</sup> Pertama: Dalil-dalil lepas yang membenarkan *tawarruq fiqhī*. Kedua: Merupakan satu keperluan dan alternatif bagi menggantikan kontrak konvensional. Ketiga: *Tawarruq Maṣrifī* perlu melengkapkan rukun dan syarat sah dalam transaksi jual beli. Dibenarkan menggunakan kaedah *al-aṣl fī al-., uqūd lil'alfāz dūn al-ma.,ānī* dan asal (dasar) dalam akad adalah selaras dengan lunas-lunas Syariah. Kedua-dua penghujahan ini bagi menjawab persoalan yang dikemukakan oleh golongan yang menghalang pelaksanaan *tawarruq maṣrifī* kerana mendapati wujudnya helah mengamalkan riba. Niat dan tujuan merupakan perkara dalaman yang tidak boleh disingkapkan oleh mana-mana pihak. Disebabkan faktor tersebut, penggunaan lafaz diambil kira oleh Syariah dan menjadikannya sebagai hujah dan panduan. Penggunaan kaedah *saddal-dharā'i*, memerlukan pertimbangan yang seimbang, benar-benar teliti dan tidak boleh digunakan secara keterlaluan.

Penyelidik merumuskan bahawa amalan *tawarruq* yang menepati kehendak Syariah adalah berasaskan kepada keselarasan kontrak jual beli dengan mematuhi syarat-syarat yang diperuntukkan. Hadith Nabi SAW berkaitan penukaran tamar *jam*, dengan tamar *janīb* merupakan sumber hukum yang kukuh yang membenarkan aplikasi *tawarruq*. Nabi SAW mengubah proses jual beli komoditi tamar yang didapati mengandungi amalan ribawi kepada konsep Syariah yang dibenarkan sedangkan kedua-dua urusan niaga mempunyai matlamat yang sama (*al-hājah*) untuk dicapai

---

<sup>144</sup> Portal Rasmi Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah, <http://www.dar-alifta.org/AR/ViewResearch.aspx?ID=254&LangID=1> (diakses pada 9 September 2016).



## **BAB 5: APLIKASI KONTRAK *TAWARRUQ* DALAM PEMBIAYAAN MIKRO AMANAH IKHTIAR MALAYSIA (AIM)**

### **5.1 PENGENALAN**

Cetusan aplikasi *tawarruq* dalam pembiayaan mikro Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah dicadangkan sekitar tahun 2009<sup>1</sup> oleh ahli-ahli panel Syariah<sup>2</sup> apabila AIM mula menggerakkan transformasi ke arah pensijilan MS1900: 2014<sup>3</sup> dari perspektif Syariah dan menjadikannya sebagai sebuah institusi *microfinance* yang patuh Syariah sepenuhnya. Pembiayaan mikro di AIM adalah merujuk kepada Skim Pembiayaan Ikhtiar (SPI) yang berada dalam skim berkenaan wujud pelbagai produk yang ditawarkan kepada pengguna. Antara faktor kontrak *tawarruq* ini dibangunkan adalah bagi menggantikan kontrak *qard ḥasan* yang mana pada ketika itu AIM menerapkan penggunaan kaedah kadar caj yang menjadi punca pertikaian dan perbezaan pandangan dalam kalangan cendekiawan Syariah.<sup>4</sup> Pandangan yang membenarkan kadar caj pengurusan diambil adalah pada kadar kos langsung (sebenar) sahaja berdasarkan garis hukum yang dikeluarkan oleh resolusi Majma, Fiqh al-Islāmī al-Duwalī dan piawaian AAOIFI.<sup>5</sup> Kaedah pengambilan pada kadar kos sebenar juga turut berlaku perselisihan

---

<sup>1</sup> Syazana Abd Rahman (Pegawai Eksekutif Syariah, Amanah Ikhtiar Malaysia), dalam temu bual bersama penulis, 31 Mei 2016.

<sup>2</sup> Ahli-ahli panel syariah AIM; Datuk Abu Hasan bin L. Din al-Hafiz, Dato<sup>o</sup> Syed Mohd. Ghazali Wafa bin Syed Adwan Wafa, Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali, Prof. Dr. Abdul Rahim Abdul Rahman, Dato<sup>o</sup> Haji Mohd Bakir bin Haji Mansor. Lihat: Syazana Abd Rahman (Pegawai Eksekutif Syariah, Amanah Ikhtiar Malaysia), dalam temu bual bersama penulis, 31 Mei 2016.

<sup>3</sup> Manual Kualiti MS 1900, 2014 adalah piawaian versi baharu yang dijenamakan daripada MS 1900:2005 (Sistem Pengurusan Kualiti – Keperluan Menurut Perspektif Islam). Penekanan piawaian ini menitik beratkan pada aspek pengurusan nilai-nilai dalaman organisasi yang sepenuhnya mengikut keperluan Syariah. Lihat: Alwani Safiei, (Pengurus Unit Kualiti dan Dokumentasi, Amanah Ikhtiar Malaysia), dalam temu bual bersama penulis, 31 Mei 2016.

<sup>4</sup> *Ibid.*

<sup>5</sup> Resolusi Majma, Fiqh al-Islāmī al-Duwalī:

Berkaitan pengambilan caj pengurusan dalam pinjaman bagi sektor perbankan Islam:

Pertama: Dibenarkan mengambil kadar upah berkaitan pengurusan pinjaman tetapi pada had kos perbelanjaan langsung sahaja.

Kedua: Setiap penambahan atas kos perbelanjaan langsung adalah diharamkan kerana ia dianggap riba di sisi syarak. Lihat: Majma, Fiqh al-Islāmī al-Duwalī, <http://www.iifa-aifi.org/1642.html> (diakses pada 10 Oktober 2016). Piawaian AAOIFI: “Dibolehkan bagi sesebuah institusi yang menawarkan pemberian pinjaman untuk mengambil upah di atas pinjaman perkhidmatan yang ditawarkan dengan suatu jumlah yang bersamaan perbelanjaan langsung yang sebenar, dan dilarang mengambil tambahan daripada jumlah

mengenai pelaksanaannya sama ada dengan menggunakan kaedah nisbah peratusan daripada jumlah pinjaman yang diberikan atau kadar jumlah tetap (*maqtū*,).<sup>6</sup> Atas pertikaian dan kerumitan mengaplikasikan *al-qard*, AIM mencari alternatif lain yang lebih sesuai dilaksanakan dan kurang perbalahannya untuk menggantikan kontrak yang sedia ada. Hal yang sama juga berlaku kepada institusi *microfinance* lain seperti TEKUN NASIONAL yang mengubah kontrak *qard* dalam produk mikronya kepada *tawarruq* atas sebab kewujudan unsur *gharar* dalam penentuan nilai caj pengurusan mengikut kawasan.<sup>7</sup> Pemangkin perubahan kepada *tawarruq* juga adalah disebabkan wujudnya alternatif Bursa Suq al-Sila,, (BSAS)<sup>8</sup> yang menawarkan konsep pembiayaan berkonsepkan Islam dan mengenakan kadar caj yang agak murah berbanding platform lain.<sup>9</sup> Pelaksanaan *tawarruq* sebagai dasar transaksi produk banyak dilaksanakan oleh kebanyakan institusi kerana kurang kontroversi berbanding kontrak yang lain seperti *bay*, *al-ḥinah*.<sup>10</sup> Projek rintis *tawarruq* dalam produk Skim Pembiayaan Ikhtiar (SPI)

---

tersebut kerana setiap penambahan ke atas perbelanjaan sebenar adalah suatu kelakuan yang diharamkan”. Lihat: Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institution (AAOIFI), *Shariah Standard* (Bahrain: AAOIFI, 2010), 348.

<sup>6</sup> Azman Mohd Nor, “Kerangka dan Mekanisme Penentuan Kos Sebenar dalam Kewangan Islam” (makalah, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Ke-7, Hotel Fairmont, Singapura, 29-30 Mei 2013), 23.

<sup>7</sup>Hal-hal lain yang menjadi faktor perubahan *qard* kepada *tawarruq* di TEKUN NASIONAL adalah disebabkan beberapa komentar:

1. Kos langsung yang berbeza mengikut kawasan operasi.
2. Kos langsung hanya melibatkan nilai yang sangat kecil berbanding kos yang perlu ditanggung oleh TEKUN bagi menjalankan operasi.
3. Kos langsung yang terlibat perlu dinilai secara berkala dan caj yang terlibat selalu berubah mengikut perubahan kos yang ditanggung secara bulanan.
4. Adalah tidak adil pada pandangan masyarakat untuk menetapkan caj yang sama sebagai contoh bagi pinjaman RM1 000 berbanding pinjaman RM100 000.
5. Adalah tidak praktikal untuk mengenakan caj yang berbeza mengikut kawasan Parlimen berdasarkan kos pengurusan yang berbeza mengikut pejabat kawasan.
6. Penetapan nilai kos adalah berdasarkan kos bulan lepas dan yang sepatutnya caj dikenakan berdasarkan kos semasa atau kos yang akan ditanggung untuk urusan tersebut.
7. Wujudnya unsur *shubhah* dari sudut penggunaan kos sama ada langsung atau tidak langsung di kawasan, negeri dan ibu pejabat.

Azman Yusuf, (Pegawai Eksekutif Syariah, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional), dalam temu bual bersama penulis, 31 Mac 2016.

<sup>8</sup> Alwani Safiei, (Pengurus Unit Kualiti dan Dokumentasi, Amanah Ikhtiar Malaysia), dalam temu bual bersama penulis, 31 Mei 2016.

<sup>9</sup>Syazana Abd Rahman (Pegawai Eksekutif Syariah, Amanah Ikhtiar Malaysia), dalam temu bual bersama penulis, 31 Mei 2015.

<sup>10</sup> Hussein „Azeemi Abdullah Thaidi, “Perlaksanaan Akad Pembiayaan Peribadi –i Tawarruq di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)”(disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014), 85.

dilancarkan secara tidak rasmi pada Januari 2011<sup>11</sup> di negeri Kelantan<sup>12</sup> untuk melihat keupayaannya dan kesan-kesan yang baik kepada pihak Sahabat dan institusi sebelum diterapkan kontrak tersebut ke seluruh wilayah AIM. Hasil dapatan AIM, *tawarruq* terbukti dapat meningkatkan ekonomi dan taraf kemiskinan berdasarkan peningkatan prestasi ekonomi Sahabat dan kontrak ini juga mampu menyediakan modal yang lebih besar.<sup>13</sup> Lantaran impak yang positif, pada Januari 2014, seluruh wilayah AIM mula menggunakan *tawarruq* dalam kesemua produk SPI<sup>14</sup>. Jadual 5.1 menjelaskan secara umum mengenai rangkaian produk dalam SPI di AIM yang menggunakan kontrak *tawarruq*:

Jadual 5.1: Produk-Produk Skim Pembiayaan Ikhtiar Berasaskan *Tawarruq*

Bilangan	Nama Produk	Jenis Pembiayaan	Fokus Pembiayaan	Saiz Pembiayaan
1.	I-Mesra	Ekonomi	Perniagaan	RM1 000 – RM10 000 (Maksimum)
2.	I-Srikandi	Ekonomi	Perniagaan	RM11 000 – RM20 000 (Maksimum)
3.	I-Wibawa	Ekonomi	Pembiayaan bermusim. Bisnes jangka pendek	RM5 000 (Maksimum)
4.	I-Sejahtera	Sosial	Pelbagai selain tujuan menjalankan perniagaan	RM5 000 – RM10 000 (Maksimum)
5.	I-Bestari	Sosial	Pendidikan	RM1 000 – RM2 000 RM3000 – RM5 000 (Maksimum)
6.	I-Penyayang	Sosial	Pemulihan sesuatu perniagaan	RM1 000 – RM2 000 RM3000 – RM5 000 (Maksimum)
7.	I-Emas	Sosial	Pada warga emas yang berumur 75 tahun ke atas	RM2 000 (Maksimum)

Sumber: Hasil Temu Bual Bersama Pegawai AIM<sup>15</sup>

<sup>11</sup> Syazana Abd Rahman (Pegawai Eksekutif Syariah, Amanah Ikhtiar Malaysia), dalam temu bual bersama penulis, 31 Mei 2016.

<sup>12</sup> Alwani Safiei (Pengurus Unit Kualiti dan Dokumentasi, Amanah Ikhtiar Malaysia), dalam temu bual bersama penulis, 31 Mei 2016.

<sup>13</sup> *Ibid.*

<sup>14</sup> *Ibid.*

<sup>15</sup> Muhammad Mujahid Azhari (Pegawai Amanah Cawangan Kepong, Amanah Ikhtiar Malaysia), dalam temu bual bersama penulis, 22 September 2016.

Sebelum penganalisaan pematuhan *tawarruq* dalam produk SPI dikaji dengan berpandukan kepada piawaian Syariah BNM, pengetahuan dan pemahaman mengenai modus operandinya adalah satu kemestian yang perlu difahami<sup>16</sup> agar tidak berlaku kepincangan terhadap pandangan yang dikemukakan sebagaimana kaedah fiqhiyyah yang menyatakan:

الْحُكْمُ عَلَى الشَّيْءِ فَرْعٌ عَنِ تَصَوُّرِهِ

Terjemahan: Hukum atas sesuatu adalah berdasarkan kepada pengetahuan dan pemahaman<sup>17</sup> (bagi keseluruhan perkara)

AIM mengambil pandangan sarjana yang membenarkan konsep *tawarruq* serta berpegang kepada resolusi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPSBNM).<sup>18</sup> Bagi melancarkan aplikasi ini dengan lebih teratur, AIM melantik konsultan daripada Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)<sup>19</sup> sebagai pembimbing dan perunding khidmat nasihat mengenai projek berkenaan. Tiga pembahagian berkenaan modus operandi *tawarruq* dalam SPI, iaitu:

**Pertama:** Proses sebelum pelaksanaan *tawarruq* di Bursa Suq al-Sila,, (BSAS)

**Kedua:** Proses semasa pelaksanaan *tawarruq* dalam SPI di Bursa Suq al-Sila,,

**Ketiga:** Proses selepas penyempurnaan pelaksanaan *tawarruq* dalam SPI

---

<sup>16</sup> Majlis Penasihat Syariah mesti memahami sesuatu produk dan meneliti setiap dokumen yang berkaitan sebelum mengeluarkan sesuatu fatwa mengenai produk tersebut. Lihat: Mohamad Akram Laldin et. al., *Islamic Legal Maxims & Their Application in Islamic Finance* (Kuala Lumpur: International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), 2016), 7.

<sup>17</sup>*Ibid.*, 1.

<sup>18</sup> Syazana Abd Rahman (Pegawai Eksekutif Syariah, Amanah Ikhtiar Malaysia), dalam temu bual bersama penulis, 31 Mei 2016.


<sup>19</sup>*Ibid.*

## 5.2 PROSES SEBELUM KE PERINGKAT PELAKSANAAN SPI DI BURSA SUQ AL-SILA,,(BSAS)

Terdapat beberapa langkah yang disusun AIM sebelum melewati peringkat pelaksanaan *tawarruq* di Bursa Suq al-Sila". Langkah tersebut dinyatakan secara ringkas dalam

Rajah 5.1:

Rajah 5.1: Proses Sebelum Aplikasi *Tawarruq* dalam SPI dilaksanakan di Platform BSAS



Sumber: Hasil temu bual bersama Pegawai AIM<sup>20</sup>

Penerangan:

1. Proses pertama ini adalah bagi tujuan membuka kawasan baharu yang belum diterokai oleh mana-mana individu atau badan dalam bidang mikro kredit. Pegawai AIM akan membuat laporan kawasan. Kawasan yang diperhatikan adalah melihat kepada faktor kepadatan penduduk. Mereka mencari individu atau pihak yang bertanggungjawab di kawasan berkenaan seperti pihak Majlis Perbandaran, Majlis Daerah, Dewan Bandaraya dan Pejabat Tanah bagi mendapatkan maklumat penduduk dan potensi yang wujud bagi membantu mengurangkan kadar kemiskinan di kawasan berkenaan. Setelah itu, proses penggalakkan dan bancian dilakukan untuk membentuk beberapa kumpulan AIM (satu kumpulan terdiri daripada 5 orang wanita)<sup>21</sup> bertujuan untuk menubuhkan sebuah pusat AIM. Dua kumpulan AIM menjadi syarat minima

<sup>20</sup> Alwani Safiei (Pengurus Unit Kualiti dan Dokumentasi, Amanah Ikhtiar Malaysia), dalam temu bual bersama penulis, 31 Mei 2016 dan Muhammad Mujahid Azhari (Pegawai Amanah Cawangan Kepong, Amanah Ikhtiar Malaysia), dalam temu bual bersama penulis, 22 September 2016.

<sup>21</sup> Individu yang diambil untuk skim pembiayaan AIM 99% pembiayaan adalah daripada kalangan wanita. AIM telah cuba memberikan pembiayaan mikronya kepada pihak Sahabat daripada kalangan lelaki, namun kadar pembayaran semula mereka kurang daripada 70%. Kini hanya sebuah pusat di Gombak sahaja AIM tawarkan pembiayaannya kepada Sahabat lelaki. Lihat: Alwani Safiei (Pengurus Unit Kualiti dan Dokumentasi, Amanah Ikhtiar Malaysia), dalam temu bual bersama penulis, 31 Mei 2016.

bagi penubuhan sesebuah pusat.<sup>22</sup> Pusat AIM hanya berpusat di balai raya dan di kampung sahaja.

2. Setelah mencukupi lima individu dalam sebuah kumpulan. Mereka perlu menghadiri sesi pengenalan kumpulan (SPK) yang berlangsung selama sehari. Pegawai AIM yang dilantik akan membuat satu latihan yang dinamakan sebagai latihan wajib setelah proses SPK dibuat. Terdapat sebahagian PA menisbahkan latihan wajib ini sebagai PPK (proses penurunan kuasa) 1, PPK 2, dan PPK 3. Pembelajaran ini berlangsung sekurang-kurangnya selama tempoh tiga hari dan boleh dilanjutkan kepada hari yang berikut sekiranya terdapat ahli-ahli Sahabat yang kurang memahami tentang perkara yang diajarkan oleh PA. Silibus yang diketengahkan dalam sesi pembelajaran ini adalah berkaitan kaedah membuat permohonan pembiayaan, urusan hutang dan nilai amanah. Proses ini amat penting bagi melihat kewujudan kebersamaan dan sifat amanah antara ahli. Sekiranya terdapat ciri tidak amanah dalam kalangan mereka, maka proses pembubaran kumpulan akan dibuat.<sup>23</sup>
3. Setelah sesi latihan tamat, Sahabat AIM perlu menjalani ujian PPK. Kelima-lima anggota Sahabat AIM wajib lulus dalam ujian yang dijalankan bagi melayakkan mereka masuk ke pusat AIM. Sekiranya kelima-lima Sahabat AIM lulus dalam ujian tersebut, mereka akan dibawa ke sesi pengiktirafan kumpulan (PK). Ringkasnya, Sahabat AIM harus menjalani lima peringkat bagi melayakkan mereka memohon pembiayaan. Lima peringkat ini dijalankan selama lima hari, iaitu SPK (Sesi Pengenalan Kumpulan), PPK 1, PPK 2, PPK 3 dan PK (Pengiktirafan Kumpulan).

---

<sup>22</sup> Seseengah pusat AIM meletakkan 3 kumpulan sebagai syarat minima penubuhan pusat, iaitu terdiri daripada 15 anggota Sahabat. Lihat: Muhammad Mujahid Azhari (Pegawai Amanah Cawangan Kepong, Amanah Ikhtiar Malaysia), dalam temu bual bersama penulis, 22 September 2016.

<sup>23</sup> Alwani Safiei (Pengurus Unit Kualiti dan Dokumentasi, Amanah Ikhtiar Malaysia), dalam temu bual bersama penulis, 31 Mei 2016.

4. Apabila sesebuah kumpulan telah diiktiraf, mereka akan digelar sebagai kumpulan AIM dan menduduki mana-mana pusat AIM yang berdekatan. Di pusat ini, Sahabat AIM boleh mengemukakan permohonan pembiayaan untuk membiayai projek yang hendak dilaksanakan. Lima individu yang dibentuk dalam satu-satu kumpulan AIM tidak dibenarkan memohon secara bersama kerana AIM meletakkan kaedah 4 nisbah 1 bermaksud empat Sahabat memohon dan satu Sahabat lain (pengerusi kumpulan) menunda permohonannya. Langkah ini dibuat untuk tujuan pengawasan terhadap projek ahli kumpulan. Pemantauan tersebut dipanggil sebagai M5 (pengawasan projek dan pengesahan modal). Terdapat dua sesi pembentangan yang perlu dikemukakan bagi setiap Sahabat yang ingin memohon pembiayaan. Pertama; Pembentangan pada peringkat mesyuarat kumpulan. Kedua; Pembentangan pada peringkat pusat. Pembentangan di pusat AIM yang dikelolakan oleh pengerusi kumpulan tidak akan dibentangkan sebelum kelulusan pembentangan pada peringkat kumpulan dibuat. Setelah pengerusi kumpulan membentangkan permohonan yang diminta oleh ahli kumpulan dalam mesyuarat pusat dan dipersetujui oleh kumpulan lain, maka Sahabat tersebut perlu mengisi dan melampirkan beberapa dokumen penting:

- a) Borang Permohonan Skim Pembiayaan Ikhtiar (SPI BPN: P1)<sup>24</sup>
- b) Borang persetujuan melantik wakil (*wakālah* 1) dan (*wakālah* 2) (BPN: P1-KM 1) serta permohonan dan Aku Janji pembelian komoditi (*wa,d*)<sup>25</sup>
- c) Borang Koperasi AIM (Penyertaan Skim Tabung Khairat Hutang)<sup>26</sup>
- d) Salinan IC Sahabat dan Pencarum
- e) Salinan Buku Akaun Bank
- f) Salinan Lesen SSM (Suruhanjaya Syarikat Malaysia)

---

<sup>24</sup>Lihat: Lampiran D

<sup>25</sup>Lihat: Lampiran F

<sup>26</sup>Lihat: Lampiran E

g) Gambar

Permohonan yang dikemukakan oleh Sahabat dianggap sebagai satu bentuk penawaran (*'ijāb*) untuk melakukan transaksi pembelian komoditi dan penjualannya semula menerusi instrumen *wakālah*.

Kesemua borang yang diisi perlulah lengkap dan sempurna. Sekiranya tidak disempurnakan, proses jual beli komoditi tidak dilaksanakan seolah-olah Sahabat tidak bersetuju untuk melantik AIM melakukan transaksi *tawarruq*.<sup>27</sup>

Setelah borang diisi lengkap, PA akan membawa borang permohonan berkenaan ke peringkat cawangan dan memuat turun semua maklumat pemohon yang terkini ke dalam sistem SAFIS (*Sahabat Finance in System*)<sup>28</sup> dan pihak wilayah AIM akan membuka dan membuat proses *tawarruq* pembiayaan di platform BSAS. Mengikut SOP (*standard operating procedure*) AIM, tempoh jarak antara penerimaan jumlah pembiayaan Sahabat dengan proses permohonan pembiayaan yang dilakukan adalah mengambil masa selama 20 hari bagi cawangan biasa dan 28 hari di cawangan AIM yang terpencil.<sup>29</sup>

---

<sup>27</sup> Syazana Abd Rahman (Pegawai Eksekutif Syariah, Amanah Ikhtiar Malaysia), dalam temu bual bersama penulis, 31 Mei 2016.

<sup>28</sup> SAFIS adalah satu perisian yang dibina oleh AIM. Segala maklumat dan perkara berkaitan pembiayaan Sahabat menggunakan perisian tersebut. Lihat: Muhammad Mujahid Azhari (Pegawai Amanah Cawangan Kepong, Amanah Ikhtiar Malaysia), dalam temu bual bersama penulis, 22 September 2016.

<sup>29</sup> Kawasan yang terpencil seperti pulau dan tempat-tempat yang jauh. 20 hari yang ditetapkan mengambil kira tiga peringkat pemprosesan, iaitu 3 hari melalui pegawai amanah cawangan, 5 hari melalui pegawai pengurusan cawangan dan 12 hari pada peringkat pengurusan wilayah. Lihat: Muhammad Mujahid Azhari (Pegawai Amanah Cawangan Kepong, Amanah Ikhtiar Malaysia), dalam temu bual bersama penulis, 22 September 2016.





pejabat wilayah AIM sahaja bagi memudahkan gerak kerja pengurusan.<sup>31</sup> Wakil AIM yang telah dilantik, iaitu Penolong Pegawai Akaun (PPA) akan mengumpul permohonan Sahabat untuk mengetahui jumlah sebenar komoditi yang akan dibeli di platform BSAS.<sup>32</sup> Pembelian komoditi di BSAS adalah berdasarkan kepada jumlah permohonan dan aliran wang AIM. Sekiranya jumlah permohonan pembiayaan tinggi, maka proses jual beli komoditi akan kerap dilakukan sebagaimana yang berlaku di wilayah Kelantan.<sup>33</sup> Dua sistem yang digunakan dalam transaksi *tawarruq*, iaitu sistem BSAS dan *Sahabat Finance in System* (SAFIS).

Sebelum proses penempahan (pembelian) komoditi dilaksanakan, PPK<sup>34</sup> akan membentuk satu kumpulan (*Batch*) Sahabat untuk tujuan belian. Pembelian komoditi oleh AIM adalah mengikut kepada jumlah keseluruhan pembiayaan Sahabat.<sup>35</sup> *Batch* yang hendak melakukan proses jual beli secara *tawarruq* ini tidak dibenarkan melebihi nilai RM500,000. Setelah selesai pembentukan *batch*, PPA akan membuat pembelian komoditi daripada pihak pembekal komoditi *Crude Palm Oil* (CPO) di BSAS. Jual beli pada peringkat pertama ini dimeterai antara pihak AIM dengan pihak pembekal CPO. Pembekal CPO akan menjual komoditinya kepada AIM secara tunai melalui perantaraan Bursa Malaysia Islamic Services (BMIS) selaku ejen pembayaran pembekal. Pembayaran komoditi oleh AIM dikreditkan ke akaun BMIS. Ketika ini, hak milik komoditi berpindah kepada AIM. *e- Certificate*<sup>36</sup> dikeluarkan melalui sistem yang memperincikan maklumat transaksi. Maklumat-maklumat yang dilampirkan adalah

---

<sup>31</sup> *Ibid.*

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> *Ibid.*

<sup>34</sup> Penolong Pegawai Kerja atau Pembantu Amanah Akaun. Lihat: Noor Anina Mat Nordin (Pembantu Amanah Akaun, Pejabat AIM Wilayah Utara Kuala Lumpur dan Selangor), dalam temu bual bersama penulis, 22 September 2016.

<sup>35</sup> Lihat: Lampiran K

<sup>36</sup> Lihat: Lampiran H

berkaitan jenis komoditi, kuantiti dan harga. Sijil tersebut dikeluarkan sebagai bukti penerimaan komoditi oleh AIM.<sup>37</sup>

**Peringkat Kedua:**

Setelah proses pemilikan komoditi telah dilaksanakan oleh AIM. Pihak AIM yang diwakili oleh PPA akan melakukan penjualan komoditi kepada pihak Sahabat (yang diwakili oleh Penolong Pegawai Kerja (PPK)) pada harga jualan (harga pokok beserta keuntungan sebanyak 10%) secara bertanggung. Pemeteraian kontrak *murābahah* ini dimeterai berdasarkan borang kuning<sup>38</sup> yang dikeluarkan oleh AIM. Kedua-dua wakil yang dilantik melafazkan kontrak *murābahah* sebagaimana berikut:

Pihak AIM (PPA):

“Berdasarkan permohonan pembelian komoditi oleh Sahabat kepada AIM, AIM dengan ini menjual komoditi kepada Sahabat yang tersenarai dalam Senarai Jualan pada harga jualan masing-masing tertera yang meliputi harga pokok dan keuntungan AIM, tertakluk kepada syarat dan peraturan yang terkandung dalam borang permohonan”

Pihak Sahabat (PPK):

“Saya mewakili Sahabat seperti yang tersenarai dengan ini membeli komoditi tersebut dengan kaedah pembayaran tertanggung seperti yang tertera dalam jadual bayaran”

Hak pemilikan komoditi akan berpindah kepada pihak Sahabat setelah pemeteraian kontrak *murābahah* selesai dilaksanakan. Berkaitan pembayaran komoditi CPO, pihak Sahabat menjelaskan bayaran mengikut jadual bayaran yang dipersetujui. Bukti pemilikan komoditi CPO oleh pihak Sahabat dimaklumkan melalui *e-Certificate*<sup>39</sup> yang dikeluarkan melalui sistem. Maklumat-maklumat penjualan daripada sistem SAFIS

---

<sup>38</sup> Lihat: Lampiran G

<sup>39</sup> Lihat: Lampiran I

turut mengemukakan data yang terperinci mengenai perkara-perkara berkaitan nama pembeli, no. kad pengenalan Sahabat, jumlah pembiayaan yang dipohon, jenis komoditi, kuantiti minyak, kadar keuntungan yang dikenakan, tempoh pelunasan pembayaran pembiayaan serta harga jumlah (harga jualan komoditi).<sup>40</sup> Sahabat boleh mendapatkan maklumat ini daripada pihak AIM.<sup>41</sup>

### **Peringkat Ketiga:**

Pada peringkat ketiga, PPA akan memenuhi permintaan Sahabat untuk menjual komoditi CPO kepada pihak ketiga. Jualan komoditi berkenaan akan dijual kepada pihak BMIS secara tunai. Setelah pihak BMIS mendebitkan bayaran dan melunaskan bayaran kepada Sahabat (melalui AIM) secara tunai, hak pemilikan komoditi akan terus berpindah kepada BMIS. Pengesahan proses jual beli komoditi pada peringkat ini dimaklumkan menerusi *e-Certificate*<sup>42</sup> yang dikeluarkan daripada sistem bursa.

## **5.4 PROSES SELEPAS PENYEMPURNAAN PELAKSANAAN *TAWARRUQ* DALAM SPI**

Surat WP4<sup>43</sup> dikeluarkan oleh PPA dan ditandatangani oleh Pengurus Wilayah sebagai pengesahan bagi menandakan bahawa pelaksanaan *tawarruq* AIM di platform BSAS telah berakhir. Surat tersebut adalah berkaitan proses pembayaran wang ke akaun Sahabat AIM. Nilai pembiayaan yang dipohon dan diterima oleh Sahabat AIM akan ditolak dua pembayaran, iaitu caruman Tabung Khairat Hutang (TKH) dan halalkan sebanyak 1% ke dalam Tabung Kebajikan dan Kesejahteraan Sahabat (TKKS). TKH hanya diberikan manfaatnya dalam kes kematian sahaja. Potongan skim TKH

---

<sup>40</sup>Lihat: Lampiran K

<sup>41</sup>Syazana Abd Rahman (Pegawai Eksekutif Syariah, Amanah Ikhtiar Malaysia), dalam temu bual bersama penulis, 31 Mei 2016.

<sup>42</sup> Lihat: Lampiran J

<sup>43</sup>Lihat: Lampiran M

dilaksanakan ketika membuat permohonan pembiayaan dan sekiranya berlaku kematian ke atas pemohon ataupun pencarum, mereka dilindungi oleh TKH.

Berikut adalah kaedah kiraan potongan TKH:

$$0.006 \times (\text{Jumlah Kadar Pemohonan Pembiayaan} + \text{Kadar Keuntungan (10\%)}) \times (\text{Tempoh Pembayaran Pembiayaan} + 6 \text{ Bulan})^{44}$$

Seterusnya, Jadual 5.2 menunjukkan pelbagai manfaat TKKS yang layak diterima oleh Sahabat jika mendapat musibah sebagaimana yang dijelaskan. TKKS ditubuhkan pada Julai 2006 berdasarkan hasrat Sahabat-sahabat AIM melalui pelbagai usul dalam Mesyuarat Lembaga Perwakilan Sahabat. Terdapat tiga sumber dana TKKS, iaitu melalui AIM, halal 1% daripada pembiayaan Sahabat dan pembayaran Sahabat sebanyak RM24 setahun.<sup>45</sup> Penubuhan TKKS ini selari dengan tuntutan agama, nilai kemasyarakatan dan prinsip ikrar Sahabat AIM, iaitu membantu ahli kumpulan dan pusat parabola mereka jika berhadapan dengan kesukaran.<sup>46</sup>

---

<sup>44</sup> Contoh Kiraan:

0.006 x (RM7 000 + RM700) x 1.5: RM69.30. Lihat: Muhammad Mujahid Azhari (Pegawai Amanah Cawangan Kepong, Amanah Ikhtiar Malaysia), dalam temu bual bersama penulis, 22 September 2016.

<sup>45</sup> Dikutip RM12 pada bulan Januari dan RM12 pada bulan Julai. TKKS adalah satu galakan yang ditawarkan oleh AIM, Sahabat boleh mencarum pada bila-bila masa sahaja, bukan hanya disediakan ketika permohonan pembiayaan. Lihat: Muhammad Mujahid Azhari (Pegawai Amanah Cawangan Kepong, Amanah Ikhtiar Malaysia), dalam temu bual melalui telefon bersama penulis, 14 Februari 2016.

<sup>46</sup> Portal Rasmi Amanah Ikhtiar Malaysia, <https://www.aim.gov.my/khidmat/tabung-kebajikan> (diakses pada 14 Februari 2017).

Jadual 5.2: Kadar Manfaat Tabung Kebajikan dan Kesejahteraan Sahabat

Skim / Manfaat	Kadar Manfaat (RM)	
<b>Khairat Kematian:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Ahli / Sahabat</li> <li>Suami</li> <li>Anak dalam tanggungan umur di bawah 18 tahun (Bagi anak yang masih belajar sehingga 25 tahun dan anak kelainan upaya umur tidak dihadkan)</li> </ul>	RM500	RM500
	RM500	RM250
<b>Masuk Wad</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Melibatkan kes kemalangan dan semua jenis penyakit kecuali bersalin atau yang berkaitan dengan kehamilan. (Sahabat dan suami sahaja – minimum 2 hari dan maksimum 20 hari dalam setahun)</li> </ul>	RM50 (Sehari)	
<b>Sumbangan Kod Rawatan Penyakit Kronik sahaja</b> (Sahabat dan suami – perlu ada pengesahan doktor bertauliah)	Maksimum RM500 seumur hidup	
<b>Kemusnahan rumah sendiri disebabkan kebakaran tidak sengaja dan bencana alam. Tuntutan terhad 1 kali setahun (banjir, ribut dan lain-lain)</b>	Rumah Biasa (Daratan)	Rumah Air/ Setinggal/ Panjang
<ul style="list-style-type: none"> <li>Musnah keseluruhan</li> </ul>	RM10,000	RM4,000
<ul style="list-style-type: none"> <li>Musnah sebahagian termasuk kerosakan-kerosakan kecil (bergantung nilai kerosakan asas rumah sahaja tidak termasuk peralatan di dalam rumah):                             <ul style="list-style-type: none"> <li>Lebih RM15,000</li> <li>RM8,000 – RM14,999</li> <li>RM4,000 – RM7,999</li> <li>RM2,000 – RM3,999</li> <li>RM1,000 – RM1,999</li> <li>RM500 – RM999</li> <li>Bawah RM300</li> </ul> </li> </ul>	RM5,000 RM4,000 RM2,000 RM1,000 RM500 RM250 Tiada	RM3,000 RM2,000 RM1,000 RM500 RM250 RM150 Tiada
<ul style="list-style-type: none"> <li>Kemusnahan rumah sewa/ tumpangan dan terpaksa berpindah</li> </ul>	RM2,000	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Bagi kes bencana alam dan kebakaran yang besar melibatkan satu kawasan kariah yang sama secara serentak melibatkan lebih 5 buah rumah</li> </ul>	Musnah Keseluruhan = RM2,000 Nilai Kerosakan > RM10,000 = RM1,000 Kerosakan RM5,000 – RM9,999 = RM500 Kerosakan RM501 – RM4,999 = RM250 Bawah RM500 = Tiada	
<b>Bencana Besar</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kemusnahan/ kerugian rumah atau produk disebabkan bencana alam dalam satu kawasan/ tempat yang melibatkan lebih 5 orang penduduk (termasuk Sahabat dan bukan Sahabat)</li> </ul>	RM200 (sumbangan terhad sekali dalam setahun)	
<b>Kemusnahan Projek</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kemusnahan projek yang melibatkan kurang daripada 5 orang Sahabat yang berlaku dalam satu kawasan/ tempat</li> </ul>	20% daripada pembiayaan atau baki pembiayaan, yang mana terendah Minimum RM200 dan maksimum RM4,000	
<b>Sumbangan Menunaikan Ibadah Haji</b>	RM300 sekali seumur hidup	
<b>Sumbangan Anak ke IPTA/IPTS</b> (di bawah tanggungan)	RM100	

Sumber: Portal Rasmi AIM

Sebagai contoh, sekira seorang Sahabat ditimpa musibah, TKKS dan TKH yang diterima adalah sebagaimana berikut:

Sahabat AIM (seorang suami) yang meninggal dunia telah membuat pembiayaan ikhtiar RM3000 dan telah melunaskan pembayaran balik sebanyak RM1500. Isterinya akan menerima manfaat-manfaat berikut:

- 1) Pembayaran yang dijelaskan sebanyak RM1500 akan dipulangkan kembali dan baki RM1500 yang masih belum dilunaskan akan dihalalkan oleh pihak institusi.
- 2) TKH RM500<sup>47</sup> dan TKKS sebanyak RM500.

Jumlah keseluruhan penerima:  $RM1500 + RM500 + RM500 = RM 2, 500$ .

## 5.5 RUMUSAN

Melalui bab ini, dapat dirumuskan bahawa *tawarruq* dalam SPI melibatkan dua akad utama, pertama; akad *bay*, dan kedua; akad *wakālah* dan dua konsep Syariah yang bersifat sokongan, iaitu takaful<sup>48</sup> dan *wa,,d al-mulzim*<sup>49</sup>. Akad jual beli yang dilaksanakan dijalankan pada tiga peringkat secara berasingan. Pertama; jual beli secara

---

<sup>47</sup>Pemilihan kadar manfaat TKH semasa mengisi skim TKH berdasarkan kepada kadar pembiayaan Sahabat. RM3000 kebiasaannya diberikan oleh AIM adalah RM500. Lihat: Muhammad Mujahid Azhari (Pegawai Amanah Cawangan Kepong, Amanah Ikhtiar Malaysia), dalam temu bual bersama penulis, 22 September 2016.

<sup>48</sup> Dua konsep takaful dipraktikkan dalam produk SPI iaitu caruman TKH dan TKKS. TKH dilindungi hanya pada kematian sahaja manakala TKKS manfaatnya diperolehi oleh peserta selama mana menjadi ahli Sahabat AIM. Lihat: Muhammad Mujahid Azhari (Pegawai Amanah Cawangan Kepong, Amanah Ikhtiar Malaysia), dalam temu bual bersama penulis, 22 September 2016.

<sup>49</sup>*wa'd mulzim* ialah janji yang bersifat mengikat bermaksud kesan pelanggaran janji boleh dikenakan tindakan perundangan. Pandangan ini dipelopori oleh kebanyakan cendekiawan Syariah dan majlis fatwa semasa seperti Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Majma,, al-Fiqhī al-Islāmī yang diadakan pada persidangan kali ke-5, Kuwait (1988), Abd Sattar Abu Ghuddah dan sarjana feqah lain. Lihat: Portal Rasmi Majma,, al-Fiqhī al-Islāmī al-Dawli, <http://www.iifa-aifi.org/1751.html> (diakses pada 27 April 2017), Dewan Syariah Nasional MUI (Majlis Ulama" Indonesia), "Janji (*Wa'd*) dalam Transaksi Keuangan dan Bisnis Syariah" (laporan, Dewan Syariah Nasional MUI, Jakarta, 21 Disember 2012). Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia* (Kuala Lumpur: Securities Commission Malaysia, t.t),15.

*al-musāwamah*,<sup>50</sup> kedua; jual beli secara *murābahah* (harga kos berserta margin untung) dan yang ketiga; jual beli secara *tawliyyah*.<sup>51</sup>

Bab ini juga menghuraikan modus operandi dalam SPI dan dokumen-dokumen yang digunakan untuk permohonan pembiayaan. Pemilihan perkhidmatan platform Bursa Suq al-Sila, oleh AIM untuk tujuan urus niaga jual beli komoditi adalah kerana platform BSAS menawarkan kadar caj (*trading fee*) yang berpatutan berbanding platform lain.

Kaedah permohonan produk SPI berbeza dengan permohonan produk pembiayaan peribadi *tawarruq* di Institusi perbankan kerana SPI mengamalkan kaedah permohonan secara berkumpulan yang terdiri daripada lima individu yang dinamakan Sahabat. Permohonan kelima-lima Sahabat adalah mengikut kaedah 4 nisbah 1 bermaksud empat sahabat memohon dan seorang Sahabat lagi menunda permohonannya. Sahabat yang menunda permohonan haruslah memegang jawatan sebagai pengerusi kumpulan. Tujuan langkah ini dilakukan agar ketua kumpulan dapat menyelia dan membuat pengesahan modal sebagaimana yang dipohon Sahabat dengan baik.

SPI juga mampu mengurangkan bebanan pemohon dan waris melalui caruman TKH dan TKKS. TKH dan TKKS dianggap satu model takaful mikro kerana kedua-dua skim tersebut untuk golongan bawahan dengan mengenakan kadar bayaran yang mampu ditanggung oleh mereka dan perlindungannya berasaskan Syariah.

---

<sup>50</sup> Jual Beli *al-Musāwamah* ialah jual beli dengan meletakkan apa-apa sahaja kadar harga tanpa meneliti atau memandang ketetapan harga pada peringkat awal pembeliannya. Lihat: Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1985), 4: 703.

<sup>51</sup> *Bay*, *Tawliyyah*: mengikut harga jumlah asal pada peringkat awal pembelian. Lihat: Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1985), 4: 703.



## **BAB 6: ANALISIS PERBANDINGAN ANTARA KONTRAK TAWARRUQ DALAM PEMBIAYAAN MIKRO AIM DENGAN PIAWAIAN SYARIAH, BANK NEGARA MALAYSIA**

### **6.1 PENGENALAN**

Pembiayaan mikro AIM adalah merujuk kepada produk Skim Pembiayaan Ikhtiar (SPI) yang menggunakan kontrak *tawarruq* sebagai dasar transaksi. Produk SPI dijadikan kajian kes untuk tujuan analisis dan dibandingkan dengan piawaian Syariah BNM. Rujukan piawaian Syariah BNM yang digunakan adalah “*Shariah Standards and Operational Requirement*” siri pertama yang berkaitan dengan kontrak *tawarruq*. Data-data seperti dokumen, temu bual dan pemerhatian diambil di lokasi kajian bertempat di Ibu pejabat AIM, Pejabat AIM Wilayah Utara Kuala Lumpur dan Selangor, Cawangan AIM Kepong dan Bursa Malaysia Berhad, Kuala Lumpur.

Analisis *tawarruq* dalam produk SPI adalah mengikut lima tema, iaitu pertama: *ijab* dan *qabul*, kedua: komoditi, ketiga: harga, keempat: perwakilan dan kelima: pelaksanaan janji (*wa,,d*). Kelima-lima tema akan dibincangkan secara terperinci dan turut mengemukakan hujah serta pandangan ulama” sebagai rujukan bagi perkara yang dikemukakan. Tujuan analisis ini dilakukan adalah untuk mengkaji persoalan sejauh manakah praktis transaksi *tawarruq* dalam produk SPI benar-benar mematuhi kehendak piawaian Syariah BNM dan bebas daripada elemen yang dilarang dalam muamalat Islam.

Kod-kod yang telah dibina oleh penyelidik yang ditunjukkan dalam Jadual 6.1 adalah mewakili lima aspek perbincangan atau tema yang dianalisis secara deduktif.

Jadual 6.1: Lima Aspek Perbincangan dalam Garis Piawaian Syariah BNM

BIL.	KOD	SUBKOD	NO. STANDARD <sup>1</sup>	PIAWAIAN SYARIAH BNM
1.	<i>Ijab Qabul</i>	Kaedah Penawaran dan Penerimaan dalam Kontrak	S 12.1	Setiap kontrak jual beli dalam <i>tawarruq</i> hendaklah dimeterai melalui penawaran dan penerimaan antara pihak-pihak berkontrak. G 12.2 Penawaran dan penerimaan boleh dinyatakan secara lisan, bertulis atau sebarang kaedah lain yang boleh dibuktikan melalui dokumentasi atau rekod yang bersesuaian.
2.	Komoditi	Kewujudan Aset dan Dikenal Pasti	S 13.1	(a) Diiktiraf oleh Syariah sebagai sesuatu yang bernilai, boleh dikenal pasti dan boleh diserahkan; dan (b) Sudah sedia wujud dan dimiliki oleh penjual bagi setiap kontrak jual beli yang terlibat.
		Pendedahan Komoditi kepada Pelanggan	S 13.6	Penjual hendaklah menyediakan keterangan atau huraian yang terperinci berkaitan aset kepada pembeli sekiranya aset tidak disertakan dalam majlis <i>al-,aqd</i> (sesi kontrak)
		Tanpa Penglibatan Transaksi Riba	S 13.4	Aset berikut tidak boleh didagangkan dalam <i>tawarruq</i> : (a) Emas, perak dan mata wang (b) Aset yang akan dibina atau aset dalam pembinaan; dan (c) Aset bersifat hutang
		Penerimaan Komoditi	S 13.8	Pembeli hendaklah menerima penyerahan aset sebelum ia dijual kepada pihak ketiga
		Penerimaan Komoditi	S 13.9	Penerimaan aset hendaklah berbentuk <i>qabd haqiqi</i> (penerimaan fizikal) atau <i>qabd hukmi</i> (penerimaan konstruktif)
		Tanpa Pertindihan Aset	S 13.19	Aset yang merupakan subjek kepada suatu <i>tawarruq</i> tidak boleh digunakan sebagai subjek kepada <i>tawarruq</i> yang lain dalam satu-satu masa

<sup>1</sup>Simbol “S” bermaksud kewajipan yang mesti dipatuhi, ketidapatuhannya boleh mengakibatkan tindakan penguatkuasaan. Manakala, simbol “G” menandakan panduan yang terdiri daripada pernyataan atau maklumat yang bertujuan menggalakkan pemahaman yang setara dan nasihat atau saranan yang disyorkan. Lihat: Bank Negara Malaysia, *Shariah Standards and Operational Requirements* (Kuala Lumpur: International Shari,ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), 2016), 180.

Jadual 6.1: Sambungan Lima Aspek Perbincangan dalam Garis Piawaian Syariah BNM

BIL.	KOD	SUBKOD	NO. STANDARD	PIAWAIAN SYARIAH BNM
3.	Harga	Pendedahan Harga	S 14.1	Harga bagi setiap kontrak jual beli dalam <i>tawarruq</i> hendaklah ditentukan dan dipersetujui oleh pihak-pihak berkontrak semasa setiap kontrak jual beli itu dimeterai.
		Pendedahan Harga Kontrak <i>Murābahah</i>	S 14.2	Sekiranya kontrak jual beli dalam <i>tawarruq</i> dilaksanakan berdasarkan kontrak <i>murabahah</i> , keperluan berkaitan harga dalam kontrak <i>murabahah</i> hendaklah dipatuhi termasuk pendedahan harga kos dan keuntungan
4.	Perwakilan	Pelaksanaan Dwi Agensi	S 17.2	(b) Urus niaga tersebut hendaklah mengikut turutan yang sewajarnya seperti yang dinyatakan dalam perenggan 17.2 dan disokong oleh bukti yang jelas dan nyata. Perenggan 17.2: Dwi ejen boleh dilaksanakan dalam <i>tawarruq</i> . Melibatkan perkara-perkara berikut: (a) Salah satu pihak berkontrak bertindak sebagai wakil bagi pihak berkontrak yang lain untuk membeli aset; dan seterusnya beliau bertindak sebagai wakil bagi pihak yang sama untuk menjual aset tersebut kepada dirinya sendiri; atau (b) Salah satu pihak berkontrak bertindak sebagai wakil bagi pihak berkontrak yang lain untuk membeli aset daripada dirinya; dan seterusnya beliau bertindak sebagai wakil bagi pihak yang sama untuk menjual aset tersebut kepada pihak ketiga.
5.	Pelaksanaan Janji ( <i>Wa,d</i> )	Tanpa Penglibatan <i>al-Ḥinah</i>	S 18.3	Selaras dengan perenggan 11.2, <i>tawarruq</i> tidak boleh mengandungi sebarang syarat yang menghendaki pembeli berjanji agar aset tersebut dijual kepada penjual asalnya.


Sumber: Bank Negara Malaysia, *Shariah Standards and Operational Requirements*

Sekiranya didapati bahawa piawaian yang ditetapkan tidak dipatuhi dengan sempurna dan melibatkan beberapa unsur yang ditegah dalam muamalat Islam, maka kontrak yang dipersetujui diklasifikasikan sebagai eksistensi *gharar*<sup>2</sup> atau boleh mengakibatkan

<sup>2</sup> Merangkumi *gharar yasir* dan *kathir* ataupun *fahish*.

kerusakan akad.<sup>3</sup> Lihat Rajah 6.1 yang menjelaskan tentang carta alir analisis kontrak yang dilakukan.

Rajah 6.1: Tatacara Analisis



Sumber: Sa,adudīn Muḥammad al-Kibbī (2012)

<sup>3</sup> Sa,adudīn Muḥammad al-Kibbī, *Mu,āmalāt al-Māliyah al-Mu,āsirah fi Ḍaw" al-Islām* (Beirut: Penebit Maktabah Islāmi, 2012), 152.



setiap kontrak jual beli yang dimeterai dalam *tawarruq* mestilah melalui penawaran (*'ijāb*) dan penerimaan (*qabūl*) dan pelaksanaan yang digunakan berdasarkan kod G12.2:

Penawaran dan penerimaan boleh dinyatakan secara lisan, bertulis atau sebarang kaedah lain yang boleh dibuktikan melalui dokumentasi atau rekod yang bersesuaian.

#### Klausa G12.2<sup>6</sup>

SPI mengamalkan tiga transaksi jual beli, iaitu antara AIM dengan pihak pembekal CPO, AIM dengan pihak Sahabat dan transaksi terakhir antara pihak Sahabat dengan pihak BMIS. Ketiga-tiga urusan niaga ini disahkan melalui *e-certificate* yang dikeluarkan daripada sistem BSAS dan kesemua transaksi benar-benar dibuat secara berasingan berdasarkan pembuktian melalui pengamatan (observasi) penyelidik. Penggunaan keterangan secara cetakan bertulis (*kitābah*) atau rekod dokumentasi sebagai *'ijāb* dibenarkan mengikut pandangan mazhab Ḥanafī dan Mālikī.<sup>7</sup> Manakala, menurut mazhab Shāfi'ī dan Ḥanbalī, tidak membenarkan kaedah tersebut melainkan kedua-dua pihak yang berkontrak dalam keadaan tidak bersemuka (*ghā'ib*).<sup>8</sup> Bagi kaedah lafaz yang digunakan oleh SPI, khususnya dalam jual beli secara *murābahah* adalah satu langkah terbaik kerana kaedah ini tidak wujud sebarang pertikaian dalam kalangan sarjana feqah klasik mahupun moden. Namun begitu, PPA dan PPK tidak kerap menggunakan lafaz sebagai *'ijāb* dan *qabūl* semasa kontrak *murābahah* dilaksanakan. Kedua-dua wakil yang dilantik ini hanya menurunkan tandatangan pengesahan dalam lembaran kontrak sebagai tanda persetujuan transaksi. Keadaan ini juga tidak bercanggah dengan piawaian Syariah kerana masih dianggap sebagai rekod dokumentasi. Ringkasnya, penggunaan keterangan melalui rekod dokumentasi dan lisan

---

<sup>6</sup>Bank Negara Malaysia, *Shariah Standards and Operational Requirements* (Kuala Lumpur: International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), 2016), 184.

<sup>7</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1985), 4: 103.


<sup>8</sup>*Ibid.*



- (a) Diiktiraf oleh Syariah sebagai sesuatu yang bernilai, boleh dikenal pasti dan boleh diserahkan; dan
- (b) Sudah sedia wujud dan dimiliki oleh penjual bagi setiap kontrak jual beli yang terlibat.

Maklumat temu bual yang diperoleh daripada kedua-dua responden tersebut dijelaskan melalui dokumen *e-certificate* [1:1], [2:1], [3:1] dan keterangan *comodity information* [4:1] yang memaparkan data-data yang terperinci dan lengkap, iaitu nama penjual dan pembeli, nombor bidaan, masa komoditi CPO dikeluarkan, tarikh, nilai, kod produk, harga, nilai mata wang yang digunakan, jumlah, unit, jumlah isi padu, masa pengakhiran transaksi dibuat, nama pembekal komoditi, isi padu komoditi dan lokasi komoditi secara spesifik. Oleh yang demikian, tidak timbul isu *gharar* dalam komoditi kerana pihak BMIS telah berjaya menangani isu berkenaan dengan melakukan penandaan (*tagging*) bagi komoditi dan pengeluaran sijil transaksi.

### 6.1.2.2 Pendedahan Komoditi Kepada Pelanggan



Rajah 6.4: Network Pendedahan Komoditi kepada Pelanggan<sup>10</sup>

<sup>10</sup>Lihat Perincian dalam Lampiran P3



Melalui hasil analisis penyelidik yang dijelaskan dalam Rajah 6.4 di atas, SPI tidak dapat memenuhi piawaian Syariah, BNM bagi klausa S13.6 secara keseluruhan. Klausa S13.6 menyatakan bahawa:

Penjual hendaklah menyediakan keterangan atau huraian yang terperinci berkaitan aset kepada pembeli sekiranya aset tidak disertakan dalam majlis *al-,,aqd*(sesi kontrak)

Bagi pihak pembeli yang dipertanggungjawabkan melakukan transaksi *tawarruq* dalam sistem tidak menimbulkan permasalahan bagi memenuhi piawaian ini kerana mereka didedahkan dengan status komoditi sebelum melaksanakan kontrak jual beli. Permasalahan yang ditimbulkan adakah pelanggan selaku *muwakkil* mengetahui subjek yang dibeli semasa menandatangani borang *wa'd* dan *wakālah*.

PA menjelaskan kepada pihak pelanggan pada peringkat awal bahawa komoditi yang dimaksudkan adalah Minyak Sawit Mentah (CPO) [1:1]. Namun, keterangan responden tidak dapat menguatkan butiran komoditi tersebut dalam borang Aku Janji pembelian (*wa,,d*) [3:1] dan borang perlantikan *wakālah* [4:1], [5:1].<sup>11</sup> Kedua-dua dokumen mendapati bahawa status barang jualan (*ma,,qūd ,,alayh*) hanya menyatakan secara umum:

**Aku Janji Pembelian (*wa'd*):**

“Saya beraku janji untuk membeli komoditi daripada AIM pada harga jualan yang perlu dibayar mengikut syarat dan tatacara AIM”

**Pelantikan *wakālah* 1:**

“Saya dengan ini melantik (Penolong Pegawai Kerja Akaun) sebagai wakil saya untuk menyempurnakan aqad pembelian komoditi tersebut bagi pihak saya mengikut kontrak Jualan Murabahah. Saya akan mematuhi syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh AIM.”

**Pelantikan *wakālah* 2:**

“Saya dengan ini melantik (Penolong Pegawai Akaun) sebagai wakil saya menjual komoditi tersebut kepada mana-mana pihak ketiga dengan harga RM.....selepas Kontrak Jualan Murabahah disempurnakan”

---

<sup>11</sup> Lihat: Lampiran F

Sebagaimana keterangan dokumen di atas, *wakālah* yang digunakan dalam akad adalah sejenis *wakālah khāṣṣah*. *Wakālah khāṣṣah* ialah mewakilkan kepada wakil sesuatu urusan secara spesifik.<sup>12</sup> Para fuqaha<sup>13</sup> bersetuju membenarkan pelaksanaan *wakālah khāṣṣah*<sup>13</sup> dengan syarat tanpa disertai elemen *gharar kathir*.<sup>14</sup>

Berdasarkan analisis borang di atas<sup>15</sup> mengandungi kesamaran, khususnya dalam kenyataan teks “komoditi” yang dianggap sebagai *gharar yasīr* (kesamaran yang sedikit) jika disokong melalui keterangan lisan daripada Pegawai Amanah Cawangan (PA). Sekiranya PA tidak mengumumkan secara lisan tentang jenis komoditi tersebut kepada pelanggan, ia boleh menimbulkan pertelingkahan dan borang berkenaan dianggap sebagai *gharar kathīr*.<sup>16</sup> Fuqaha<sup>16</sup> bersepakat bahawa *gharar kathīr* adalah satu jenis tegahan yang amat berat dalam urusan niaga dan jika pemeteraian jual beli berlaku, ia boleh menyebabkan akad yang dipersetujui menjadi rosak (batal). Justeru itu, bagi mengelakkan kontrak terbatal mengikut syarak, pemakluman teks “komoditi” dalam borang *wa,,* dan *wakālah* wajib diterangkan oleh para PA di setiap cawangan bertujuan untuk menjadikannya sebagai *gharar yasīr* yang dibenarkan dalam kontrak menurut *ijma,,*<sup>17</sup>

---

<sup>12</sup> „Amr Muḥammad al-Amīn, “Aqd al-Wakālah fī al-Fiqh al-Islāmī Muqāranan Ma,, Qānūn al-Mu,,amalāt al-Madaniyyah li Sanah 1984” (disertasi Sarjana, Fakulti Undang-Undang, Universiti Khartoum, Sudan, 2009), 40.

<sup>13</sup> *Ibid.*

<sup>14</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1985), 5: 90.

<sup>15</sup> *Ibid.*

<sup>16</sup> Lihat: Perbahasan *gharar* pada halaman 87-88.

<sup>17</sup> Wizārah al-Awqāf wa Shu’ūn al-Islāmiyyah, *Mawsū,,ah al-Fiqhiyyah* (Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa Shu’ūn al-Islāmiyyah, 1988), 3: 151. Lihat: Perbahasan *gharar* pada halaman 90-91.



*murābahah* [7:]. Syarak membenarkan berlakunya *al-tafāḍul* (pertambahan) dan *al-nasā'* (tanggung) <sup>20</sup> dalam kedua-dua pertukaran aset yang dilaksanakan bagi kesemua pertukaran jual beli dalam SPI kerana kedua-dua jenis pertukaran tersebut didapati dari segi jenis dan *ḥillah* yang berbeza. Lihat dengan lebih jelas penerangan al-Nawawī dalam Sharḥ Muslim dan al-Muhadhdhab:

Sharḥ al-Muslim:

“Ijma,, ulama“: Dibenarkan berlakunya pertambahan dan penangguhan ke atas jual beli barangan ribawi dengan barangan ribawi yang lain yang tidak berkongsi dari segi *ḥillah* yang sama seperti emas dengan *ḥinṭah* (gandum), perak dengan *sha,ḥr* (barli) dan jenis komoditi sukatan yang lain”<sup>21</sup>

Al-Muhadhdhab:

“Dan sekiranya ia adalah sebahagian daripada barangan ribawi yang diharamkan bagi dua *ḥillah* yang berbeza seperti jual beli *ḥinṭah* (gandum) dengan emas, *sha,ḥr* (barli) dengan perak, maka transaksi tersebut dibenarkan berlakunya *al-tafāḍul* (pertambahan), *al-nasā'* (tanggung) dan berpisah sebelum proses *al-taqābud* (penerimaan). *Ijma,, al-ummah* membenarkan pertukaran emas ataupun perak dengan komoditi (yang disukat) atau komoditi (daripada makanan)”<sup>22</sup>

Justeru, pemeteraian kontrak secara *murābahah* dan bersifat tanggung yang telah dipersetujui antara pihak AIM dengan pihak Sahabat adalah tidak bertentangan dengan prinsip Syariah yang ditetapkan dalam Islam. Secara kesimpulannya, transaksi yang dibuat selaras dengan piawaian Syariah BNM klausa S13.4 dan menepati kehendak *ijma,,*

<sup>20</sup> Sa,ādudīn Muḥammad al-Kibbī, *Mu,āmalāt al-Māliyah al-Mu,āsirah fī Ḍaw' al-Islām* (Beirut: Penebit Maktabah Islāmī, 2012), 158.

<sup>21</sup> Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, “Ṣaḥīḥ Muslim,” dalam *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī*, ed. Abū Zakariyā Muḥy al-Dīn Yahya bin Sharf al-Nawawī (Beirut: Dār al-Ma,ḥrifah, 2009), 11: 9.

<sup>22</sup> Abū Ishāq al-Shīrāzī, *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi,ḥ* (Damsyik: Dār al-Qalam, 1996), 3: 65



berkenaan.<sup>24</sup> Kaedah penerimaan aset yang dilaksanakan adalah suatu bentuk penerimaan secara konstruktif (*hukmi*) dan segala transaksi jual beli yang dibuat oleh para peserta adalah diiktiraf walaupun komoditi tidak berpindah secara fizikal kepada pihak pembeli, namun perpindahan pemilikan berlaku secara risiko dan liabiliti.<sup>25</sup>

Mansūr ,Abd Laṭīf mendefinisikan pemilikan secara *hukmi* dalam keterangannya:

الْقَبْضُ الْحُكْمِيُّ هُوَ التَّقْدِيرِيُّ وَالْإِعْتِبَارِيُّ وَإِنْ لَمْ يَكُنْمُتَحَقِّقًا حَسًّا وَفِعْلًا وَيُقَامُ  
عِنْدَ الْفُقَهَاءِ مَقَامُ الْقَبْضِ الْحَقِيقِيِّ وَتَتَرْتَّبُ عَلَيْهِ آثَارُ الْقَبْضِ الْحَقِيقِيِّ لِلضَّرُورَةِ  
وَرَفْعًا لِلحَرَجِ وَالتَّيْسِيرِ عَلَى النَّاسِ

Terjemahan: Penerimaan barangan secara *hukmi* adalah suatu anggapan atau iktibar sekalipun tidak memperolehnya secara fizikal atau perbuatan. Menurut fuqaha<sup>26</sup>, penerimaan barangan secara *hukmi* mengambil kedudukan penerimaan barangan secara hakikat. Implikasinya adalah seumpama penerimaan barang secara hakiki. Langkah ini dibuat sebagai keperluan, menghilangkan kesulitan serta memudahkan gerak kerja manusia.<sup>26</sup>

Penerimaan secara *hukmi* dibenarkan syarak kerana bertepatan dengan kaedah fihiyyah:

الْعِبْرَةُ فِي الشَّرِيعَةِ لِلْمَقَاصِدِ وَالْمَعَانِي

Terjemahan: Iktibar dalam Syariah adalah seiring dengan tujuan (*maqāsid*) dan maksud (*ma'āni*).

Oleh itu, sekiranya telah mencapai maksud penerimaan barangan dan tidak wujud syubhah dalam riba, maka *qabd* adalah sah dan memadai.<sup>27</sup> Persidangan Fiqh Islam yang berlangsung di Jeddah menyatakan: *qabd hukmi* atau "*ktibārī* adalah diharuskan dan memadai seperti penerimaan cek dan sebagainya.<sup>28</sup>

<sup>24</sup>Lihat: Lampiran H, I dan J.

<sup>25</sup> Muhammad Hasan Yunus (Pengurus Unit Syariah, Bursa Malaysia Berhad), dalam temu bual bersama penulis, 30 Ogos 2017.

<sup>26</sup>Mansur ,Abd Latif, "al-Qabd wa "Atharuh fī al-,Uqūd" (disertasi sarjana, An-Najah National University, Nablus Palestin, 2000), 68.

<sup>27</sup>Wahbah al-Zuhaylī, *al-Mu,āmalāt al-Māliyyah al-Mu,āṣirah* (Damsyik: Dār al-Fikr, 2006), 42.

<sup>28</sup>*Ibid.*



*mushā*, dan hasil keuntungan yang tidak terjamin (tidak halal) berdasarkan hadith yang dibincangkan dalam perbincangan lepas.<sup>30</sup>

Transaksi dalam produk SPI dibuat mengikut prosedur yang telah ditetapkan dan secara berasingan [1:1]. Hal ini dibuktikan melalui penjelasan sijil transaksi [3:1], [4:1], [5:1] yang menyatakan tentang masa, tarikh jual beli dan waktu pengakhiran dibuat serta dikuatkan lagi dengan pengamatan penyelidik [6:1], [7:1] yang direkodkan semasa transaksi *tawarruq* dilaksanakan.

Sebagaimana langkah kontrak *tawarruq* yang dilaksanakan dalam produk SPI, PPK wilayah mengumpul semua permohonan pelanggan yang berada dalam sistem SAFIS dan mewujudkan satu *batch* (kumpulan). Setelah PPK mengetahui jumlah keseluruhan pembiayaan, PPK akan menyerahkan kepada PPA untuk membuat penawaran komoditi di Bursa. Sebaik sahaja selesai transaksi jual beli komoditi antara AIM dengan wakil pembekal CPO, pihak BSAS mengeluarkan satu sijil transaksi (*e-certificate*) yang mengandungi butiran lengkap berkaitan komoditi yang telah dibeli dan menjadi milikan pembeli. Situasi ini juga turut dipraktikkan pada peringkat jual beli kedua dan ketiga bahawa *e-certificate* dikeluarkan sejurus transaksi jual beli dibuat.

Justeru, anggapan pertindihan komoditi dalam produk SPI adalah tidak berlaku sama sekali kerana komoditi yang dibeli telah menjadi milik pembeli dan komoditi tersebut tidak dibenarkan dijual kepada mana-mana pihak melainkan melalui persetujuan (*agreement*) dan tindakan pemilik. Walau bagaimanapun timbul satu isu yang perlu dikaji dan diteliti semula iaitu jual beli komoditi diantara AIM dengan Sahabat yang kelihatan dijalankan secara spesifik, hasil pengamatan dalam lampiran SAFIS mendapati bahawa tiada penentuan CPO dibuat lantas boleh menyebabkan jual beli berlaku secara *mushā*,

---

<sup>30</sup>Lihat: Perbincangan lepas, halaman 88-89.



Didapati BSAS tidak mengadakan transaksi jual beli komoditi yang menyalahi mana-mana prinsip Syariah, termasuk permasalahan “pertindihan aset” atau menjual komoditi yang tidak dipastikan status pemilik. Ini berasaskan peruntukan 201.2 (2)(a) (Pengauditan Syariah), 303.3 (1) (Perjanjian Peserta Pedagang Komoditi dengan Pelanggan) dan 601.1 (1) (Jualan Komoditi yang diluluskan kepada BMIS):

“2. Komoditi yang diluluskan adalah:

(a) Aset yang mematuhi kehendak syarak (Ditentukan oleh Ahli Jawatankuasa Syariah BMIS)

Klausa 201.1 (2) (a)<sup>31</sup>

“CTP (Peserta Pedagang Komoditi) perlu membuat perjanjian (persetujuan) dengan pelanggan sebelum menjalankan urusan niaga bagi membolehkan CTP melaksanakan tugasnya seperti yang disebut dalam peraturan 303.2(1)(a)-(e). Perjanjian tersebut termasuk kandungan yang dinyatakan oleh BMIS dan mesti diselaraskan bagi keperluan Syariah CTP”

Klausa 303.3 (1)<sup>32</sup>

Hanya pemilik dikenal pasti sahaja boleh melakukan tawaran jual beli komoditi kepada BMIS berasaskan kepada spesifik yang telah ditetapkan.

Klausa 601.1 (1)<sup>33</sup>

Menurut peraturan Bursa Suq al-Sila,, (BSAS) (rule 201.2 Shariah Audit), pihak BMIS menyediakan khidmat bimbingan pengauditan Syariah kepada mana-mana peserta mengenai isu komoditi di Bursa.<sup>34</sup> Bagi peserta iaitu, pedagang komoditi seperti institusi kewangan yang hendak melakukan pengauditan Syariah boleh membuat penilaian Syariah sebanyak dua kali dalam tempoh setahun berkaitan transaksi yang

<sup>31</sup>Portal Rasmi Bursa Malaysia, <http://www.bursamalaysia.com/market/regulation/rules/bursa-malaysia-rules/islamic-markets/rules-of-bursa-suq-al-sila/> (diakses pada 20 Januari 2017). Lihat: Rules of Bursa Suq al-Sila,, Kemaskini: 26 September 2016, Chapter 2 Administration (rule 201.2 Shariah Audit), 11.

<sup>32</sup>Portal Rasmi Bursa Malaysia, <http://www.bursamalaysia.com/market/regulation/rules/bursa-malaysia-rules/islamic-markets/rules-of-bursa-suq-al-sila/> (diakses pada 31 Januari 2017). Lihat: Rules of Bursa Suq al-Sila,, Kemaskini: 26 September 2016, Chapter 3 Participantship (Rule 303.3 Commodity Trading Participant’s Client Agreement), 29.

<sup>33</sup>*Ibid.* Lihat: Rules of Bursa Suq al-Sila,, Kemaskini: 26 September 2016, Chapter 6 Rules For Trading Transactions With BMIS (Rule 601.1 Sale Of Approved Commodity To BMIS), 40.

<sup>34</sup>Portal Rasmi Bursa Malaysia, <http://www.bursamalaysia.com/market/regulation/rules/bursa-malaysia-rules/islamic-markets/rules-of-bursa-suq-al-sila/> (diakses pada 20 Januari 2017). Lihat: Rules of Bursa Suq al-Sila,, Kemaskini: 26 September 2016, Chapter 2 Administration (rule 201.2 Shariah Audit), 11.

dilakukan dengan pembekal-pembekal komoditi.<sup>35</sup> Hasil dapatan temu bual dengan Pegawai Syariah AIM,<sup>36</sup> didapati bahawa pihak AIM hanya melakukan rundingan bersama pihak Bursa pada tahun 2012 dan 2013 pada peringkat awal pembinaan *tawarruq* dan ketika itu tidak membincangkan tentang pengauditan Syariah komoditi seperti melakukan lawatan ke lokasi pembekal komoditi dan meneliti laporan penyimpanan minyak.

Oleh itu, dirumuskan bahawa walaupun tidak berlaku pertindihan komoditi mengikut langkah-langkah prosedur yang dibuat dan dibuktikan dengan pemilikan komoditi berkenaan secara konstruktif, namun secara praktikalnya AIM perlu membuat pemantauan, khususnya isu-isu komoditi dengan cara melakukan pengauditan Syariah secara berkala sebagaimana saranan pihak Bursa agar proses *tawarruq* dalam talian adalah mematuhi Syariah dari segi amalan.

---

<sup>35</sup>*Ibid.*

<sup>36</sup>*Ibid.*





Rajah 6.9 menunjukkan bahawa pemeteraian kontrak *murābahah* dalam SPI dibuat menggunakan dua sistem yang mana kedua-duanya mengeluarkan keterangan sijil transaksi sebagai rekod dokumen pertama; *e-certificate* melalui sistem BSAS [1:1] dan kedua; senarai pembelian dan penjualan melalui sistem SAFIS [2:1]. Hasil daripada analisis mendapati bahawa kedua-dua sistem tidak berjaya memenuhi keseluruhan ketetapan yang diperuntukan dalam klausa S 14.2:

mensyaratkan bahawa harga bagi kontrak jual beli yang dilaksanakan berasaskan kontrak *murābahah* hendaklah mendedahkan (*disclosure*) harga jualan termasuk harga kos dan keuntungan.

SAFIS<sup>40</sup> tidak menepati isu pendedahan harga jualan, manakala *e-certificate* BSAS pula tidak mendedahkan harga jualan dan berkaitan harga kos serta keuntungan. Harga jualan (*tasmiyyah al-thaman*) dalam dokumen *e-certificate* dan SAFIS dilihat sama nilainya dengan jumlah pembiayaan (harga asal). Transaksi yang tidak mendedahkan harga jualan komoditi dalam pemeteraian kontrak *murābahah* boleh menimbulkan elemen *gharar* kepada pihak pelanggan dan merosakkan kesahihan akad menurut pandangan majoriti ulama<sup>41</sup> daripada mazhab Ḥanafī<sup>42</sup>, Mālikī<sup>43</sup>, Shāfi<sup>44</sup> dan Ḥanbalī<sup>45</sup> kerana wujud *al-jahālah* (ketidaktahuan sifat) yang membawa kepada

---

<sup>40</sup>Perisian SAFIS dilancarkan penggunaannya pada awal tahun 2016. Lihat: Syazana Abd Rahman (Pegawai Eksekutif Syariah, Amanah Ikhtiar Malaysia), dalam temu bual melalui telefon bersama penulis, 12 Disember 2016.

<sup>41</sup>Al-Ṣiddīq Muḥammad al-Amīn al-Darīr, *al-Gharar wa athāruh fī al-Uqūd fī al-Fiqh al-Islāmī* (t.tp: t, 1990), 275.

<sup>42</sup>Ibn Ḥabīb, *Radd al-Mukhtār ,alā al-Durr al-Mukhtār Sharḥ Tanwīr al-Abṣār* (Riyad: Dār al-Ḥadīth al-Ḥalabī, 2003), 7: 15.

<sup>43</sup>Shams al-Dīn al-Shaykh Muḥammad al-Dusūqī, *Hāshiah al-Dusūqī ,alā al-Sharḥ al-Kabīr* (Kaherah: ,Isā al-Bāb al-Ḥalabī, t.t), 3: 159

<sup>44</sup> Shamsuddin Muḥammad bin al-Khatīb al-Sharbinī, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma,rifah Ma,ānī al-Fāz al-Minhāj* (Beirut: Dār al-Ma,rifah, 1997), 2: 103.

<sup>45</sup>Manṣūr bin Yūnus Idrīs al-Bahūtī al-Hanbalī, *Kashshaf al-Qinā,, ,an Matn al-'Iqnā,,* (Beirut: ,Alim al-Kutub, 1997), 2: 462

pertikaian. Bagi pendapat Ibn al-Taymiyyah dan Ibn al-Qayyim, mereka membenarkan jual beli tanpa menjelaskan kadar harga jualan.<sup>46</sup>

Dalam hal ini, dapatan kajian menunjukkan bahawa pendedahan harga jualan secara *murābahah* melalui sistem SAFIS dan *e-certificate* merupakan *gharar yasīr* yang tidak mencetuskan pertelingkahan dan kecacatan akad kerana disokong oleh keterangan responden [6:1], borang permohonan Sahabat [5:1] dan P1L5 [4:1] yang menjelaskan secara terperinci berkaitan harga jualan yang perlu dibayar kepada pihak AIM.<sup>47</sup> Ini selari dengan kaedah fiqhiyyah yang menyatakan:

إِذَا زَالَ الْمَانِعُ عَادَ الْمَمْنُوعُ

Terjemahan: Apabila sesuatu halangan dapat dihilangkan, maka hukum Syariah yang asal dikembalikan (harus).<sup>48</sup>

*Gharar yasīr* dalam sistem SAFIS tetap wujud sehinggalah pihak AIM berjaya mengemaskini status harga jualan berkenaan secara jelas. Sebelum penggunaan sistem SAFIS, AIM menggunakan perisian Sistem Maklumat Ikhtiar Cawangan (SMIC). Perisian tersebut lebih mematuhi kehendak Syariah berbanding perisian SAFIS kerana jika diperhatikan dalam dokumen berkenaan, SMIC berjaya mencapai klausa piawaian BNM, iaitu mendedahkan harga jualan, kos asal serta keuntungan yang diambil oleh AIM.<sup>49</sup> Dapatan kajian ini disokong dengan hasil temu bual bersama Pegawai Syariah AIM<sup>50</sup> bahawa pembinaan sistem SAFIS yang baharu diwujudkan pada awal tahun 2016 tidak dikemukakan terlebih dahulu kepada unit Syariah yang dikelolakan oleh Pegawai Syariah AIM. Pemantauan terhadap sistem tersebut belum dilakukan lagi dan kali terakhir pemantauan keseluruhan operasi hanya dibuat pada awal pelaksanaan

---

<sup>46</sup> Al-Ṣiddīq Muḥammad al-Amīn al-Darīr, *al-Gharar wa athāruh fī al-Uqūd fī al-Fiqh al-Islāmī* (t.tp: t, 1990), 277.

<sup>47</sup> Lihat: Lampiran D dan N.

<sup>48</sup> Mohamad Akram Laldin et. al., *Islamic Legal Maxims & Their Application in Islamic Finance* (Kuala Lumpur: International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), 2016), 123.

<sup>49</sup> Lihat: Lampiran L.

<sup>50</sup> Syazana Abd Rahman (Pegawai Eksekutif Syariah, Amanah Ikhtiar Malaysia), dalam temu bual melalui telefon bersama penulis, 12 Disember 2016.

kontrak *tawarruq* yang dibimbing oleh konsultan BIMB dan segala gerak kerja pada ketika itu ditashihkan oleh ahli panel Syariah AIM, termasuk pelaksanaan sistem SMIC.

Bagi *e-certificate* pula yang dikeluarkan daripada sistem BSAS tidak menimbulkan pertikaian isu Syariah kerana hasil temu bual bersama pihak Bursa mendapati bahawa pihaknya memberi pilihan kepada AIM sama ada mendedahkan harga keuntungan yang diambil atau tidak mendedahkan dalam keterangan sijil. Sekiranya AIM tidak mahu nilai keuntungan didedahkan, maka sijil tersebut akan kekal menyatakan nilai kos asal sebagaimana yang dipraktikkan oleh AIM kini.<sup>51</sup> Keputusan AIM mengenai pilihan tersebut dibuat agar pihak ketiga tidak dapat mengetahui kadar keuntungan yang diambil.<sup>52</sup>

---

<sup>51</sup> Shamsul Akmal Ahmad (Pengarah Pasaran Modal Islam, Bursa Malaysia Berhad), dalam temu bual bersama penulis, 30 Ogos 2017.

<sup>52</sup> *Ibid.*





melantik IK menjual komoditi semula kepada pihak ketiga dan seterusnya menyerahkan amaun nilai berkenaan kepada pelanggan.

Dalam Rajah 6.10, produk SPI menggunakan *dual agency* yang diluluskan oleh MPSBNM<sup>54</sup> dan secara tidak langsung telah berjaya memenuhi garis piawaian S 17. 3 (b) kerana hasil temu bual bersama penyelidik<sup>55</sup>, pemeteraian *ījāb* dan *qabūl* dalam SPI dibuat oleh dua orang wakil [1:1] yang mana Sahabat AIM membuat penyerahan perlantikan pembelian komoditi kepada institusi AIM dengan melantik PPK sebagai ejen bagi pihaknya dan melantik PPA sebagai wakil dalam urusan penjualan semula komoditi kepada pihak ketiga. Keterangan responden ini dibuktikan melalui borang *wakālah* yang ditandatangani oleh pihak Sahabat beserta seorang saksi [3:1], [4:1].

Hasil dapatan kajian mendapati bahawa wakil yang membeli komoditi secara *murābahah* daripada AIM dan menjual kembali komoditi kepada pihak ketiga adalah individu yang berasingan, bukan wakil yang sama. Transaksi *wakālah* ini bukan sahaja mencapai kehendak piawaian BNM, bahkan juga menepati tuntutan prinsip muamalat Islam kerana bebas daripada unsur *bay,, wakīl li nafsih*<sup>56</sup> dan selaras dengan prinsip *Shariah Standard* AAOIFI No. 23:<sup>57</sup>

---

<sup>54</sup> Bank Negara Malaysia, *Shariah Standards and Operational Requirements* (Kuala Lumpur: International Shari,ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), 2016), 189.

<sup>55</sup>Syazana Abd Rahman (Pegawai Eksekutif Syariah, Amanah Ikhtiar Malaysia), dalam temu bual bersama penulis, 31 Mei 2016.

<sup>56</sup>Berlaku perselisihan ulama” berkaitan isu *bay,, wakīl li nafsih*. Pandangan majoriti fuqaha” mazhab Ḥanafi, Shāfi”ī, Ḥanbālī dan muktamad mazhab Mālīki tidak membenarkan *bay,, wakīl li nafsih*. Menurut mazhab Ḥanafi dan Shāfi”ī: „*illah* hukum berkenaan adalah kerana seseorang individu tidak boleh menggalas status pembeli dan penjual dalam waktu yang sama. Fatwa Bank al-Baraka (Dallah al-Baraka) (15/1): menyatakan jika wakil mengadakan transaksi dengan dirinya sendiri, maka jual beli tersebut dibenarkan sekiranya mendapati *muwakkil* telah menetapkan ketentuan harga ke atas aset. Fatwa Qatar Islamic Bank dan Kuwait Finance House: membenarkan *bay,, wakīl li nafsih*. Lihat: „Abd Sattar Abu Ghuddah, “al-Sil,jy al-Dawliyyah wa Dawābiṭ al-Ta,āmul fiḥā” (makalah, Muktamar Majma” al-Fiqh al-Islāmī kali ke-16, Dubai, 14 April 2005), 16. Portal Rasmi Maybank, [http://www.maybank2u.com.my/iwov-resources/islamic-my/document/my/en/islamic/scoe/fatwa/Arabic\\_Issue13\\_Fatwa2.pdf](http://www.maybank2u.com.my/iwov-resources/islamic-my/document/my/en/islamic/scoe/fatwa/Arabic_Issue13_Fatwa2.pdf) (diakses pada 27 April 2017).

<sup>57</sup> Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institution (AAOIFI), *Shariah Standard*, (Bahrain: AAOIFI, 2010), 418.

Tidak dibenarkan bagi wakil melaksanakan akad bersama dirinya, dan bersama anaknya yang masih berada di bawah tanggungan (*guardianship*) dan bersama rakan kongsinya (*partner*) dalam satu kontrak (satu pekerjaan).

Klausa 6/1/2

Seseorang Ejen tidak dibenarkan memikul tugas *wakālah* bagi kedua-dua peserta yang melakukan sesuatu transaksi.

Klausa 6/1/3

Amalan kontrak perwakilan yang diaturkan dalam produk SPI menurut penyelidik adalah satu doktrin *dhari,ah* yang dibenarkan<sup>58</sup> memandangkan tujuan penggunaan *wakālah* tersebut untuk *maṣlahah* pihak pelanggan agar Sahabat AIM atau peserta tidak perlu bersusah payah mencari wakilnya untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga. Manakala, bagi *maṣlahah* AIM pula dapat memastikan aturan tersebut dapat memberi perkhidmatan kecairan wang berasaskan Syariah kepada golongan PKS dengan lancar dan mudah.

---

<sup>58</sup> Lihat: Perbincangan lepas, halaman 80-83.



Dalam praktik produk SPI, setelah Sahabat membeli komoditi secara jual beli *murābahah* daripada AIM, Sahabat akan menjual semula aset berkenaan kepada pihak BMIS.<sup>60</sup> BMIS bukanlah daripada kalangan penjual asal komoditi pada peringkat awal kontrak jual beli dan pada peringkat kedua transaksi.

Semasa jual beli yang berlaku pada peringkat pertama, pihak BMIS terlibat dalam urusan niaga bersama AIM. Namun, ia hanya sekadar ejen pembekal CPO menjual komoditinya kepada pihak AIM sahaja. Justeru itu, tidak timbul unsur *al-,īnah* yang ditentang oleh kebanyakan ulama”.

Amalan *tawarruq* yang dijalankan oleh SPI ini juga bertepatan dengan piawaian Syariah AAOIFI no. 30<sup>61</sup> bahawa Sahabat tidak menjual asetnya kepada pihak AIM:

Jual beli komoditi (*object of Monetization*) perlu dijual kepada selain penjual yang dibeli secara tangguh atau kepada pihak ketiga untuk mengelakkan elemen *al-,īnah* yang dilarang dan tidak dikembalikan kepada penjual tersebut sama ada melalui perjanjian atau persepakatan (*muwāta”ah*) atau kebiasaan urusan niaga semasa.

Klausa 4/5

Namun begitu, proses transaksi *tawarruq* tidak terhenti pada pihak BMIS yang dianggap sebagai pembeli terakhir kerana setelah itu BMIS menjual komoditi berkenaan kepada peserta-peserta berdaftar dalam sistem BSAS secara rawak sama ada komoditi kembali dibeli oleh penjual asal atau kepada peserta lain.<sup>62</sup> Transaksi dalam plot ini bergantung kepada sistem yang menentukannya dalam menjalankan jual beli komoditi. Situasi mengembalikan komoditi kepada penjual asal menyebabkan isu *al-,īnah* ditimbulkan oleh para Sarjana. Melalui platform BSAS, amalan sedemikian tidak berlaku secara kerap dan keberangkalan *al-,īnah* masih dikawal dan dikurangkan dengan penambahan peserta-peserta pedagang komoditi oleh pihak Bursa Malaysia.

---

<sup>60</sup> Lihat: Lampiran J

<sup>61</sup> Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institution (AAOIFI), *Shariah Standard*, (Bahrain: AAOIFI, 2010), 526.

<sup>62</sup> Muhammad Hasanan Yunus (Pengurus Unit Syariah, Bursa Malaysia Berhad), dalam temu bual bersama penulis, 30 Ogos 2017.

Pihak Bursa cuba menangani isu ini melalui penambahbaikan sistem sedia ada dengan mengeluarkan penjual asal daripada senarai pembeli dalam transaksi bersama pihak BMIS.<sup>63</sup> Langkah tersebut sekaligus dapat menghilangkan kewujudan *al-,inah*. Walaupun didapati kadangkala sistem menentukan jualan komoditi dikembalikan kepada penjual asal, namun *al-,inah* masih dalam kerangka yang dibenarkan mengikut pandangan al-Shāfi,<sup>64</sup> dan ibn Ḥazm al-Zāhiri<sup>64</sup> kerana *illah* larangan tidak didapati buktinya tiada persepakatan awal dibuat dalam akad dengan mensyaratkan bahawa pembeli komoditi terakhir adalah pihak AIM ataupun penjual asal komoditi. Tujuan pihak Bursa mewujudkan BSAS sebagai platform kecairan tunai adalah semata-mata untuk memenuhi keperluan industri perbankan Islam dan alternatif mengelakkan pinjaman secara riba diambil oleh pelanggan. Oleh itu, berdasarkan pembuktian dalam kajian ini maka tidak benar mentohmahkan *tawarruq* dalam SPI sebagai helah mengadaptasikan riba.

Isu Syariah *bay,, wa salaf*<sup>65</sup> juga tidak berlaku dalam SPI kerana penerimaan wang pembiayaan yang dipohon oleh Sahabat diterima setelah surat WP4<sup>66</sup> dikeluarkan oleh PPA pada hari transaksi *tawarruq* dibuat. Sahabat menerima wang pada hari berkenaan<sup>67</sup> dan sebelum dana Sahabat diserahkan, pihak AIM tidak melakukan sebarang pelaburan<sup>68</sup> atau apa-apa bentuk transaksi jual beli yang boleh membawa kepada dana Sahabat dianggap sebagai *qard*.

---

<sup>63</sup> *Ibid.*

<sup>64</sup> Lihat: Perbincangan lepas, halaman 82.

<sup>65</sup> Lihat: Perbincangan lepas, halaman 89.

<sup>66</sup> Lihat: Lampiran M

<sup>67</sup> Robeah Baharuddin (Penolong Pegawai Akaun, Pejabat AIM Wilayah Utara Kuala Lumpur dan Selangor), dalam temu bual melalui telefon bersama penulis, 21 September 2017.

<sup>68</sup> Syazana Abd Rahman (Pegawai Eksekutif Syariah, Amanah Ikhtiar Malaysia), dalam temu bual melalui telefon bersama penulis, 12 Disember 2016.

## 6.2 RUMUSAN

Kontrak *tawarruq* dilaksanakan adalah memenuhi ruang keperluan semasa dan kurang pertikaian hukum dalam kalangan ulama<sup>6</sup>. Kontrak Syariah ini telah berjaya dilaksanakan dalam produk SPI dengan baik. Penggunaan kontrak *tawarruq* ini menunjukkan bahawa perkembangan kewangan Islam di AIM telah melalui fasa yang amat baik dan memberangsangkan dan ia perlu diteruskan dengan meneroka pelbagai model dan mekanisme yang boleh dilaksanakan.

Kesimpulan bagi analisis yang dijalankan terhadap produk SPI mendapati bahawa SPI selaras dengan *Standard Shariah* BNM bagi lapan piawaian, manakala baki tiga piawaian, iaitu S 13.6, S 14.1 dan S 14.2 tidak dapat dipenuhi dengan sempurna. Ketiga-tiga piawaian tersebut berkaitan dengan aspek komoditi dan harga. Keputusan analisis diterangkan oleh penyelidik dalam Jadual 6.2 di bawah.

Jadual 6.2: Keputusan Analisis Kontrak *Tawarruq* dalam Skim Pembiayaan Ikhtiar Berdasarkan Garis Piawaian Syariah BNM

BIL.	KOD	SUBKOD	NO. STANDARD (SHARIAH BNM)	KESELARASAN	KESAN
1.	<i>Ijab Qabul</i>	Metode	S 12.1	√	Patuh Syariah
2.	Komoditi	Kewujudan Aset dan Dikenal Pasti	S 13.1	√	Patuh Syariah
		Pendedahan Komoditi kepada Pelanggan	S 13.6	X	Eksistensi <i>Gharar</i>
		Tanpa Penglibatan Transaksi Riba	S 13.4	√	Patuh Syariah
		Penerimaan Komoditi	S 13.8	√	Patuh Syariah
		Penerimaan Komoditi	S 13.9	√	Patuh Syariah
		Tanpa Pertindihan Aset	S 13.19	√	Patuh Syariah
3.	Harga	Pendedahan Harga	S 14.1	X	Eksistensi <i>Gharar</i>
		Pendedahan Harga Kontrak <i>Murābahah</i>	S 14.2	X	Eksistensi <i>Gharar</i>
4.	Perwakilan	Pelaksanaan Dwi Agensi	S 17.2	√	Patuh Syariah
5.	Pelaksanaan Janji ( <i>Wa'd</i> )	Tanpa Penglibatan Unsur <i>al-Īnah</i> yang Ditegah	S 18.3	√	Patuh Syariah

Sumber: Hasil Perbincangan dalam Bab Enam

Ringkasnya, isu Syariah yang tidak menepati piawaian BNM secara sempurna adalah dalam isu pendedahan harga dalam kontrak *murābahah* dan pendedahan komoditi kepada pelanggan. Kedua-duanya didapati membawa kepada eksistensi *gharar*. Namun, tidak mengakibatkan pembatalan akad.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa dua dokumen tidak mendedahkan secara terperinci mengenai status komoditi iaitu, borang *wa,,d* dan *wakālah*. Kedua-duanya dianggap *gharar yasīr* dan berkemungkinan boleh membawa kepada *gharar fāhish* sekiranya Pegawai Amanah cawangan tidak memaklumkan mengenai maklumat komoditi berkenaan.

Manakala, bagi isu pendedahan harga dalam kontrak *murābahah* pula kajian mendapati bahawa rekod dokumen SAFIS dan *e-certificate* BSAS mengandungi elemen *gharar yasīr*. Namun begitu, elemen tersebut tidak menyebabkan akad terbatal kerana hasil analisis walaupun terdapat kesamaran dalam kedua-dua dokumen, namun pendedahan harga diselesaikan dengan dikuatkan melalui pembuktian lain seperti keterangan dalam borang permohonan pembiayaan Sahabat, penjelasan responden dan dokumen P1L5 Tawarruq yang menjelaskan bahawa harga *murābahah* dinyatakan dari segi harga jualan, kos asal dan kadar keuntungan. Kajian juga menunjukkan terdapat elemen tidak telus kerana *e-Certificate* BSAS tidak mendedahkan harga secara *murabahah* kerana memenuhi kehendak AIM agar kadar keuntungan yang diperoleh AIM tidak diketahui daripada pihak ketiga.

Penggunaan sistem SAFIS perlu dikemaskini dan dipantau semula kerana wujudnya *gharar yasir* berkaitan pendedahan harga. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Sistem Maklumat Ikhtiar Cawangan (SMIC) lebih mematuhi ketetapan Syariah berbanding penggunaan SAFIS.



## BAB 7: RUMUSAN DAN CADANGAN

### 7.1 PENGENALAN

Bab ini merumuskan perbincangan keseluruhan hasil dapatan yang telah dijalankan dan mengemukakan beberapa cadangan. Kesimpulan dibuat berdasarkan tiga dapatan kajian utama, iaitu *tawarruq* menurut perspektif Syariah, aplikasi *tawarruq* dalam pembiayaan mikro di AIM dan perbandingan modus operandi dalam pembiayaan mikro AIM dengan piawaian Syariah BNM.

### 7.2 RUMUSAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan, dapat disimpulkan seperti berikut:

#### 7.2.1 *Tawarruq* Menurut Perspektif Syariah

*Tawarruq* merupakan sejenis amalan atau konsep yang mengandungi beberapa akad (kontrak hibrid), sama ada terasing (tidak terikat) sebagaimana dalam *tawarruq fiqhī* atau saling mengikat seperti *tawarruq munazzam*. *Murābahah* komoditi adalah satu istilah yang merujuk kepada transaksi *tawarruq munazzam* (terancang) atau *maṣrifī*. Perbezaan *tawarruq fiqhī* dan *tawarruq munazzam* dirumuskan dalam Jadual 7.1 di bawah:

Jadual 7.1: Ringkasan Perbezaan *Tawarruq Fiqhī* dan *Munazzam*

Perkara	<i>Tawarruq Fiqhī</i>	<i>Tawarruq Munazzam</i>
<b>Definisi</b>	Pembelian komoditi (aset) secara tangguh kemudiannya menjual komoditi tersebut kepada selain penjual asal secara tunai dengan harga yang lebih rendah daripada pembelian pertama untuk memperoleh nilai (wang).	Bank atau institusi kewangan (IK) menguruskan amalan <i>tawarruq</i> bagi pelanggan. Pihak IK menjual komoditi (komoditi di pasaran antarabangsa selain emas dan perak) kepada pelanggannya dengan harga tangguh, kemudian pelanggan mewakili pihak IK untuk menjual komoditi tersebut secara tunai kepada pihak lain dan menyerahkan wang tunai kepada pelanggan.
<b>Bilangan sarjana yang menyokong</b>	Kebanyakan sarjana klasik dan kontemporari membenarkan kerana tidak terdapat unsur riba dan <i>bay al-ḥinah</i> .	Kebanyakan ulama <sup>22</sup> tidak membenarkan. Antara sebab utama penolakan adalah mengamalkan <i>al-tawāṭu</i> atau <i>taljiḥ</i> (perancangan melakukan <i>bay,, al-ḥinah</i> ). Walau bagaimanapun, penyelidik lebih cenderung kepada pandangan yang membenarkan sebagaimana yang difatwakan oleh MPSBNM, MPSBIMB dan LFM yang mengatakan bahawa ia diharuskan sekiranya memenuhi ketetapan ( <i>dawābit</i> ) syarak.
<b>Penerimaan komoditi</b>	Pelanggan menerima komoditi secara hakiki (penerimaan fizikal). Pelanggan boleh memilih sama ada menjual semula komoditi kepada pihak lain dengan sendiri di pasaran atau tidak menjualnya semula.	Dengan penggunaan Platform BSAS, pelanggan berhak mengambil komoditi dan menyimpannya serta boleh menjual terus kepada BSAS sekiranya pelanggan merupakan ahli Bursa Malaysia Islamic Services (BMIS). Jika bukan dalam kalangan peserta BMIS, pelanggan akan melantik IK sebagai wakil untuk menjual komoditinya kepada BSAS. Penerimaan komoditi boleh dilakukan secara hakiki dan <i>hukmī</i> (konstruktif).
<b>Kontrak dalam <i>tawarruq</i></b>	Mengandungi dua bentuk akad yang terasing dan tidak berkait satu sama lain dan tidak bercampur dengan beberapa prosedur atau proses. Akad pertama adalah akad <i>al-bay,,</i> iaitu pelanggan membeli komoditi secara tangguh. Setelah selesai akad ini, pelanggan melakukan akad jual beli kali kedua dengan menjual komoditi kepada pihak selain penjual asal untuk mendapatkan wang.	Konsep yang mengikat satu sama lain. Satu proses yang mengandungi akad jual beli, <i>wakālah</i> , <i>al-waḍ</i> dan beberapa instrumen lain seperti takaful dan <i>ibrā</i> .
<b>Hubung kait dengan penjual asal setelah transaksi Pertama</b>	Tidak wujud hubungan dengan penjual pertama setelah pihak pembeli membuat pembelian komoditi.	Mempunyai hubungan dengan penjual pertama, iaitu IK. Setelah pelanggan selesai mendapatkan atau memiliki komoditi, pelanggan melantik pihak IK untuk menjual semula komoditi yang dibeli ke platform BSAS.

Sumber: Rujuk Perbincangan dalam Bab Empat

Kewujudan BSAS telah menyelesaikan banyak isu Syariah dalam transaksi *tawarruq*, khususnya berkaitan penerimaan dan penyerahan komoditi serta isu *gharar* dalam komoditi. Perselisihan pandangan dalam kalangan ulama<sup>22</sup> berkaitan hukum *tawarruq* terancang adalah bertitik tolak kepada penggunaan kaedah *sadd al-dharī,ah*. Golongan yang menggunakan kaedah ini mereka menolak pelaksanaan *tawarruq* terancang, manakala pihak yang tidak mengaplikasikannya pula membenarkan *al-,īnah* dan *tawarruq*. Mazhab Mālikī dan Ḥanbalī lebih mengutamakan kaedah *sadd al-dharī,ah*. Manakala, pendapat al-Shāfi,ī dan Ibn Ḥazm al-Zāhiri, kedua-duanya memperincikan sama ada kewujudan niat *mafsadah* ataupun tidak. Al-Shāfi,ī dan Ibn Ḥazm al-Zāhiri tidak membenarkan akad yang mengandungi niat yang jelas melakukan perkara yang haram atau *mafsadah* menerusi perjanjian kontrak.

*Tawarruq* merupakan *makhārij* dan alternatif yang dibenarkan bagi memperoleh kecairan wang. Namun begitu, alternatif ini bersifat sementara sehingga para sarjana Syariah dapat menginovasikan produk pembiayaan secara tunai dengan menggunakan kontrak Syariah yang lain kerana ketiadaan *tawarruq* boleh mengakibatkan pinjaman berunsur riba menjadi pilihan bagi golongan PKS.

### **7.2.2 Aplikasi *Tawarruq* dalam Pembiayaan Mikro di AIM**

Kredit mikro di AIM adalah merujuk kepada Skim Pembiayaan Ikhtiar (SPI). SPI menggunakan kontrak *tawarruq* sebagai alternatif bagi menggantikan kontrak *al-qard* sebelum ini yang mengandungi beberapa pertikaian dan kesukaran untuk dilaksanakan.

Di samping itu, *tawarruq* juga mampu memenuhi kemaslahatan masyarakat, khususnya golongan yang memerlukan. Dalam penggunaan *tawarruq* ini, AIM boleh memanfaatkan keuntungan yang diperoleh untuk kebaikan institusi. Manakala, bagi pihak Sahabat (pelanggan) dapat memenuhi keperluannya untuk menjana pendapatan dan tidak timbul sebarang kegelisahan untuk membayarnya secara tunai.

SPI mengamalkan *tawarruq* secara *munazzam* kerana akad yang terkandung dalam *tawarruq* berkenaan saling mengikat satu sama lain sebagaimana dibahaskan dalam perbincangan lepas.

Transaksi *tawarruq* dalam SPI melibatkan empat pihak seperti yang dijelaskan di bawah:

- a) Pihak pembekal komoditi (penjual komoditi).
- b) Pihak institusi AIM.
- c) Pihak Sahabat AIM.
- d) Pihak BMIS sebagai ejen pembekal dan selaku pembeli komoditi daripada Sahabat AIM.

*Tawarruq* SPI melibatkan dua kontrak dasar, iaitu pertama: akad *bay*., dan kedua; akad *wakālah*. Akad jual beli yang dilaksanakan adalah secara berasingan. Pertama; Jual beli secara *musāwamah*, kedua; jual beli secara *al-murābahah* (harga kos beserta untung) dan ketiga; jual beli secara *tawliyyah* (mengikut harga jumlah asal). SPI juga menerapkan dua konsep Syariah yang bersifat sokongan, iaitu *wa,,d al-mulzim* dan *takaful*.

Kaedah permohonan SPI berbeza dengan prosedur permohonan pembiayaan peribadi *tawarruq* dalam sektor perbankan kerana SPI mengamalkan kaedah permohonan secara kumpulan yang terdiri daripada 5 individu. Permohonan kelima-lima Sahabat mengikut kaedah 4 nisbah 1 yang memberi maksud empat sahabat memohon dan ditunda permohonan bagi seorang sahabat yang lain (pengerusi kumpulan). Langkah ini dibuat bagi tujuan pengawasan yang dipanggil sebagai M5 (pengawasan projek dan pengesahan modal) yang dipantau oleh ketua kumpulan.

Konsep *tabarru*., turut diterapkan dalam pembiayaan melalui pelaksanaan skim TKH dan sumbangan Sahabat dengan menghalalkan 1% daripada jumlah pembiayaan dalam TKKS.

### 7.2.3 Perbandingan Modus Operandi *Tawarruq* dalam Pembiayaan Mikro AIM dengan Piawaian Syariah BNM

Hasil daripada lima aspek yang dijadikan sebagai asas bagi analisis terhadap piawaian Syariah BNM mendapati bahawa isu berkaitan harga dan komoditi tidak dapat dipenuhi dengan sempurna. Dua isu Syariah dikesan dalam SPI. Pertama; berkaitan makluman status komoditi kepada Sahabat AIM dan kedua; makluman jumlah harga jualan secara *murābahah* (kos beserta kadar keuntungan) dalam dua dokumen, iaitu *e-Certificate* BSAS dan rekod dokumen SAFIS. Kedua-dua permasalahan ini tidak melibatkan *gharar fāhish* yang ditegah oleh *itifaq fuqahā*". Isu pertama dianggap sebagai *gharar yasīr* sekiranya Pegawai Amanah cawangan AIM menjelaskan subjek pembelian (*ma, qūd* ,, *alayh*) kepada Sahabat. Masalah ini timbul disebabkan oleh kesamaran dari segi status komoditi dalam dokumen yang berkaitan.<sup>1</sup> Menurut pandangan penyelidik, pemberitahuan komoditi CPO oleh Pegawai Amanah kepada pelanggan AIM pada waktu ini merupakan satu kewajipan bagi mengelakkan berlakunya *gharar fāhish*.

Isu kedua; wujudnya *gharar yasīr* dalam dokumen *e-certificate* dan rekod dokumen SAFIS. Namun, kedua-dua dokumen ini tidak memberi impak kepada pembatalan kontrak apabila didapati wujudnya dokumen lain sebagai sokongan<sup>2</sup> yang menyatakan harga jualan (kos beserta kadar keuntungan). Walau bagaimanapun, SPI masih mengekalkan hukum asal keharusan kontrak *tawarruq* yang didasari oleh kaedah *istishāb al-ibāḥah al-aşliyyah*.

---

<sup>1</sup> Lihat: Perbincangan lepas, halaman 120-121.

<sup>2</sup> Lihat: Perbincangan lepas, halaman 132-133.

SPI menggunakan dua metode pemeteraian "*ijāb qabūl tawarruq*, iaitu kaedah *kitābah* (rekod dokumentasi) dan kaedah lisan. Penggunaan rekod dokumen yang dilaksanakan dalam SPI tidak bercanggah dengan pendirian empat mazhab muktabar dan bertepatan dengan piawaian Syariah BNM.

SPI juga mengaplikasikan konsep *dual agency* sebagaimana saranan *Standard Shariah* BNM dalam isu kontrak perwakilan. Pelaksanaan *wakālah* berkenaan turut menepati piawaian AAOIFI kerana bebas daripada *bay*, *wakīl li nafsih*. Tidak wujud sebarang tujuan yang menjurus kepada keburukan atau *mafsadah* yang boleh dianggap sebagai aturan *wakālah* dalam SPI sebagai satu *ḥīlah ghayr shar'iyyah* kerana tujuan pelaksanaan *wakālah* dalam *tawarruq* adalah untuk memudahkan pelanggan agar tidak berulang alik ke institusi bagi menyempurnakan akad jual beli. Isu perwakilan dalam kontrak *tawarruq* telah berjaya ditangani dengan baik berlandaskan prinsip Islam melalui aplikasi piawaian Syariah BNM kerana isu ini seringkali ditimbulkan oleh ahli akademik melalui kajian-kajian lepas mereka disebabkan BNM tidak mewujudkan garis panduan Syariah.

Mengenai isu *al-ḥinah* dalam *tawarruq* SPI, AIM berjaya memenuhi keperluan *dawābiḥ* sepertimana yang ditetapkan dalam *Standard Shariah* BNM: S 18.3 dan AAOIFI no. 30. Walau bagaimanapun, secara pelaksanaannya didapati wujudnya *al-ḥinah* yang dikesan pada peringkat penjualan komoditi antara pihak BMIS dengan peserta-peserta komoditi melalui penentuan daripada sistem BSAS. Menurut penyelidik, walaupun kadangkala sistem menentukan jualan komoditi dikembalikan kepada penjual asal, namun *al-ḥinah* masih dalam kerangka yang dibenarkan mengikut pandangan al-Shāfi'ī dan ibn Ḥazm al-Zāhiri kerana tidak mendapati sebab (*illah*) larangan dengan dibuktikan dua pembuktian, pertama; berdasarkan motif platform BSAS diwujudkan oleh pihak Bursa dan kedua; tiada persepakatan awal dibuat dalam perjanjian akad bahawa pembeli komoditi yang terakhir adalah pihak AIM atau penjual asal.

Amalan *bay,, wa salaf* juga tidak timbul kerana Sahabat AIM menerima wang pembiayaan pada hari transaksi *tawarruq* dibuat dan penerimaan tersebut diperoleh setelah PPA mengeluarkan surat WP4.

AIM belum mengambil inisiatif bagi melakukan pemantauan dan pengawasan berkaitan sifat komoditi dari segi nilai dan kualiti di lokasi penyimpanan minyak pembekal. Mengabaikan perkara ini boleh mencetuskan subjek (*ma,qūd ,alayh*) yang terdiri daripada komoditi yang rosak dan tidak bernilai dan sekaligus merosakkan kontrak yang telah dipersetujui bersama. .

Tidak berlaku isu pertindihan komoditi kerana pemilikan komoditi CPO adalah dimiliki secara sempurna sebelum pembeli menjualnya kepada pihak lain. Ini dibuktikan melalui catatan masa yang ditunjukkan dalam sijil BSAS.

Golongan PKS dan miskin amat memerlukan kecairan tunai bagi menjana ekonomi mereka. Bagi memenuhi kehendak tersebut, memakai pandangan membenarkan *tawarruq* untuk digunakan sebagai kontrak pendasar dalam SPI adalah merupakan keputusan yang tepat kerana tiada alternatif yang lebih sesuai dan kompetatif untuk dilaksanakan berbanding kontrak ini.

### 7.3 CADANGAN KAJIAN

Setelah dikemukakan kesimpulan di atas, terdapat sepuluh cadangan kepada AIM untuk dijadikan panduan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kredit mikro dan dasar pelaksanaan pembiayaan demi mencapai matlamat penubuhan institusi.<sup>3</sup> Cadangan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

#### 7.3.1 Pengaplikasian *Ibrā'* dalam *Tawarruq* yang Sedia Ada

*Ibrā'* didefinisikan sebagai pengguguran hak tuntutan seseorang ke atas sesuatu atau dengan kata lain merujuk kepada rebat yang diberikan oleh pemiutang kepada penghutang yang melunaskan pembiayaan lebih awal berasaskan kepada kontrak jual dan beli. Berikut adalah contoh kiraan *ibrā'*:

Formula:  $\text{Profit} \times \frac{(\text{Tempoh Pembayaran Balik} - \text{Tempoh Penyelesaian})}{\text{Tempoh Pembayaran Balik}}$

Harga Jualan: RM3 000 + Profit RM 150

Tempoh Pembayaran Balik: 180 Hari

Tempoh Penyelesaian: 60 Hari

$\text{Ibrā}' = \text{RM}150 \times \frac{(180 - 60)}{180}$

= RM100

Atau

Harga Jualan: RM7 000 + Profit 10% setahun

Tempoh Pembayaran Balik: 365 Hari

Tempoh Penyelesaian: 280 Hari

$\text{Ibrā}' = (\text{RM}7000 \times 10\%) \times \frac{(365 - 280)}{365}$

= RM163

Sumber: Ubah suai daripada BNM<sup>4</sup>

<sup>3</sup>Matlamat Penubuhan:

1. Mengurangkan kemiskinan dalam kalangan isi rumah miskin dan berpendapatan rendah di Malaysia dengan menyediakan pembiayaan kredit mikro untuk membiayai kegiatan-kegiatan yang boleh menambah dan meningkatkan pendapatan.
2. Melahirkan usahawan dalam kalangan miskin dan berpendapatan rendah.
3. Menyediakan kemudahan kewangan, bimbingan dan latihan berterusan kepada usahawan-usahawan daripada keluarga miskin dan berpendapatan rendah.

Lihat: Portal Rasmi Amanah Ikhtiar Malaysia, <https://www.aim.gov.my/kenali-kami/profil/maklumat-korporat>(diakses pada 1 Februari 2017).

<sup>4</sup>Islamic Banking and Takaful Department, "Tawarruq Concept Paper" (makalah, Bank Negara Malaysia, 15 April 2015), 29.



*Ibrā*” dilaksanakan agar dapat meringankan beban pelanggan, terutamanya mereka yang melunaskan bayaran awal daripada pihak PKS. Prinsip AIM yang tidak bermatlamatkan keuntungan, penyelidik mencadangkan agar *ibrā*” diaplikasikan dalam ruang lingkup asal, iaitu berbentuk *isqāt* yang bersifat *tabarru*., dan bukanlah secara bilateral.

### **7.3.2 Pemindaan Teks “Komoditi” dalam Dokumen**

